



# KOMPILASI HUKUM DAN FATWA BERKAITAN WAKAF, ZAKAT, HAJI & SUMBER AM

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)  
JABATAN PERDANA MENTERI

## *SEKAPUR SIRIH*

Ketua Pengarah

Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT dan bersyukur atas limpah kurnia-Nya kerana Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) berjaya menerbitkan Kompilasi Hukum dan Fatwa berkaitan Wakaf, Zakat, Haji dan Sumber Am untuk dijadikan panduan kepada semua lapisan masyarakat sebagai bahan rujukan.

Sekalung tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan, kerjasama dan komitmen khususnya kepada pegawai-pegawai dan pakar-pakar rujuk JAWHAR sehingga Kompilasi Hukum dan Fatwa ini berjaya diterbitkan. Kerjasama seperti ini diharap akan berterusan untuk pemerkasaan tadbir urus terbaik demi kemajuan institusi Islam di Malaysia khususnya dan dunia umumnya.

Semoga Kompilasi Hukum dan Fatwa ini dapat diguna pakai oleh semua lapisan masyarakat bagi tujuan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan masing-masing.

Akhir kata, sebarang pandangan yang membina daripada semua pihak amatlah dialukan bagi penambahbaikan Kompilasi Hukum dan Fatwa ini pada masa akan datang.

**DATUK HJ. ANAN BIN C. MOHD**

Ketua Pengarah

## *SEULAS PINANG*

Timbalan Ketua Pengarah

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, kerana dengan taufik dan inayah-Nya, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dapat menyempurnakan penerbitan Kompilasi Hukum dan Fatwa berkaitan Wakaf, Zakat, Haji dan Sumber Am untuk dijadikan panduan dan rujukan umum.

Penerbitan Kompilasi Hukum dan Fatwa ini merupakan sebahagian usaha gigih dan berterusan pihak JAWHAR dalam memperkemas dan meneruskan kesinambungan transformasi untuk menyediakan input terbaik kepada para pembaca sekalian.

Kompilasi Hukum dan Fatwa ini wajar dijadikan panduan dan rujukan masyarakat atau organisasi dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan modal insan ke arah memperbaiki kualiti peribadi, berdisiplin, berdedikasi dan berintegriti dalam kehidupan seharian.

Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada JAWHAR atas daya usaha proaktif menerbitkan Kompilasi Hukum dan Fatwa ini. Semoga usaha murni ini dikira amalan soleh dan mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT, Insya-Allah.

**HJ. MU'AZ BIN HJ. ZAWAWI**

Timbalan Ketua Pengarah

## **PENGHARGAAN**

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama serta sumbangan idea dan maklumat bagi menghasilkan buku Kompilasi Hukum dan Fatwa berkaitan Wakaf, Zakat, Haji dan Sumber Am. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua pegawai JAWHAR yang telah memberi input berhubung dengan penerbitan Kompilasi Hukum dan Fatwa ini.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam penyediaan dan penerbitan Kompilasi Hukum dan Fatwa sebagaimana berikut:

- Tuan Hj. Mohd Bakri bin Ibrahim
- Ustaz Ridzuan bin Awang
- Ustazah Zaleha binti Embong
- Ustazah Hafizah binti Abdul Shukor
- Ustaz Murid Fadzli bin Musa
- Ustaz Azizi bin Salleh
- Ustaz Muhammad Suardi bin Shafien
- Ustaz Mohd Mustafidurrohman bin Mohd Syahroni

Tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada semua peserta Bengkel Pemurnian Kompilasi Hukum dan Fatwa yang turut sama dalam memberi sumbangan dan buah fikiran dalam memurnikan kompilasi tersebut.

Akhir sekali ucapan terima kasih kepada semua warga kerja JAWHAR yang telah membantu merealisasikan penerbitan Kompilasi Hukum dan Fatwa tersebut untuk panduan dan rujukan kita semua.

## KANDUNGAN

<b>SEKAPUR SIRIH KETUA PENGARAH JAWHAR</b>	i
<b>SEULAS PINANG TIMBALAN KETUA PENGARAH JAWHAR</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>BAB 1: WAKAF MENURUT AL-QURAN, HADIS DAN FATWA</b>	
<b>Bahagian 1: Pengenalan</b>	2
Definisi Wakaf	2
Kedudukan Wakaf Dalam Islam	2
Pembahagian Wakaf	4
Rukun Wakaf	6
Kelebihan Menunaikan Wakaf	6
<b>Bahagian 2: Himpunan Ayat Al-Quran, Hadis Dan Fatwa Berkaitan Wakaf</b>	7
Fasal 1: Himpunan Ayat Al-Quran	7
Fasal 2: Himpunan Hadis	11
Fasal 3: Himpunan Fatwa	13
<b>BAB 2: ZAKAT MENURUT AL-QURAN, HADIS DAN FATWA</b>	
<b>Bahagian 1: Pengenalan</b>	32
Definisi Zakat	32
Kedudukan Zakat Dalam Islam	32
Dalil Wajib Zakat	32
Jenis-jenis Zakat	34
Syarat Wajib Zakat Harta	37
Hikmah Pensyariatan Zakat	38

<b>Bahagian 2: Himpunan Ayat Al-Quran, Hadis Dan Fatwa Berkaitan Zakat</b>	<b>39</b>
Fasal 1: Himpunan Ayat Al-Quran	39
Fasal 2: Himpunan Hadis	49
Fasal 3: Himpunan Fatwa	53
<b>BAB 3: HAJI DAN UMRAH MENURUT AL-QURAN, HADIS DAN FATWA</b>	
<b>Bahagian 1: Pengenalan</b>	<b>89</b>
Definisi Haji dan Umrah	89
Kedudukan Haji dan Umrah Dalam Islam	89
Kelebihan Menunaikan Haji	89
Jenis-Jenis Haji	90
Rukun Haji	91
Rukun Umrah	91
Hukum Menunaikan Haji	92
Wajib Haji dan Umrah	92
Larangan-larangan Dalam Ihram	92
<b>Bahagian 2: Himpunan Ayat Al-Quran, Hadis dan Fatwa Berkaitan Haji dan Umrah</b>	<b>94</b>
Fasal 1: Himpunan Ayat Al-Quran	94
Fasal 2: Himpunan Hadis	106
Fasal 3: Himpunan Fatwa	109
<b>BAB 4: SUMBER AM MENURUT AL-QURAN, HADIS DAN FATWA</b>	
<b>Bahagian 1: Pengenalan</b>	<b>134</b>
Definisi Sumber Am	134
Bahagian-Bahagian Sumber Am	134

1.	Pusaka	134
2.	Wasiat	134
3.	Hibah	135
4.	Sedekah	135
5.	Fidyah	136
6.	Kafarah	136
7.	Nazar	137
8.	<i>Luqatah</i>	137
9.	Harta Tidak Patuh Syariah	138
<b>Bahagian 2: Himpunan Ayat Al-Quran, Hadis dan Fatwa Berkaitan Sumber Am</b>		140
Fasal 1: Himpunan Ayat Al-Quran		140
Fasal 2: Himpunan Hadis		152
Fasal 3: Himpunan Fatwa		162

**BAB 1:**  
**WAKAF MENURUT AL-QURAN, HADIS DAN FATWA**

## BAHAGIAN 1:

### PENGENALAN

#### DEFINISI WAKAF

Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya ('ain). Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khusus (yang ditetapkan) dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT oleh pewakaf.

#### KEDUDUKAN WAKAF DALAM ISLAM

Wakaf adalah suatu ibadah yang disyariatkan dan amat digalakkan dalam Islam. Hukumnya adalah sunat. Ganjaran pahalanya amat besar dan berterusan selama mana harta yang diwakafkan itu masih diambil manfaatnya. Ia merupakan suatu pemilikan yang tidak sempurna kerana pemilikan 'ain (barangan yang diwakafkan) adalah milik Allah SWT. Manakala, manfaat atau hasil wakaf itu kepunyaan *mawquf 'alaih* iaitu pihak yang ditentukan menerima manfaat wakaf. Ayat-ayat al-Quran dan hadis banyak sekali menyebutkan tentang anjuran melaksanakan wakaf dan kelebihan yang diperoleh kepada pewakaf, antaranya:

Firman Allah SWT:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Maksudnya:

*“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil) dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya”.*

(Surah al-Baqarah: 195)

Firman-Nya lagi:

وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١٤﴾

Maksudnya:

*“...Dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah: (Dermakanlah apa-apa) yang berlebihan dari keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) supaya kamu berfikir.”*

(Surah al-Baqarah: 219)

Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ : صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ .

Maksudnya:

*“Apabila seseorang manusia itu meninggal dunia maka terputuslah semua amalnya, kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan, atau anak soleh yang mendoakannya.”*

(Riwayat Muslim)

Di dalam hadis yang lain, baginda SAW bersabda:

إِنَّ مِمَّا يَلْحَقُ الْمُؤْمِنَ مِنْ عَمَلِهِ وَحَسَنَاتِهِ بَعْدَ مَوْتِهِ عِلْمًا عَلَّمَهُ وَنَشَرَهُ وَوَلَدًا صَالِحًا تَرَكَهُ وَمُصْحَفًا وَرِثَةً أَوْ مَسْجِدًا بَنَاهُ أَوْ بَيْتًا لِابْنِ السَّبِيلِ بَنَاهُ أَوْ نَهْرًا أَجْرَاهُ أَوْ صَدَقَةً أَخْرَجَهَا مِنْ مَالِهِ فِي صِحَّتِهِ وَحَيَاتِهِ يَلْحَقُهُ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ .

Maksudnya:

*“Sesungguhnya antara perkara-perkara yang akan mengiringi seseorang mukmin daripada amalan dan kebbaikannya selepas kematiannya ialah (tujuh perkara): Ilmu yang dipelajari lalu diajarkan kepada orang lain dan terus disembarkannya, anak-anak yang salih yang ditinggalkan dan al-Quran yang diwariskan atau masjid-masjid yang dibinanya, rumah-rumah musafir di perjalanan yang didirikannya, anak-anak sungai yang dialirinya atau sedekah yang dikeluarkan daripada hartanya ketika sihat dan hidupnya yang mengiringinya selepas kematiannya.”*

(Riwayat Ibnu Majah)

Juga sabda Rasulullah SAW:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : أَصَابَ عُمَرُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ , فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا , فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ , إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ هُوَ أَنفَسُ عِنْدِي مِنْهُ , فَقَالَ : إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا , قَالَ : فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ , وَأَنَّهُ لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا , وَلَا يُبْتَاغُ وَلَا يُورَثُ

وَلَا يُوهَبُ قَالَ فَتَصَدَّقَ عُمَرُ فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْقُرْبَىٰ وَفِي الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ  
وَأَبْنِ السَّبِيلِ وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَىٰ مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعِمَ  
صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ مَالًا .

Maksudnya:

*“Daripada Ibnu ‘Umar RA katanya: ‘Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Nabi SAW untuk minta tunjuk ajar tentang cara pengelolaannya, katanya: Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Belum pernah saya memperoleh harta yang lebih baik daripada ini. Baginda bersabda: Jika kamu suka, tahanlah tanah itu (yakni wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkan manfaatnya. Lalu ‘Umar mengeluarkan sedekah hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. ‘Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekakan hamba juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya.”*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

## **Pembahagian Wakaf**

Wakaf terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

i. Wakaf Ahli (wakaf keluarga)

Wakaf ini dikhususkan manfaatnya kepada ahli keluarga yang ditentukan oleh pewakaf.

ii. Wakaf *Khairi* (kebajikan)

Berbeza dengan wakaf ahli, wakaf ini tidak terhad dan terbatas kepada ahli keluarga pewakaf sahaja manfaatnya bahkan diperuntukkan bagi tujuan kebajikan umum termasuk ahli keluarga pewakaf ataupun selain mereka. Ulama telah membahagikan wakaf ini kepada dua jenis, iaitu:

a. Wakaf Am

Diertikan sebagai suatu wakaf yang diwujudkan bagi maksud khairat umum mengikut hukum Syarak, seperti untuk kegunaan keagamaan atau pembangunan ekonomi umat Islam yang boleh dijalankan melalui pelbagai aktiviti menurut hukum Syarak. Contohnya seperti seorang mewakafkan sebidang tanah milik beliau untuk kebajikan am. Dalam wakaf ini, pemegang amanah boleh membangunkan harta wakaf tersebut yang mendatangkan hasil atau manfaat sebaik mungkin tanpa terikat

dengan jenis kebajikan atau bentuk pembangunan tertentu. Manakala manfaatnya pula diagihkan kepada apa juga bentuk kebajikan am yang mana pahalanya berterusan kembali kepada pewakaf.

b. Wakaf Khas

Diertikan sebagai suatu wakaf yang diwujudkan bagi maksud khairat tertentu mengikut hukum Syarak, seperti mewakafkan tanah atau hasil (manfaat) daripada tanah berkenaan untuk tapak masjid, surau, sekolah, rumah anak yatim, ahli keluarga dan lain-lain yang dikhususkan oleh pewakaf.

Berdasarkan kepada kaedah pelaksanaan, wakaf *khairi* terbahagi kepada beberapa jenis, iaitu:

a. Wakaf *Irsod*

Penyerahan mana-mana tanah sebagai wakaf oleh mana-mana Pihak Berkuasa Negeri, Kerajaan Persekutuan atau mana-mana perbadanan, Institusi, organisasi atau badan lain menurut hukum Syarak.

b. Wakaf Saham

Mewakafkan saham-saham syarikat perniagaan dengan pembelian atau saham-saham yang sedia ada. Contohnya seseorang mewakafkan saham syarikat B yang dipegangnya kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

c. Saham Wakaf

Menggalakkan umat Islam berwakaf melalui wang ringgit (tunai) dengan cara membeli unit-unit saham yang ditawarkan oleh MAIN dan mewakafkan sijil-sijil tersebut untuk selama-lamanya kerana Allah SWT bertujuan demi manfaat dan kebajikan umat Islam.

d. Wakaf *Musyarak*

Penyatuan beberapa wakaf termasuk wakaf yang diwujudkan melalui *istibdal* dan saham wakaf.

e. Wakaf *Musyarak*

Mewakafkan apa-apa hak ke atas mana-mana harta yang dimiliki bersama yang tidak boleh dipecahbagikan. Menurut kebanyakan ulama' harus mewakafkan harta yang dikongsi atau dimiliki bersama dengan orang lain yang tidak boleh dibahagi seperti dua orang mempunyai hak ke

atas rumah dan sebuah kereta. Jika salah seorang pemilik mewakafkan bahagiannya, maka wakaf ini adalah sah.

### **Rukun Wakaf**

- i. *Al-Waqif* (Pewakaf)
- ii. *Al-Mawquf* (Harta yang diwakafkan)
- iii. *Al-Mawquf 'alaih* (Penerima manfaat wakaf)
- iv. *Al-Sighah* (Lafaz wakaf)

### **Kelebihan Menunaikan Wakaf**

Kelebihan yang diperoleh daripada ibadah wakaf ialah:

- i. Menzahirkan pengabdian diri kepada Allah SWT.
- ii. Mendekatkan diri dengan Allah SWT.
- iii. Mendapat kebajikan yang berkekalan semasa hidup dan selepas pewakaf meninggal dunia.
- iv. Berkongsi manfaat di kalangan masyarakat Islam seperti membina masjid dan sekolah untuk menghidupkan syiar Islam dan aktiviti keilmuan.
- v. Mengukuhkan perpaduan ummah.
- vi. Memastikan pengekalan pemikiran dan perkongsian aset umat Islam.

## BAHAGIAN 2:

### HIMPUNAN AYAT AL-QURAN, HADIS DAN FATWA BERKAITAN WAKAF

#### FASAL 1:

##### Himpunan Ayat Al-Quran

1. Surah al-Baqarah: 195

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Maksudnya:

“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil) dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

2. Surah al-Baqarah: 219

وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْغَفْوُ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١٩﴾

Maksudnya:

“...Dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah: (Dermakanlah apa-apa) yang berlebihan dari keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) supaya kamu berfikir.”

3. Surah al-Baqarah: 267

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ

حَمِيدٌ ﴿٢٦٧﴾

Maksudnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kami jadikan pemberian zakat), Padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu, (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.”*

4. Surah al-Baqarah: 270

وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ نَفَقَةٍ أَوْ نَذَرْتُمْ مِنْ نَذْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُهَا وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ ﴿٢٧٠﴾

Maksudnya:

*“Dan (ketahuilah), apa sahaja yang kamu belanjakan (dermakan) atau apa sahaja yang kamu nazarkan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya dan (ingatlah), orang-orang yang zalim itu tidak ada sesiapa pun yang dapat menolongnya.”*

5. Surah Ali 'Imran: 117

مَثَلُ مَا يُنْفِقُونَ فِي هَذِهِ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَثَلِ رِيحٍ فِيهَا صِرٌّ أَصَابَتْ حَرْثَ قَوْمٍ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ فَأَهْلَكَتْهُ وَمَا ظَلَمَهُمُ اللَّهُ وَلَكِنْ أَنْفُسُهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿١١٧﴾

Maksudnya:

*“Bandingan apa yang mereka belanjakan dalam kehidupan dunia ini (sekalipun untuk amal-amal yang baik), samalah seperti angin yang membawa udara yang amat sejuk, yang menimpa tanaman kaum yang menganiaya diri mereka sendiri, lalu membinasakannya; dan (ingatlah), Allah tidak menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri.”*

6. Surah al-Nisa': 39

وَمَاذَا عَلَيْهِمْ لَوْ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقَهُمُ اللَّهُ <sup>ع</sup> وَكَانَ اللَّهُ بِهِمْ عَلِيمًا ﴿٣٩﴾

Maksudnya:

*“Dan apakah (kerugian) yang akan menimpa mereka jika mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, serta mereka mendermakan sebahagian dari apa yang telah dikurniakan Allah SWT kepada mereka? Dan (ingatlah) Allah SWT sentiasa mengetahui akan keadaan mereka.”*

7. Surah al-Ra'd: 22

وَالَّذِينَ صَبَرُوا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرءُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ أُولَئِكَ لَهُمْ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٢﴾

Maksudnya:

*“Dan orang-orang yang sabar kerana mengharapkan keredaan Tuhan mereka semata-mata dan mendirikan sembahyang, serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka dan mereka pula menolak kejahatan dengan cara yang baik; mereka itu semuanya adalah disediakan baginya balasan yang sebaik-baiknya pada hari akhirat.”*

8. Surah al-Furqan: 67

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

Maksudnya:

*“Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tidak bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”*

9. Surah al-Qasas: 54

أُولَئِكَ يُؤْتُونَ أَجْرَهُمْ مَرَّتَيْنِ بِمَا صَبَرُوا وَيَدْرءُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٥٤﴾

Maksudnya:

*“Mereka itu beroleh pahala dua kali disebabkan kesabaran mereka; dan juga kerana mereka menolak kejahatan dengan kebaikan, dan mereka mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka”.*

10. Surah Fatir: 29

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّنْ تَبُورَ ﴿٢٩﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara sembunyi atau secara berterang-terang, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharap sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian.”

11. Surah al-Hadid: 7

ءَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَأَنْفِقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُسْتَخْلِفِينَ فِيهِ ۗ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَأَنْفَقُوا هُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿٧﴾

Maksudnya:

“Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dari harta benda! (pemberian Allah) yang dijadikan-Nya kamu menguasai-Nya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian daripada harta itu pada jalan Allah), mereka tetap beroleh pahala yang besar.”

12. Surah al-Munafiqun: 10

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

“Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: “Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang salih.”

13. Surah al-Talaq: 7

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ ۗ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ  
نَفْسًا إِلَّا مَاءً آتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ﴿٧﴾

Maksudnya:

“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang termampu); Allah tidak memberkati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.”

## FASAL 2:

### Himpunan Hadis

1. Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ : صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ  
وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ .

Maksudnya:

“Apabila seseorang manusia itu meninggal dunia maka terputuslah semua amalnya, kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan, atau anak soleh yang mendoakannya”.

(Riwayat Muslim)

2. Daripada Ibnu ‘Umar RA katanya:

أَصَابَ عُمَرُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ , فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ  
فِيهَا , فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ , إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ هُوَ  
أَنْفَسُ عِنْدِي مِنْهُ , فَقَالَ : إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا , قَالَ : فَتَصَدَّقَ  
بِهَا عُمَرُ , وَأَنَّهُ لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا , وَلَا يُبْتَاعُ وَلَا يُورَثُ وَلَا يُوهَبُ قَالَ فَتَصَدَّقَ  
عُمَرُ فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْقُرْبَى وَفِي الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ  
وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا  
غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ مَالًا .

Maksudnya:

“Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Nabi SAW untuk minta tunjuk ajar tentang cara pengelolaannya, katanya: Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Belum pernah saya memperoleh harta yang lebih baik daripada ini. Baginda bersabda: Jika kamu suka, tahanlah tanah itu (yakni wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkan manfaatnya. Lalu ‘Umar mengeluarkan sedekah hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. ‘Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekakan hamba juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

3. Daripada Ibnu ‘Umar RA katanya:

قَالَ عُمَرُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الْمِائَةَ سَهْمٍ الَّتِي لِي يَخْيَبِرَ لَمْ أَصِيبْ مَالًا قَطُّ أَعْجَبَ إِلَيَّ مِنْهَا قَدْ أَرَدْتُ أَنْ أَتَصَدَّقَ بِهَا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِحْسِنْ أَصْلَهَا وَسَبِّلْ ثَمَرَتَهَا .

Maksudnya:

“Umar Ibnu al-Khattab bertanya kepada Rasulullah SAW: “Sesungguhnya aku telah mendapatkan seratus saham di Khaibar, aku tidak pernah memperoleh harta yang berharga yang menakjubkan aku sebelum ini, aku ingin mendermakannya.” Jawab Rasulullah SAW: “Jika engkau suka tahanlah tanah itu dan engkau sedekahkan manfaat atau hasilnya”.

(Riwayat al-Nasa’i dan Ibnu Majah)

4. Daripada Abu Hurairah RA katanya:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ مِمَّا يَلْحَقُ الْمُؤْمِنَ مِنْ عَمَلِهِ وَحَسَنَاتِهِ بَعْدَ مَوْتِهِ عِلْمًا عَلِمَهُ وَنَشْرَهُ وَوَالِدًا صَالِحًا تَرَكَهُ وَمُصَدِّقًا وَرَثَتَهُ أَوْ مَسْجِدًا بَنَاهُ أَوْ بَيْتًا لِابْنِ السَّبِيلِ بَنَاهُ أَوْ نَهْرًا أَجْرَاهُ أَوْ صَدَقَةً أَخْرَجَهَا مِنْ مَالِهِ فِي صِحَّتِهِ وَحَيَاتِهِ يَلْحَقُهُ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ .

Maksudnya:

“Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya antara perkara-perkara yang akan mengiringi seseorang mukmin daripada amalan dan kebajikannya selepas kematiannya ialah (tujuh perkara): Ilmu yang dipelajari lalu diajarkan kepada

*orang lain dan terus disembarkannya, anak-anak yang salih yang ditinggalkan dan al-Quran yang diwariskan atau masjid-masjid yang dibinanya, rumah-rumah musafir di perjalanan yang didirikannya, anak-anak sungai yang dialirinya atau sedekah yang dikeluarkan daripada hartanya ketika sihat dan hidupnya yang mengiringinya selepas kematiannya.”*

(Riwayat Ibnu Majah)

## **FASAL 3:**

### **Himpunan Fatwa**

#### **1. Hukum Membangunkan Tanah Wakaf Khas dengan Pembangunan Selain daripada Niat Asal Pewakaf**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1 - 3 Februari 2008 telah membincangkan Hukum Membangunkan Tanah Wakaf Khas Dengan Pembangunan Selain Daripada Niat Asal Pewakaf.

Keputusan:

Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa membangunkan tanah wakaf khas khususnya wakaf masjid dengan tambahan projek pembangunan atau beberapa penambahbaikan bagi menjamin harta wakaf tersebut kekal adalah diharuskan oleh Islam dengan syarat pembangunan ini hendaklah berdasarkan keperluan yang boleh ditentukan oleh pemerintah dan tidak bercanggah dengan syariah Islam.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-80

Tarikh : 1-3 Februari 2008

#### **2. Hukum Berkaitan Pembangunan Tanah Wakaf Di Bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10 - 12 April 2007 telah membincangkan Hukum Berkaitan Pembangunan Tanah Wakaf Di Bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9). Muzakarah telah memutuskan bahawa:

##### **1. Status Bangunan yang Telah Siap Dibina Di Atas Tanah Wakaf**

- i. Bangunan yang telah siap dibina di atas tanah wakaf tidak menjadi wakaf secara automatik. Sekiranya pihak JWZH ingin mewakafkannya, ia tidak menjadi halangan.

- ii. Bangunan tersebut perlu didaftarkan sebagai harta wakaf yang baru dan perlu memenuhi rukun-rukun wakaf dan enakmen negeri-negeri.
2. Pembangunan Menggunakan Dana Program Pembangunan Harta Wakaf RMK 9 Di Atas Tanah Baitulmal Milik MAIN
  - i. Tanah baitulmal milik MAIN dan bangunan yang dibina di atas tanah tersebut yang menggunakan dana program pembangunan Harta Wakaf RMK 9 boleh didaftarkan sebagai harta wakaf.
  - ii. Untuk memenuhi dan mematuhi peraturan syariah, JWZH hendaklah merujuk kepada syarat-syarat wakaf yang sedia ada.
3. Pemajakan Tanah Wakaf Kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Tanah wakaf boleh dipajak tetapi tidak boleh dijual.
4. Penjualan Pajakan Unit Kedai/Kediaman/Ruang Pejabat Yang Telah Dibangunkan Di atas Tanah Wakaf
  - i. Unit-unit kediaman atau kedai yang dibina di atas tanah wakaf boleh dipajak kepada individu bagi tempoh jangka panjang.
  - ii. Syarat dan kaedah yang perlu dipatuhi supaya menepati keperluan syarak adalah berdasarkan Akad Pajakan (sewaan).
5. Status Kerajaan Persekutuan Dalam Pembangunan Tanah Wakaf
  - i. Kerajaan Persekutuan boleh dianggap sebagai pewakaf dengan syarat peruntukan yang disediakan untuk membangunkan tanah wakaf diniat untuk wakaf.
  - ii. Sebagai pewakaf, kerajaan berhak menentukan syarat-syarat harta yang diwakafkan. Sungguhpun begitu, perlantikan nazir tidak dibenarkan kerana bercanggah dengan Enakmen sedia ada.
6. Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JWZH) Sebagai Pemegang Amanah Dana Program Pembangunan Harta Wakaf RMK 9

JWZH boleh menjadi pemegang amanah dana Program Pembangunan Harta Wakaf RMK 9 melalui entiti wakaf kebangsaan yang akan ditubuhkan menerusi usahasama ekonomi dengan MAIN dengan syarat mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak di antara MAIN dan JWZH.
7. Pemegang Amanah Tunggal Wakaf

Isu MAIN sebagai pemegang amanah tunggal wakaf bukan merupakan isu syariah sebaliknya isu dasar yang melibatkan pentadbiran.

#### 8. Wakaf Wang Tunai

Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan di dalam Islam.

#### 9. Pengecualian atau Remitan Cukai Tanah Terhadap Harta Wakaf

Harta wakaf wajar mendapat pengecualian daripada cukai.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke -77

Tarikh : 10-12 April 2007

### 3. **Hukum Wakaf Bagi Tanah Bertaraf “Hak Milik Terhad”**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-65 yang bersidang pada 13 Oct 2004 telah membincangkan Hukum Wakaf Bagi Tanah Bertaraf Hak Milik Terhad. Muzakarah telah memutuskan bahawa mewakafkan tanah hak milik terhad (*leasehold*) adalah sah dan diterima oleh syarak.

#### Latar Belakang

Isu wakaf bagi tanah bertaraf hak milik terhad ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam kali ke-43, pada 9 Februari 2004. Pemilikan tanah kerajaan berasaskan Akta Kanun Tanah Negara (KTN) iaitu salah satu kaedah pelupusan tanah oleh pihak berkuasa negeri. Seksyen 76 (a) menjelaskan pemberian milik tanah dengan cara pelupusan tidak boleh lebih daripada sembilan puluh sembilan tahun. Pemberian milik terhad ini menjadikan taraf hak miliknya terhad (*leasehold*). Kedudukan tanah *leasehold* apabila tamat tempoh pemberimilikan akan kembali menjadi hak milik kerajaan mengikut peruntukan dalam Seksyen 46(1) (a) (KTN).

Kedudukan tanah pemilikan terhad; apabila tamat tempoh pemberimilikan harta berkenaan akan kembali menjadi hak milik kerajaan. Kerajaan boleh menganugerahkan hak milik tanah yang telah tamat tempoh pemilikan kepada agensi atau orang yang memohon serta membayar premium untuk pemilikan selanjutnya.

Disebabkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf, lazimnya pembaharuan pemilikan bagi tanah wakaf *leasehold* diuruskan oleh MAIN, termasuk bayaran premium pemilikan. Sekiranya pembaharuan pemilikan dibuat oleh MAIN, adakah keadaan ini ada implikasi kepada konsep wakaf tanah berstatus *leasehold* sebagai sumber sedekah jariah

yang mendatangkan ganjaran pahala berterusan kepada pewakaf, selama mana harta tersebut wujud?

(Nota: Pemilikan tanah di Malaysia terbahagi kepada dua kategori iaitu, *freehold* (pegangan bebas) dan *leasehold* (hak milik terhad). *Freehold* ialah tanah yang hak miliknya adalah kekal, manakala *leasehold* pula ialah hak milik terhad yang diberikan kerajaan secara pajakan dan pemiliknya perlu membayar premium kepada kerajaan untuk memperbaharu hak milik tanah tersebut selepas tamat tempoh pajakan)

Hujah Dan Dalil:

Imam Shafie dan jumhur ulama berpendapat bahawa salah satu syarat wakaf ialah harta tersebut mestilah satu harta yang kekal. Menurut mazhab Shafie wakaf ialah menahan harta yang boleh diambil manfaat dengannya, serta dikekalkan ain fizikalnya, dengan memutuskan hak urusan yang dimiliki oleh pewakaf berkaitan seperti pusaka, wasiat, hibah, dan jual beli. Pengurusan wakaf di Malaysia berasaskan Mazhab Imam Shafie kerana Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri berasaskan Mazhab Imam Shafie.

Menurut pendapat Sohiban (Ahmad Hassan al-Syaibani dan Zufar) Imam Abu Hanifah yang merupakan pendapat yang difatwakan di kalangan Hanafiah dan pendapat yang lebih kuat dalam Mazhab Shafie dan Hanbali, wakaf ditakrifkan sebagai menahan harta yang di ambil faedah daripadanya dengan mengekalkan ain harta. Pendapatan, perolehan atau manfaat harta wakaf itu akan dibelanjakan untuk kebaikan dan kebajikan serta mendekati diri kepada Allah SWT. Dengan sebab itu, harta tersebut tidak lagi menjadi milik pewakaf, bahkan menjadi hak Allah SWT (tidak boleh diambil kembali dan tidak boleh dimiliki oleh sesiapa pun).

Apabila kita melihat dalam Kanun Tanah Negara yang memberi pengecualian dalam urusan wakaf dan Baitulmal sebagaimana dalam Akta no. 56 Tahun 1965 Seksyen 4 (2): "Kekecualian setakat mana yang diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, tiada apa juga dalam Akta ini boleh menyentuh peruntukan (e) mana-mana undang-undang yang pada masa itu berkuat kuasa tentang wakaf atau baitulmal". Seksyen 76 (aa) Kanun Tanah Negara, memperuntukkan bahawa "Kerajaan Negeri boleh memberi pemilikan tanah secara kekal jika pihak berkuasa negeri berpuas hati ia digunakan untuk kepentingan awam". Manakala Seksyen 76 (aa) (iii) pula memperuntukkan jika pihak berkuasa negeri berpuashati bahawa terdapat keadaan-keadaan khas yang sesuai, maka Kerajaan Negeri boleh memberi pemilikan tanah secara kekal.

Kedua-dua peruntukan ini memberi ruang kepada (MAIN) untuk mendapatkan tanah kerajaan atau tanah orang awam yang diserahkan kepadanya bagi tujuan wakaf, kerana tujuan dan konsep wakaf adalah untuk kepentingan awam. Di bawah peruntukan tersebut ia memberi ruang kepada setiap tanah wakaf bertaraf *leasehold* dapat ditukar taraf menjadi *freehold* sebaik proses urusan

pewakafan telah selesai. Berdasarkan peruntukan Kanun Tanah Negara isu mewakafkan tanah *leasehold* atau apa-apa bangunan, binaan, rumah yang ada di atasnya adalah jelas dan tidak timbul kerana pengecualian yang diberikan kepada harta wakaf dan baitulmal.

Kesimpulannya, mana-mana tanah *leasehold* yang diwakafkan mengikut prosedur yang ditetapkan dan baitulmal menerima harta wakaf tersebut yang diserahkan kepadanya dalam bentuk *leasehold* akan bertukar status di tangan baitulmal kepada milik kekal sebagaimana pengecualian yang jelas dalam Kanun Tanah Negara Akta no. 56 Tahun 1965 Seksyen 4 (2). Justeru, umat Islam digalakkan untuk mewakafkan harta walaupun dalam bentuk *leasehold* untuk tujuan yang murni dan amal jariah yang berkekalan.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-65  
Tarikh : 13 Oktober 2004

#### **4. Hukum Menyerahkan Sebahagian Tanah Wakaf Kepada Pihak Berkuasa**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-46 yang bersidang pada 22 April 1999 telah membincangkan Hukum Menyerahkan Sebahagian Tanah Wakaf Kepada Pihak Berkuasa. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

- i. Tanah wakaf tidak boleh sama sekali dipindah milik kecuali kerana darurat yang memerlukan demikian berdasarkan syarat-syarat yang tertentu.
- ii. Tanah wakaf yang diambil/dipindah milik kerajaan, hendaklah dibayar pampasan mengikut nilai tanah yang diambil atau menggantikan dengan tanah air yang setara atau yang lebih baik nilainya.
- iii. Tanah wakaf yang hendak dibangunkan hendaklah dikecualikan syarat penyerahan tanah untuk tujuan pembinaan kemudahan awam seperti jalan, saluran, tapak pencawang elektrik dan sebagainya.
- iv. Bagi tanah wakaf khas untuk tujuan-tujuan tertentu seperti masjid, sekolah dan seumpamanya pihak yang mengambil tanah itu hendaklah memperuntukkan bahagian-bahagian yang tertentu sebagai gantian tanah wakaf yang diambil mengikut nilai semasa bagi mengekalkan status wakaf tersebut. Contohnya bangunan bertingkat-tingkat yang didirikan, beberapa unit tertentu (mengikut nilai semasa) diperuntukkan untuk masjid, sekolah atau sebagainya seperti yang diniatkan oleh pewakaf.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-46  
Tarikh : 22 April 1999

#### **5. Langkah-Langkah Membangunkan Hartanah Wakaf MAIN Dari Perspektif Hukum**

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-41 yang bersidang pada 3-4 Nov 1996 telah membincangkan Langkah-Langkah Membangunkan Hartanah Wakaf MAIN Dari Perspektif Hukum.

Muzakarah telah memutuskan bahawa Wakaf *Istibdal* dan Saham Wakaf merupakan perkara yang amat baik dan perlu diamalkan pada masa ini kerana pembangunan sedang berjalan dengan begitu pesat sedangkan tanah-tanah wakaf, tapak masjid lama terbiar dengan begitu sahaja dan menyulitkan pihak berkuasa. Maka sudah sampai masanya segala amalan dan urusan mengenai wakaf pada keseluruhannya diubahsuai dengan tidak terikat kepada Mazhab Syafie sahaja manakala kaedah pengurusan didasarkan kepada mazhab Hanafi umpamanya atau mana-mana mazhab atau *qaul* yang sesuai dengan keadaan dan masa.

Selain daripada itu untuk amalan adalah perlu berhati-hati dan lebih teliti.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-41  
Tarikh : 3-4 November 1996

## 6. Saham Wakaf dan Wakaf Ganti (Wakaf *Ibdal*)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13-14 Apr 1982 telah membincangkan Saham Wakaf Dan Wakaf Ganti (Wakaf *Ibdal*). Muzakarah telah memutuskan bahawa:

- i. Mengadakan saham wakaf yang *musytarik* dengan syarikat-syarikat perniagaan melalui belian saham, kemudian diwakafkan dengan bertujuan memajukan harta wakaf adalah diharuskan mengikut syarat-syarat wakaf.
- ii. Wakaf Gantian (wakaf *ibdal*) bermaksud menukar harta wakaf dengan harta yang lain melalui jualan atau belian atau sebagainya dengan tujuan mengekalkan harta wakaf adalah diharuskan mengikut taklid pendapat Imam Abu Hanifah.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-4  
Tarikh : 13-14 April 1982

## 7. Menentukan Tarikh Sah dan Berkuatkuasa Wakaf Oleh Allahyarham Ahmad Dawjee Dadabhoy

Keputusan:

- a. Amalan wakaf adalah ibadah dalam agama Islam. Mengikut hukum syarak, wakaf adalah sah dan berkuatkuasa apabila cukup syarat-syarat dan rukun-rukun wakaf.
- b. Berdasarkan kepada adanya syarat-syarat dan rukun-rukun wakaf, maka mengikut hukum syarak wakaf yang dibuat oleh Allahyarham Ahmad Dawjee Dadabhoy adalah berkuatkuasa mulai 30 Julai 1934.

Sumber : Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan  
 Tarikh : 13 Mei 1994

## 8. Wakaf Oleh Ahmad Dawjee Dadabhoy

Keputusan:

“Bahawa Ahmad Dawjee Dadabhoy telah mewujudkan satu wakaf di sisi agama Islam. Ini berdasarkan kepada lafaz yang dibuat dalam Surat Ikatan Pengisytiharan Wakaf dan pengakuan bertulis saksinya Syed Mustapha bin Syed Wazir.”

Sumber : Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan  
 Tarikh : 19 Jun 1989

## 9. Pelaksanaan Wakaf Skim Tunai Terengganu

Keputusan:

- i. Supaya syarat minimum RM 10.00 tidak dikenakan. Ini bermakna mana-mana orang boleh menyumbang seberapa banyak wang untuk disumbangkan kepada Majlis untuk membeli Harta Wakaf.
- ii. Penyertaan wang berjumlah RM 10.00 dan ke bawah darinya dalam Skim ini tidak perlu dikeluarkan sijil.
- iii. *Sighah* lafaz dipinda kepada lafaz : Saya mewakilkan kepada MAIDAM untuk mewakafkan mana-mana harta kekal melalui cek/Bank Draf/Wang Pos/Tunai di atas nama Skim Wakaf Tunai Terengganu sebanyak RM ..... untuk diri saya/ Almarhum/ Almarhumah/..... demi kebajikan dan kepentingan Agama Islam dan umatnya kerana Allah SWT selama-lamanya.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu  
 Tarikh : 31 Januari 2007

#### **10. Wang Bayaran Pampasan Pengambilan Balik Tanah Wakaf**

Mohon pandangan mengenai wang bayaran pampasan pengambilan balik tanah wakaf untuk digunakan bagi mendirikan bangunan sebagai *Istibdal*.

Keputusan:

Mesyuarat berpendapat bahawa wang bayaran pampasan pengambilan balik tanah wakaf khas kepada Masjid Hiliran boleh digunakan bagi mendirikan bangunan di atas baki tanah tersebut sebagai *Istibdal*.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu  
Tarikh : 2 Februari 2005

#### **11. Pohon Fatwa : Mahu Tarik Balik Wakaf**

Keputusan:

Setelah meneliti dan mengkaji permasalahan berkaitan wakaf dan pewakafan tanah untuk kemaslahatan masjid, tanah perkuburan dan sebagainya, mesyuarat bersetuju tidak boleh ditarik balik samada pewakaf itu sendiri ataupun pewarisnya.

Mesyuarat juga berpendapat bahawa pemilikan apabila diwakafkan kepada masjid atau tanah perkuburan, ianya berfaedah menjadi hak Allah secara langsung dan tidak boleh ditarik balik.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu  
Tarikh : 22 April 2004

#### **12.**

**13. Menukarkan Wakaf Khas Tapak Asrama Pelajar-Pelajar Sekolah Kepada Wakaf Khas Untuk Pendidikan**

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu untuk menukarkan Wakaf Khas tapak asrama pelajar-pelajar sekolah (KRM 678, Lot 1397, Mukim Kuala Ibai) daripada Tuan Haji Awang Umar bin Haji Muhammad kepada Wakaf Khas untuk pendidikan.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu  
Tarikh : 15 Mei 2001

**14. Bayaran Tribute Daripada Hasil Kelapa Sawit Chenderong Konsesyen**

Keputusan:

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu yang bersidang pada 1 Ogos 1996 bersetuju mendapatkan pandangan Jawatankuasa Fatwa mengenai saranan supaya bayaran tribute

tersebut hasil kelapa sawit Chenderong Konsesyen dinaikkan daripada 2 1/2 peratus kepada 5 peratus.

Setelah meneliti ikrar wakaf tanah berkenaan dan berbincang, mesyuarat bersetuju supaya dikekalkan bayaran tribute sebanyak 1/2 peratus sepertimana yang difahamkan daripada ikrar wakaf berkenaan.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu  
Tarikh : 26 Disember 1996

**15. Hukum Penyewaan Tanah Wakaf Kepada Penghuni Tanah Wakaf Milik Majlis Agama Islam Melaka Di Lot 1666, MCL 755, Mukim Bukit Rambai, Daerah Melaka Tengah, Melaka dan Hal-hal Berkaitan**

Keputusan:

1. Perwakafan tanah Lot 1666, MCL 755, Mukim Bukit Rambai, Daerah Melaka Tengah, Melaka oleh Puan Khatijah binti Mamat, No. Kad Pengenalan: 520218-04-5324 kepada pihak Majlis Agama Islam Melaka untuk tujuan keagamaan adalah sah menurut hukum syara' dan undang-undang. Oleh yang demikian, pihak Majlis selaku Nazir harus mengenakan sewaan yang berpatutan kepada penghuni yang sedia menetap dalam kawasan tanah wakaf tersebut dengan mengambilkira keupayaannya dari segi kewangan dan kebajikan yang perlu dipelihara.
2. Berdasarkan keputusan tersebut juga, maka jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan adalah seperti berikut:
  - i. Pemilikan harta secara berdaftar merupakan *hujjah* yang kuat dalam meng-ithbat-kan pemilikan sesuatu harta. Justeru itu, hukum syara' memperakukannya sebagai salah satu cara pembuktian yang sah terhadap pemilikan sempurna.
  - ii. Penggunaan atau pengambilan manfaat terhadap sesuatu *mawquf* diserahkan kepada *mawquf 'alayh* iaitu pihak yang ditentukan oleh pewakaf berdasarkan kepada syarat pewakaf. Selaras dengan itu, pengambilan manfaat terhadap *mawquf* oleh waris-waris pewakaf adalah tertakluk kepada keizinan pemerintah selaku Nazir Wakaf sekiranya harta tersebut diwakafkan untuk kebajikan umat Islam atau keagamaan. Pihak pemerintah juga mempunyai kuasa untuk mengenakan sebarang sewaan kepada waris-waris pewakaf yang mengambil manfaat terhadap *mawquf* tersebut. Bagi harta yang diwakafkan untuk penggunaan khusus pula, waris-waris pewakaf berhak mengambil manfaat terhadap *mawquf* tersebut sekiranya ditentukan oleh pewakaf untuk berbuat demikian.

- iii. Penetapan pemilikan sempurna dalam sesuatu pertikaian terhadap harta yang didaftarkan atas nama individu hendaklah diserahkan kepada pihak Mahkamah selaku badan tertinggi yang mempunyai kuasa dalam membicarakan dan memutuskan sesuatu tuntutan. Dalam konteks ini, pihak yang menuntut (*al-mudda'iyy*) hendaklah mengemukakan bukti dan keterangan yang kukuh dan mencukupi supaya keputusan dapat diberikan dengan tepat dan adil. Sementara pihak yang dituntut (*al-mudda'a 'alayh*) pula akan bersumpah sekiranya dia mengingkari tuntutan tersebut.
- iv. Menurut *'urf* di Malaysia, harta-harta wakaf diserahkan dan diamanahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri untuk dimajukan secara komersil bagi tujuan mendapat keuntungan agar ia tidak terbiar begitu sahaja tanpa diusahakan. Bagi tujuan pembangunan harta-harta wakaf ini, pengambilan manfaat adalah tertakluk kepada status asal harta-harta wakaf tersebut sama ada ia wakaf am atau *khayriyy*, khas ataupun zuriat.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka  
Tarikh : 8 Oktober 2007

#### **16. Hukum Mengeluarkan Tanah Wakaf Perkuburan Islam Di Lot 137, Mukim Duyong, Melaka**

Keputusan:

1. Harus memotong atau meneres tebing tanah wakaf perkuburan Islam di atas Lot 137, Mukim Duyong, Melaka untuk mengurangkan kecuraman tebing bagi mengelakkan kemudaratan terhadap nyawa dan harta benda penduduk berhampiran serta memelihara kemaslahatan umum dengan syarat-syarat berikut:
  - i. Tanah yang dipotong atau diteres hendaklah dipindahkan ke kawasan rendah di atas lot yang sama. Sekiranya kawasan tersebut tidak dapat menampung sedangkan masih ada lebih tanah yang perlu dipindahkan, maka bolehlah dipindahkan ke tanah wakaf lain yang berhampiran untuk diambil manfaat daripadanya.
  - ii. Segala perbelanjaan yang terlibat dalam kerja-kerja pemotongan/peneresan tebing dan pemindahan tanah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pihak Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).
  - iii. Pihak Majlis Agama Islam Melaka hendaklah mengatur tindakan yang rapi dan berhikmah berhubung isu ini bagi memastikan kelicinannya seperti mengadakan sesi perbincangan dan

penerangan kepada pihak yang terlibat supaya wujud persefahaman di antara pengelola tanah wakaf dan pihak yang akan melaksanakan kerja-kerja pemindahan tanah wakaf tersebut.

2. Dengan keputusan ini juga, maka segala pandangan hukum yang telah dikeluarkan terdahulu berhubung isu ini dianggap terbatal kerana wujud perubahan dan keperluan semasa yang mendesak.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka

Tarikh : 8 Mei 2007

## 17. **Pentafsiran Hukum Syara' Ke Atas Wakaf-Wakaf Yang Tidak Jelas Penyerahannya**

Keputusan:

1. Semua masjid, surau, sekolah agama (institusi pengajian agama) dan tanah perkuburan di negeri Melaka adalah wakaf jika telah ditentukan oleh *waqif* bagi tujuan tersebut untuk dinikmati manfaat dan faedahnya oleh orang ramai.
2. Sesuatu wakaf itu dikira sah menurut hukum syara' sekiranya telah memenuhi rukun dan syarat yang ditetapkan.
3. Tidak disyaratkan bahawa pihak benefisiari perlu membuktikan sesuatu barang itu telah diwakafkan. Sekiranya *waqif* telah meninggal dunia dan tiada sebarang dokumen yang membuktikan perwakafan telah dibuat, maka keterangan saksi yang dipercayai boleh diterimapakai untuk mengesahkan wakaf tersebut.
4. Wakaf secara lisan adalah sah sekiranya *waqif* dan barang yang diwakafkan itu (*mawquf*) memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh hukum syara'.
5. Proses perwakafan tidak mensyaratkan perlu ada saksi untuk mengesahkannya. Oleh itu, dalam kes perwakafan yang tidak dapat dibuktikan, maka keterangan saksi-saksi yang waham, zan atau syak boleh diterimapakai untuk mengesahkan wakaf tersebut.
6. Sesuatu barang itu dikira sebagai *mawquf* menurut apa yang dilafazkan oleh *waqif*. Oleh itu, jika *waqif* menyatakan dalam lafaznya untuk mewakafkan sesebuah masjid, maka hanya bangunan masjid dan tapaknya sahaja dikira sebagai harta wakaf.
7. Penggunaan sesuatu premis atau harta yang dianggap wakaf oleh penduduk setempat secara turun temurun bagi satu jangka masa yang lama boleh ditafsirkan sebagai wakaf masyarakat Islam walaupun tiada

bukti yang jelas secara lisan atau tulisan mengenai kesahihannya. Memadai dengan dakwaan pemimpin dan kebanyakan penduduk setempat yang menyatakan bahawa harta tersebut adalah wakaf.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka  
Tarikh : 5 September 2006

#### **18. Hukum Pembatalan Dan Penarikan Semula Pewakafan Dan Hukum Menukar Niat Wakaf Daripada Wakaf Khas Kepada Wakaf Am Oleh Pewakaf**

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil. 2/2005 yang bersidang pada 15 Muharram 1426H bersamaan 24 Februari 2005 sebulat suara memutuskan bahawa:-

- i. Menurut Mazhab Syafi'i tiada sebarang *khiyar* sama ada *khiyar* majlis atau *khiyar* syarat di dalam wakaf. Hak milik harta wakaf tersebut berpindah kepada Allah SWT dan pengurusannya berpindah kepada yang mentadbir wakaf tersebut sama ada wakaf dibuat secara bagi tujuan khusus atau umum. Oleh yang demikian, pembatalan dan perlantikan semula perwakafan tanah lot 1089, Mukim Merlimau Daerah Jasin, Melaka adalah tidak dibenarkan berdasarkan peristiwa perwakafan tanah Umar bin Al Khattab di Khaibar yang menyatakan bahawa 'la tidak boleh dijual, tidak dihadiahkan dan tidak dipusakakan'.
- ii. Cadangan pihak Majlis Agama Islam Melaka agar pewakaf menukar sahaja niat wakaf khas kepada wakaf am dengan tujuan untuk mengekalkan wakaf tidak boleh di laksanakan kerana berdasarkan pandangan Mazhab Syafi'i, harta yang diwakafkan akan berpindah milik daripada anak Adam kepada milik Allah selama-lamanya dan pengurusannya diserahkan kepada pihak yang mentadbir wakaf tersebut. Ini bermakna pewakaf tiada sebarang hak lagi ke atas harta/tanah tersebut. Oleh yang demikian, pengurusan tanah wakaf di lot 1089, Merlimau adalah tertakluk sepenuhnya kepada pihak Majlis Agama Islam Melaka selaku nazir yang dilantik dan terserahlah kepada pihak Majlis untuk menguruskan tanah wakaf tersebut.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka  
Tarikh : 24 Februari 2005

#### **19. Pengambilan Tanah Wakaf Untuk Kepentingan Awam**

Keputusan:

- a. Bahawa menurut Hukum Syarak tanah-tanah Wakaf tidak boleh dijual beli, tidak boleh diberi kepada sesiapa dan tidak boleh pindah milik, demikianlah sebagaimana yang berlaku pada Wakaf Saidina Omar Ibnu Khattab RA tanahnya di Khaibar, yang mana menjadi wakaf yang pertama dalam Islam.
- b. Bahawa menurut seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991, tanah-tanah Wakaf Negeri Melaka ini terletak pada Majlis Agama Islam, sebagai pemegang Amanah yang tunggal.
- c. Oleh yang demikian jika tanah wakaf diambil balik oleh Pihak Berkuasa Negeri kerana apa jua sebab, maka pampasan wajiblah dibayar baginya dan wang pampasan itu hendaklah terletakhak dan dibayar kepada Majlis Agama Islam, supaya diganti tanah lain sebagai mengekalkan wakaf dan menunaikan kehendak yang berwakaf

Keterangan/Hujah:

- Harta wakaf adalah milik Allah SWT untuk kepentingan umat Islam. Sebarang pengambilan tanah wakaf adalah tidak wajar diserahkan secara percuma kepada pihak berkuasa.
- Pengambilan tanah wakaf oleh pihak kerajaan untuk kemaslahatan awam ini adalah termasuk sebahagian daripada proses *istibdal*. *Istibdal* bermaksud menjual harta wakaf dengan wang. Istilah "*istibdal*" sebenarnya adalah rangkuman daripada tiga istilah iaitu *abdal*, *badal* dan *tabadul*. *Abdal* bermaksud membeli harta wakaf dengan mata wang, manakala *badal* atau *tabadul* pula bermaksud menukar harta wakaf dengan harta lain. Ketiga-tiga pengertian ini disatukan dan disebut *istibdal* sahaja dengan pengertian "menukar atau menggantikan harta wakaf dengan harta yang lain melalui jualan atau pembelian atau sebagainya dengan tujuan untuk mengekalkan wakaf".
- Bagi mengamalkan *istibdal*, ia mempunyai hukum-hukum yang diambilkira berdasarkan keadaan-keadaan tertentu. Dalam hal ini, para fuqaha' telah berselisih pendapat mengenainya dan ia boleh dirujuk sebagaimana yang berikut:
  - i. Pendapat Imam Abu Hanifah yang memberi keluasan dalam mengamalkan *istibdal* jika *istibdal* itu lebih memberi faedah yang mendatangkan hasil yang lumayan sekalipun masjid kerana hajat dan *dharurat*.
  - ii. Imam Ahmad bin Hanbal memberi keluasan *istibdal* selain daripada wakaf masjid dengan dikenakan beberapa syarat yang tertentu mengikut keadaan yang tertentu.

- iii. Imam Malik menegah *istibdal* pada masjid dan harta tidak alih yang mempunyai hasil yang baik melainkan kerana *dharurat* dan berhajat seperti membesarkan masjid, tanah perkuburan, jalanraya atau sebagainya bagi tujuan kemaslahatan awam. Walau bagaimanapun, Imam Malik mengharuskan *istibdal* pada harta wakaf yang alih kerana *istibdal* dalam erti kata menukar harta wakaf yang alih akan mengekalkan wakaf.
- iv. Pendapat Imam Syafi'i seakan-akan sama dengan pendapat Imam Malik bahkan tidak mengharuskan langsung menjual masjid sekalipun telah roboh dan tidak digunakan. Segala barangan dan peralatan yang berkaitan dengan masjid yang roboh itu hanya dibenarkan sebagai hibah kepada masjid-masjid yang lain. Sekiranya ia tidak dapat digunakan hendaklah dimusnahkan, sementara bekas tapak masjid itu kekal sebagai harta wakaf.
- Secara keseluruhannya, imam-imam mazhab fiqh mengharuskan *istibdal* dengan syarat-syarat tertentu yang dibenarkan oleh hukum syara' dengan mengambilkira *maslahah* dan hajat untuk berbuat demikian.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka  
 Tarikh : 6 Disember 1994

## 20. Cadangan Pembangunan Ke Atas Tanah Wakaf Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Secara Pajakan

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor telah membuat keputusan bahawa pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tidak boleh menjual aset hasil pembangunan tanah wakaf melainkan hanya menjual bentuk-bentuk manfaat sahaja

- i. Pihak MAIS boleh membangunkan tanah wakaf miliknya secara pajakan untuk membina rumah kediaman, rumah kedai dan sebagainya.
- ii. Pihak MAIS telah diingatkan bahawa segala bentuk pembangunan ke atas tanah wakaf, miliknya secara pajakan tidak boleh dijual beli asetnya kepada pihak lain kerana bercanggah dengan konsep wakaf menurut Islam.
- iii. Pihak MAIS boleh menjual manfaat dari asset-aset tersebut hasil daripada pembangunan tanah wakaf. Contoh, Pihak Pemaju Perumahan yang membangunkan tanah wakaf milik MAIS secara pajakan, tidak boleh

menjual rumah tersebut kepada mana-mana pihak, tetapi hanya boleh disewakan.

Sumber : Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA)  
Negeri Selangor  
Tarikh : 1 Januari 1970

**21. Memohon Fatwa Bagi Membangunkan Tanah-Tanah Wakaf Di Negeri Perak Darul Ridzuan (Pembangunan Wakaf (M) Sdn. Bhd. (Anak Syarikat YPEIM))**

Keputusan:

i. Tanah wakaf individu

Bahawa tanah wakaf boleh dipajak (*hijarah*) dalam tempoh yang tertentu berdasarkan kepada nas Kitab Nihayah, juzuk 5, m.s. 397, Kitab Tuhfah, juzuk 6, m.s. 172, Kitab Al-Hawi, juzuk 7, m.s. 407.

ii. Tanah wakaf kurniaan kerajaan negeri (rizab)

Bergantung kepada niat kerajaan. Sekiranya kerajaan berniat wakaf, ia menjadi wakaf. Sekiranya ia diberikan hanya sebagai rizab, maka ia ditetapkan sebagai pemberian kepada Baitul Mal.

Sumber : Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Perak  
Tarikh : 6 Januari 1997

**22. Status Tanah Madrasah Nagore**

Keputusan:

Sebidang Tanah di Lot 373, Seksyen 4, Bandar Butterworth atau lebih dikenali sebagai "Madrasah Nagore" telah ditetapkan sebagai wakaf berasaskan kepada sifat dan penggunaannya.

Keterangan/Hujah:

Bangunan Surau yang terdapat di atas tanah ini sejak sekian lama dan diguna pakai untuk pusat kegiatan keagamaan dan pendidikan orang-orang Islam mensabitkan status tanah tersebut. (Wakaf Penggunaan)

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang  
Tarikh : 16 April 2002

**23. Fatwa Mengenai Tanah Wakaf Syeikh Eusoff**

Keputusan:

Sebidang tanah yang terdapat di atasnya sebuah masjid yang dikenali sebagai Masjid Syeikh Eusoff telah pun ditetapkan sebagai wakaf melalui DEED POLL NOMBOR PENDAFTARAN 584, 1890 adalah berkekalan hingga ke hari ini dan untuk selama-lamanya. Harta yang diwakafkan tidak boleh dibatalkan, ia tetap berkekalan kerana faktor masa tidak boleh dikaitkan dalam proses wakaf.

(Rujukan: As-Syed Al-Bakri. Hasyiah l'anutul At-Talibin Juz. Ketiga, Dar Al Fikr (t.t) halaman 167.)

Keterangan/Hujah:

Harta wakaf hanya boleh diambil manfaatnya sahaja, tidak boleh dijadikan hak milik seseorang atau waris.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang  
Tarikh : 9 November 2000

#### **24. Aqad Jual Beli Lot Tanah Wakaf**

Adakah sah sekiranya jual beli lot tanah wakaf (wakaf kaki) tanpa melalui secara *aqad* lisan tetapi hanya melalui bayaran dan resit sahaja.

Keputusan:

Sah jual beli lot tanah wakaf tersebut tanpa *aqad* lisan malah memadai dengan bayaran yang di beri oleh pembeli serta resit yang dikeluarkan oleh bendahari.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang  
Tarikh : 8 November 1989

#### **25. Fatwa Mengenai Tanah Wakaf**

Keputusan:

Tapak Surau Guar Tuan Syed, Penaga yang terletak di atas sebahagian tanah Lot 3817, GM 210 Mk. 5, Daerah Seberang Perai Utara berukuran 20 jamba telah ditetapkan sebagai wakaf berasaskan kepada sifat dan penggunaannya.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang

Tarikh : 1 Januari 1970

**BAB 2:**  
**ZAKAT MENURUT AL-QURAN, HADIS DAN FATWA**

# BAHAGIAN 1:

## PENGENALAN

### DEFINISI ZAKAT

Dari segi bahasa zakat berasal daripada kalimah bahasa Arab (زَكَاةٌ) yang bererti “bersih”, “suci”, “subur”, “berkat” dan “berkembang”. Pengertian “bersih” dan “suci” dalam istilah zakat ialah membersihkan harta dan membersihkan diri orang kaya daripada sifat kedekut dan bakhil. Dalam erti kata yang lain ialah membersihkan diri daripada sifat dengki dan dendam terhadap orang kaya. Manakala dari segi istilah zakat bermaksud mengeluarkan sebahagian harta tertentu diberikan kepada golongan-golongan yang berhak menerimanya dengan syarat-syarat yang tertentu.

### KEDUDUKAN ZAKAT DALAM ISLAM

Zakat adalah salah satu daripada rukun Islam yang lima. Ianya diwajibkan ke atas tiap-tiap orang Islam yang cukup syarat-syaratnya. Zakat adalah diwajibkan ke atas Muslim yang layak untuk membantu golongan-golongan yang memerlukan bantuan. Zakat mula diwajibkan pada tahun kedua Hijrah.

### Dalil Wajib Zakat

Jumhur ulama sepakat mengatakan bahawa zakat diwajibkan ke atas setiap orang Islam yang memenuhi syarat-syaratnya berdasarkan dalil-dalil daripada nas-nas al-Quran dan Hadis.

Firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ

عَلِيمٌ

Maksudnya:

*“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.”*

(Sura al-Taubah: 103)

Di dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman:

﴿ وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أَكْلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَءَاتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴾

Maksudnya:

“Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebum yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaitun dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang Yang melampau.”

(Surah al-An'am: 141)

Manakala hadis-hadis Nabi SAW juga telah menetapkan zakat sebagai salah satu perkara wajib yang terkandung di dalam rukun Islam. Antaranya:

'Umar ibn al-Khattab RA berkata:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- يَقُولُ : ( بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ : شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ ، وَإِقَامَ الصَّلَاةِ ، وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ ، وَحَجَّ الْبَيْتِ ، وَصَوْمَ رَمَضَانَ ) .

Maksudnya:

“Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Islam didirikan atas lima dasar iaitu bersaksi bahawa tidak ada tuhan yang berhak disembah dengan sebenar-benarnya kecuali Allah, dan Muhammad adalah Rasulullah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji di Baitullah, dan puasa Ramadan.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

'Umar ibn al-Khattab juga meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW ketika ditanya oleh Jibril AS tentang Islam, baginda menjawab dengan sabdanya:

الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ ، وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ ، وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ ، وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا .

Maksudnya:

*“Islam ialah kamu bersaksikan bahawa tidak ada tuhan yang berhak disembah dengan sebenar-benarnya kecuali Allah dan Muhammad adalah Rasulullah, kamu mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji di Baitullah sekiranya kamu mampu.”*

(Muttafaq alaih)

## Jenis-jenis Zakat

Zakat terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

### a. Zakat *Badaniyah* / Fitrah

Zakat fitrah ialah zakat diri yang difardukan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan Muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

Kewajipan zakat fitrah adalah berdasarkan hadis-hadis Nabi SAW antaranya ialah:

Ibn ‘Umar RA berkata:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ ، عَلَى الْعَبْدِ وَالْحُرِّ ، وَالذَّكَرِ وَالْأُنثَى ، وَالصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ ، وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ .

Maksudnya:

*“Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah dengan kadar satu gantang kurma atau satu gantang gandum ke atas setiap orang hamba dan orang merdeka, lelaki atau perempuan, kecil dan besar yang terdiri daripada orang-orang Islam. Baginda memerintah agar ditunaikan sebelum orang ramai keluar untuk solat idul fitri.”*

(Muttafaq alaih)

Diriwayatkan oleh Ibnu ‘Abbas RA katanya:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهُرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللَّعْوِ وَالرَّقَبِ ، وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ . مَنْ أَدَّاهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةٌ مَقْبُولَةٌ ، وَمَنْ أَدَّاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَهِيَ صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ . أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَابْنُ مَاجَةَ بِسَنَدٍ حَسَنٍ

Maksudnya:

*“Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah (pada bulan Ramadan) untuk menyucikan bagi orang yang berpuasa daripada segala perkataan yang keji dan buruk (yang dilakukan ketika berpuasa) dan untuk menjadikan makanan bagi orang-orang yang miskin. Barang siapa menunaikannya sebelum solat idul fitri maka ia adalah zakat yang diterima, dan barang siapa yang menunaikannya selepas solat maka ia menjadi salah satu sedekah (di sisi Allah).”*

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah)

**b. Zakat *Maliyah* / Harta**

Zakat harta ialah zakat bagi harta atau barang-barang bernilai yang dimiliki dengan syarat-syarat yang tertentu. Zakat harta terdapat berbagai-bagai jenis iaitu:

i. Zakat perniagaan

Zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada berasaskan pembuatan, perlombongan, perikanan, perkapalan, pembekalan, pertanian, perkhidmatan atau sebagainya dengan tujuan diperniagakan. Bentuk-bentuk perniagaan persendirian, perniagaan perkongsian sesama Islam atau dengan bukan Islam, perniagaan semua jenis syarikat, koperasi atau perniagaan saham dan sebagainya.

ii. Zakat Gaji / Pendapatan

Zakat Gaji dan Pendapatan termasuklah segala jenis hasil pendapatan atau pulangan sebagai balasan perkhidmatan yang berupa gaji, upah, bonus, dividen, hasil sewaan, royalti, hibah, elaun, honorarium, pampasan, pencen, perniagaan bermusim dan lain-lain bentuk perolehan semasa hidup, bersara atau mati dan apa jua pendapatan berdasarkan kerjaya atau sebagai ahli profesional. Menurut Prof. Dr. Yusuf Al-Qaradhawi dan Dr. Hussein Shahatah, zakat gaji dan pendapatan diistilahkan sebagai zakat *al-Mal al-Mustafad* iaitu zakat yang bersumberkan gaji dan pendapatan profesional.

iii. Zakat Wang Simpanan

Iaitu zakat yang dikenakan ke atas wang yang disimpan di dalam akaun simpanan, akaun simpanan tetap, simpanan semasa, ASB serta lain-lain bentuk simpanan di bank atau mana-mana institusi kewangan. Zakat dikenakan ke atas jumlah baki terendah dalam tempoh setahun simpanan apabila cukup nisab dan haulnya serta menyamai atau melebihi nisab.

iv. Zakat Emas Dan Perak

laitu zakat yang dikenakan ke atas logam jenis emas dan perak apabila mencukupi nisab dan haulnya. Emas dan perak diwajibkan kerana ia adalah jenis harta yang amat bernilai dan menjadi sumber kekayaan seseorang. Emas yang dipakai (sebagai perhiasan) walaupun sekali dalam tempoh setahun tidak wajib dikeluarkan zakat ke atasnya kecuali jika ianya melebihi '*uruf*' (nilai kebiasaan pemakaian masyarakat setempat), maka ia diwajibkan zakat dengan kadar 2.5% atas lebihan dari nilai '*uruf*'. Nilai yang diambil kira adalah nilai semasa emas sahaja iaitu tidak termasuk batu permata.

v. Zakat Pertanian

Zakat pertanian ialah satu zakat yang dikenakan bagi makanan asasi yang mengenyangkan ke atas sebuah negeri yang telah cukup nisab dan haulnya. Hasil tanaman yang wajib dizakatkan adalah bijirin-bijirin dari jenis makanan asasi yang mengenyangkan dan tahan lama jika disimpan seperti padi, kurma, jagung, gandum dan sebagainya. Contohnya, bagi penduduk di Malaysia, makanan asasinya adalah nasi dan nasi dihasilkan daripada padi. Maka zakat pertanian yang sesuai dikeluarkan bagi negara Malaysia adalah zakat padi.

vi. Zakat Binatang Ternakan

Zakat ternakan ialah zakat yang dikenakan bagi haiwan ternakan yang wajib dikenakan zakat. Haiwan ternakan yang diwajibkan zakat adalah kambing, biri-biri, lembu, kerbau dan unta.

vii. Zakat Caruman Berkanun

laitu zakat yang dikenakan bagi wang simpanan / caruman yang dimiliki seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG). Ia adalah wang caruman milik individu yang dicarum sepanjang tempoh perkhidmatan seseorang. Caruman KWSP diwajibkan zakat apabila dikeluarkan daripada simpanan tersebut. Ia berkonsepkan zakat simpanan atau mata wang. Jumhur Ulama' Fiqh sependapat menyatakan bahawa wajib zakat pada mata wang. Mata wang tersebut telah menggantikan mata wang emas dan perak yang digunakan oleh orang-orang Arab terdahulu dalam mengurus niaga sebelum kedatangan Islam. Mata wang emas dikenali sebagai *dinar* dan mata wang perak sebagai *dirham*. Setelah Rasulullah SAW diutus menjadi Rasul, maka *dinar* dan *dirham* telah diiktiraf sebagai mata wang yang sah bagi orang-orang Islam untuk mengurus niaga.

viii. Zakat Saham dan Bon

Saham ialah wang modal yang dilaburkan dalam perniagaan sesebuah syarikat atau seumpamanya. Manakala bon pula ialah pinjaman untuk tempoh tertentu dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan. Ia merupakan harta berbentuk mata wang yang diberikan kepada syarikat/kerajaan dan merupakan satu pinjaman berkala. Saham dan bon yang diniagakan adalah tertakluk kepada zakat kerana ianya termasuk dalam harta yang berkembang dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi pemilik/pemegangnya dan umat Islam.

ix. Zakat Hasil Galian dan Harta Karun

*Ma'adin* bermaksud segala galian yang diperolehi dari perut bumi sama ada beku atau cair di darat atau di laut. *Kunuz* pula bermaksud harta yang tersimpan di dalam bumi (harta karun). *Rikaz* ialah harta benda yang tersimpan di dalam bumi dan terdapat tanda-tanda yang menunjukkan ia tersimpan sebelum kedatangan Islam. Bahan galian merupakan ciptaan dan anugerah Allah SWT kepada hambanya yang dikeluarkan dari perut bumi. Hasil galian ini wajar dikongsi bersama dalam bentuk pengeluaran zakat demi memakmur dan memajukan ummah.

### Syarat Wajib Zakat Harta

Seseorang Islam diwajibkan menunaikan zakat setelah memenuhi syarat-syarat wajibnya iaitu:

i. Islam

Zakat hanya dikenakan ke atas orang Islam. Bagi perniagaan perkongsian orang Islam dengan bukan Islam hanya peratusan ekuiti orang Islam sahaja diambil kira untuk zakat.

ii. Merdeka

Hamba abdi tidak wajib berzakat kecuali zakat fitrah. Walau bagaimanapun tidak timbul persoalan hamba abdi masa kini, tetapi syarat merdeka masih lagi dikekalkan sebagai salah satu syarat wajib berzakat.

iii. Milik Sempurna

Harta yang dimiliki mestilah sempurna dalam kekuasaan seseorang dan tidak bersangkutan dengan orang lain. Pemilik juga dapat memperlakukan dan memperoleh manfaat daripadanya.

iv. Cukup Nisab

Nisab adalah paras nilai minimum yang menentukan sama ada wajib atau tidak sesuatu harta dikeluarkan. Nisab adalah bersamaan dengan 85 gram emas nilai semasa. Nilainya bergantung kepada harga semasa emas.

v. Cukup Haul

Cukup haul bermaksud genap setahun harta disimpan.

### Hikmah Pensyariatan Zakat

Allah SWT mensyariatkan zakat ke atas umat Islam dengan mengeluarkan sebahagian kecil daripada harta tertentu yang dimiliki bukan untuk menyusahkan mereka atau merampas hak milik peribadi mereka seperti mana disangkakan oleh orang-orang yang jahil. Tujuan zakat diwajibkan mempunyai hikmah yang amat besar kepada kehidupan bermasyarakat dari segi ekonomi dan sosial. Antara hikmah pensyariatan zakat ialah:

- i. Mengagihkan kekayaan dari golongan yang berada kepada golongan yang kurang berada, iaitu sistem sosioekonomi Islam.
- ii. Membersihkan jiwa pembayar zakat dari sifat *mazmumah* (bakhil).
- iii. Membersihkan dan menyuburkan harta pembayar zakat.
- iv. Mewujudkan sifat bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT di kalangan orang yang berada.
- v. Mengurangkan perasaan iri hati di kalangan orang miskin terhadap orang kaya.
- vi. Mewujudkan perhubungan di antara hamba dengan Allah SWT di samping perhubungan manusia dengan manusia.
- vii. Memberi peluang kepada golongan hartawan untuk beribadat dalam bentuk mengeluarkan zakat-zakat dari harta mereka.
- viii. Mewujudkan kesatuan di kalangan masyarakat Islam dalam hal ekonomi dan kewangan.
- ix. Memberi masyarakat satu cara mengurus ekonomi dan kewangan yang direndai oleh Allah SWT.
- x. Melahirkan rasa tenang dan tenteram dalam hati dan jiwa pembayar zakat.

## BAHAGIAN 2:

### HIMPUNAN AYAT AL-QURAN, HADIS DAN FATWA BERKAITAN ZAKAT

#### FASAL 1:

##### Himpunan Ayat Al-Quran

1. Surah al-Baqarah: 43

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya:

*“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.”*

2. Surah al-Baqarah: 83

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهََ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ  
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ  
إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنتُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٨٣﴾

Maksudnya:

*“Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): Janganlah kamu menyembah melainkan Allah dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat. Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya.”*

3. Surah al-Baqarah: 110

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٠﴾

Maksudnya:

“Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu kerjakan.”

4. Surah al-Baqarah: 177

﴿لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا ۗ وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ ۗ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾﴾

Maksudnya:

“Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermannya seseorang akan hartanya – sedang ia menyayanginya, – kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. (Orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertakwa.”

5. Surah al-Baqarah: 267

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَن تُغْمِضُوا فِيهِ ۚ وَعَلَّمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿٢٦٧﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.”

6. Surah al-Baqarah: 276

يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرْبِي الصَّدَقَاتِ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٧٦﴾

Maksudnya:

“Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba, dan Dia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekefuran, dan selalu melakukan dosa.”

7. Surah al-Baqarah: 277

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٧﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.”

8. Surah al-Nisa': 77

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّوا أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ  
الْقِتَالُ إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُمْ يَخْشَوْنَ النَّاسَ كَخَشْيَةِ اللَّهِ أَوْ أَشَدَّ خَشْيَةً ۚ وَقَالُوا رَبَّنَا لِمَ كَتَبْتَ  
عَلَيْنَا الْقِتَالَ لَوْلَا أَخَّرْتَنَا إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ قُلْ مَتَّعْتُ الدُّنْيَا قَلِيلًا ۖ وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ لِّمَنِ  
اتَّقَىٰ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٧٧﴾

Maksudnya:

“Tidakkah engkau (hairan) melihat (wahai Muhammad), akan orang-orang yang (pernah) dikatakan kepada mereka: “Tahanlah tangan kamu (daripada bertindak melancarkan perang yang belum diizinkan), dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat”. (Mereka meminta juga hendak berperang), kemudian apabila mereka diperintahkan berperang, tiba-tiba sepuak di antara mereka merasa gerun kepada manusia sama seperti mereka merasa gerun kepada (azab) Allah atau lebih gerun lagi. Lalu mereka (merayu kepada Allah dengan) berkata: “Wahai Tuhan kami, mengapa Engkau wajibkan kami berperang (pada saat ini)? Mengapa Engkau tidak biarkan kami hingga ke tempoh yang singkat (iaitu akhir hayat kami)?” Katakanlah (wahai Muhammad): “Harta benda yang menjadi kesenangan di dunia ini adalah sedikit sahaja, (dan akhirnya akan lenyap), dan (balasan) hari akhirat itu lebih baik lagi bagi orang-orang yang bertakwa (kerana ia lebih mewah dan kekal selama-lamanya), dan kamu pula tidak akan dianiaya sedikit pun.”

9. Surah al-Nisa': 162

لَكِنِ الرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ مِنْهُمْ وَالْمُؤْمِنُونَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ  
وَالْمُقِيمِينَ الصَّلَاةَ ۚ وَالْمُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَالْمُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أُولَٰئِكَ  
سَنُؤْتِيهِمْ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١٦٢﴾

Maksudnya:

“Tetapi orang-orang yang teguh serta mendalam ilmu pengetahuannya di antara mereka dan orang-orang yang beriman, sekaliannya beriman dengan apa yang telah diturunkan kepadamu (Al-Quran), dan kepada apa yang telah diturunkan dahulu daripadamu, - khususnya orang-orang yang mendirikan sembahyang, dan orang-orang yang menunaikan zakat, serta yang beriman kepada Allah dan hari

akhirat; mereka itulah yang Kami akan berikan kepadanya pahala (balasan) yang amat besar.”

10. Surah al-Ma'idah: 12

﴿وَلَقَدْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَبَعَثْنَا مِنْهُمُ اثْنَيْ عَشَرَ نَقِيبًا وَقَالَ اللَّهُ إِنِّي مَعَكُمْ لَئِنْ أَقَمْتُمُ الصَّلَاةَ وَآتَيْتُمُ الزَّكَاةَ وَآمَنْتُمْ بِرُسُلِي وَعَزَّرْتُمُوهُمْ وَأَقْرَضْتُمُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا لَأُكَفِّرَنَّ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَلَأُدْخِلَنَّكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ فَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ مِنْكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ السَّبِيلِ﴾

Maksudnya:

“Dan demi sesungguhnya! Allah telah mengambil perjanjian setia Bani Israil (supaya mereka menjunjung perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya), dan Kami telah utuskan dari kalangan mereka dua belas ketua (untuk memimpin golongan masing-masing); dan Allah berfirman (kepada mereka): “Bahawa Aku adalah berserta kamu (memerhati segala-galanya). Demi sesungguhnya jika kamu dirikan sembahyang, serta kamu tunaikan zakat, dan kamu beriman dengan segala Rasul (utusan-Ku) serta menolong bantu mereka (dalam menegakkan agama Allah), dan kamu pinjamkan Allah (dengan sedekah dan berbuat baik pada jalan-Nya) secara pinjaman yang baik (bukan kerana riak dan mencari keuntungan dunia), sudah tentu Aku akan ampunkan dosa-dosa kamu, dan Aku akan masukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai. Oleh itu, sesiapa yang kufur ingkar di antara kamu sesudah yang demikian, maka sesungguhnya sesatlah dia dari jalan yang betul”.

11. Surah al-Ma'idah: 55

﴿إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah, dan Rasul-Nya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang, dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah).”

12. Surah al-An'am: 141

﴿ وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرِ مَّعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكْلُهُ  
وَالزَّيْتُونَ وَالزُّمَانِ مُمْتَشِبًا وَغَيْرِ مُمْتَشِبٍ ۚ كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَءَاتُوا حَقَّهُ  
يَوْمَ حَصَادِهِ ۖ وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿١٤١﴾

Maksudnya:

“Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaitun dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau-lampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau-lampau.”

13. Surah al-A'raf: 156

﴿ وَأَكْتُبُ لَنَا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ إِنَّا هُدْنَا إِلَيْكَ ۚ قَالَ عَذَابِي أُصِيبُ  
بِهِ مَنْ أَشَاءُ ۖ وَرَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ ۚ فَسَأَكْتُبُهَا لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ  
وَالَّذِينَ هُمْ بِآيَاتِنَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٥٦﴾

Maksudnya:

“Dan tetapkanlah untuk Kami kebaikan dalam dunia ini dan juga di akhirat, sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepada-Mu”. Allah berfirman: “Azab-Ku akan Aku timpakan kepada sesiapa yang Aku kehendaki, dan rahmat-Ku meliputi tiap-tiap sesuatu; maka Aku akan menentukannya bagi orang-orang yang bertakwa, dan yang memberi zakat, serta orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami”.

14. Surah al-Taubah: 5

فَإِذَا أَنْسَلَخَ الْأَشْهُرَ الْحُرْمَ فَاقْتُلُوا الْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدْتُمُوهُمْ وَخُذُوهُمْ وَأَحْصُرُوهُمْ  
وَاقْعُدُوا لَهُمْ كُلَّ مَرْصِدٍ ۚ فَإِن تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ فَخَلُّوا سَبِيلَهُمْ ۚ  
إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥﴾

Maksudnya:

“Kemudian apabila habislah (masa) bulan-bulan yang dihormati itu maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemuinya, dan tawanlah mereka, dan juga kepunglah mereka, serta tunggulah mereka di tiap-tiap tempat mengintipnya. Kemudian jika mereka bertaubat (dari kekufurannya) dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka biarkanlah mereka (jangan diganggu). Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

15. Surah al-Taubah: 11

فَإِن تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ فَإِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ ۗ وَنُفِصِلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ  
يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya:

“Oleh itu, jika mereka bertaubat (dari kekufuran), dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka mereka itu adalah saudara kamu yang seagama; dan Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui.”

16. Surah al-Taubah: 18

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَن ءَامَنَ ۖ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ  
يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ ۖ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

“Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah,

(dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”

17. Surah al-Taubah: 58

وَمِنْهُمْ مَّن يَلْمِزُكَ فِي الصَّدَقَاتِ فَإِنْ أُعْطُوا مِنْهَا رَضُوا وَإِنْ لَمْ يُعْطُوا مِنْهَا إِذَا هُمْ يَسْخَطُونَ ﴿٥٨﴾

Maksudnya:

“Dan di antara mereka ada yang mencelamu (wahai Muhammad) mengenai (pembahagian) sedekah-sedekah (zakat); oleh itu jika mereka diberikan sebahagian daripadanya (menurut kehendak mereka), mereka suka (dan memandangnya adil); dan jika mereka tidak diberikan dari zakat itu (menurut kehendaknya), (maka) dengan serta-merta mereka marah.”

18. Surah al-Taubah: 60

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

19. Surah al-Taubah: 71

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ  
إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Maksudnya:

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

20. Surah al-Taubah: 103

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ  
سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya:

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

21. Surah al-Taubah: 104

أَلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ هُوَ يَقْبَلُ التَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِ وَيَأْخُذُ الصَّدَقَاتِ وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ التَّوَّابُ  
الرَّحِيمُ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya:

“Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah Dialah yang menerima taubat dari hamba-hamba-Nya, dan juga menerima sedekah-sedekah (dan zakat serta membalasnya), dan bahawa sesungguhnya Allah Dialah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani?”

22. Surah Maryam: 31

وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنْتُ وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ﴿٣١﴾

Maksudnya:

*“Dan Dia menjadikan daku seorang yang berkat di mana sahaja aku berada, dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup.”*

23. Surah Maryam: 55

وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُ بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ وَكَانَ عِنْدَ رَبِّهِ مَرْضِيًّا ﴿٥٥﴾

Maksudnya:

*“Dan adalah dia menyuruh keluarganya mengerjakan sembahyang dan memberi zakat, dan dia pula adalah seorang yang diredai di sisi Tuhannya.”*

24. Surah al-Mu'minun: 1-4

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾

Maksudnya:

*“Sesungguhnya berjajalah orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu).”*

25. Surah al-Nur: 56

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya:

*“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat dan taatlah kamu kepada Rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat.”*

26. Surah al-Bayyinah: 5

وَمَا أُمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ  
وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿٥﴾

Maksudnya:

*“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan yang demikian itulah agama yang benar.”*

## FASAL 2:

### Himpunan Hadis

1. Ibnu ‘Abbas RA meriwayatkan:

أَنَّ مُعَاذًا قَالَ بَعَثَنِي رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ إِنَّكَ تَأْتِي قَوْمًا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ فَأَدْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ فُقْرَانِهِمْ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَيَّاكَ وَكَرَائِمِ أَمْوَالِهِمْ وَاتَّقِ دَعْوَةَ الْمَظْلُومِ فَإِنَّهُ لَيْسَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ اللَّهِ حِجَابٌ .

Maksudnya:

*“Sesungguhnya Mu‘az RA berkata: Aku diutuskan oleh Rasulullah SAW. Baginda bersabda: Engkau akan mendapati golongan Ahli Kitab, oleh itu dakwahlah mereka supaya mengucap Dua Kalimah Syahadat. Jika mereka menerima Dua Kalimah Syahadat tersebut, ajarkanlah mereka bahawa Allah mewajibkan kepada mereka mendirikan sembahyang lima waktu sehari semalam. Sekiranya mereka tetap mentaati perintah tersebut, ajarkanlah pula kepada mereka bahawa Allah mewajibkan kepada mereka agar mengeluarkan zakat. Jika mereka tetap mentaatinya, beritahulah mereka supaya berhati-hati terhadap harta mereka yang sangat disayangi dan takutlah doa orang yang teraniaya kerana doa mereka adalah mustajab.”*

(Riwayat Muslim)

2. Ibnu 'Umar RA berkata:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- فَرَضَ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنْ رَمَضَانَ عَلَى النَّاسِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى كُلِّ حُرٍّ أَوْ عَبْدٍ ذَكَرٍ أَوْ أَنْثَى مِنَ الْمُسْلِمِينَ .

Maksudnya:

*“Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah pada setiap bulan Ramadan kepada umat Islam, yaitu sebanyak satu saa’ yaitu satu gantang kurma atau satu gantang gandum. Kewajiban itu dikenakan kepada keseluruhan orang-orang Islam, merdeka ataupun hamba, lelaki ataupun wanita.”*

(Riwayat Muslim)

3. Ibnu 'Umar RA meriwayatkan bahawa:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم أَمَرَ بِزَكَاةِ الْفِطْرِ أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ .

Maksudnya:

*“Rasulullah SAW memerintahkan agar zakat fitrah ditunaikan sebelum orang ramai keluar untuk mendirikan sembahyang Hari Raya.”*

(Riwayat Muslim)

4. Abu Said al-Khudri RA berkata:

كُنَّا نُخْرِجُ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ طَعَامٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ أَقِطٍ أَوْ صَاعًا مِنْ زَبِيبٍ .

Maksudnya:

*“Kami biasanya mengeluarkan zakat fitrah sebanyak satu gantang makanan, satu gantang gandum, satu gantang kurma, satu gantang keju atau satu gantang zabib.”*

(Riwayat Muslim)

5. Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- قَالَ لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَكْتُرَ الْمَالُ وَيَفِيضَ حَتَّى يَخْرُجَ الرَّجُلُ بِزَكَاةِ مَالِهِ فَلَا يَجِدُ أَحَدًا يَقْبَلُهَا مِنْهُ وَحَتَّى تَعُودَ أَرْضُ الْعَرَبِ مُرُوجًا وَأَنْهَارًا .

Maksudnya:

“Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Tidak akan berlaku sebelum harta menjadi banyak serta melimpah-ruah sehingga ada seseorang yang mengeluarkan zakat hartanya tetapi tidak bertemu seorang pun yang ingin menerimanya dan sehinggalah Tanah Arab kembali menjadi padang-padang gembala dan sungai-sungai”.”

(Riwayat Muslim)

6. Ibnu ‘Umar RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسَةٍ عَلَى أَنْ يُوحَدَ اللَّهُ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَصِيَامِ رَمَضَانَ وَالْحَجِّ.

Maksudnya:

“Islam ditegakkan di atas lima perkara iaitu mengesakan Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan dan mengerjakan haji.”

(Riwayat Muslim)

7. Anas ibn Malik RA berkata:

أَتَى رَجُلٌ مِنْ بَنِي تَمِيمٍ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي دُوٌّ مَالٍ كَثِيرٍ وَدُوٌّ أَهْلِ وَوَلَدٍ وَحَاضِرَةٍ فَأَخْبِرْنِي كَيْفَ أَنْفِقُ وَكَيْفَ أَصْنَعُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - تُخْرِجُ الزَّكَاةَ مِنْ مَالِكَ فَإِنَّهَا تُطَهِّرُهَا تُطَهِّرُكَ وَتَصِلُ أَقْرَبَاءَكَ .

Maksudnya:

“Seorang lelaki daripada Bani Tamim telah datang kepada Rasulullah SAW lalu bertanya: “Wahai Rasulullah, aku memiliki harta yang banyak, juga mempunyai keluarga dan anak-anak, terangkan kepadaku bagaimanakah harus membelanjakannya dan apakah yang harus aku buat?” Jawab Rasulullah SAW: “Engkau keluarkanlah zakat sebahagian daripada hartamu kerana sesungguhnya ia (zakat) adalah penyuci yang menyucikanmu dan engkau menghubungkan silaturrahim kaum kerabatmu.”

(Riwayat Ahmad)

8. Ibnu ‘Abbas RA meriwayatkan dengan katanya:

قَدِمَ وَقَدْ عَبْدَ الْقَيْسَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا هَذَا الْحَيِّ مِنْ رَبِيعَةَ وَقَدْ حَالَتْ بَيْنَنَا وَبَيْنَكَ كُفَّارٌ مُضِرٌّ فَلَا نَخْلُصُ إِلَيْكَ إِلَّا

فِي شَهْرِ الْحَرَامِ فَمُرْنَا بِأَمْرِ نَعْمَلُ بِهِ وَنَدْعُو إِلَيْهِ مَنْ وَرَاءَنَا قَالَ أَمْرُكُمْ بِأَرْبَعٍ وَأَنْهَأَكُمْ عَنْ أَرْبَعٍ الْإِيمَانُ بِاللَّهِ ثُمَّ فَسَّرَهَا لَهُمْ فَقَالَ شَهَادَةٌ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنْ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ وَأَنْ تُؤَدُّوا خُمْسَ مَا غَنِمْتُمْ وَأَنْهَأَكُمْ عَنِ الدُّبَاءِ وَالْحَنْتَمِ وَالنَّيْبِرِ وَالْمُقَيْرِ .

Maksudnya:

*“Rombongan Abdul Qais telah datang berjumpa Rasulullah SAW lalu berkata: Wahai Rasulullah! Kami berasal dari perkampungan Rabi’ah. Hubungan kami dan engkau terhalang oleh orang-orang kafir Bani Mudhar. Oleh itu kami tidak dapat datang menemuimu kecuali pada bulan Haram iaitu bulan Zulkaedah, Zulhijah, Muharam dan Rejab. Oleh yang demikian, perintahkanlah kami dengan sesuatu yang mampu kami lakukan dan kami sampaikan kepada orang lain. Lalu Rasulullah SAW bersabda: Aku memerintahkan kamu empat perkara dan melarang kamu empat perkara. Iaitu beriman kepada Allah. Kemudian baginda menjelaskannya kepada mereka. Rasulullah SAW bersabda lagi: mengucap dua kalimah syahadat iaitu: (لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله), mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat dan mengeluarkan satu perlima dari harta rampasan perang. Manakala aku melarang kamu agar tidak membuat arak di dalam bekas yang diperbuat dari labu, bekas yang diperbuat dari campuran tanah, rambut dan darah, bekas yang diperbuat secara melubangkan batang pokok atau bekas yang dilumurkan dengan tar.”*

(Riwayat Muslim)

9. Ibn Abbas RA berkata:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللَّعْوِ وَالرَّفَثِ وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ مَنْ أَدَّاهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةٌ مَقْبُولَةٌ وَمَنْ أَدَّاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَهِيَ صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ .

Maksudnya:

*“Rasulullah SAW telah menentukan wajibnya zakat fitrah, untuk membersihkan orang yang mengerjakan puasa dari perkataan yang sia-sia dan perkataan yang buruk, dan juga untuk menjadi makanan orang-orang miskin, oleh itu sesiapa yang menunaikannya sebelum sembahyang hari raya maka menjadilah ia zakat fitrah yang makbul, dan sesiapa yang menunaikannya sesudah sembahyang hari raya maka menjadilah ia sedekah biasa seperti sedekah sunat yang lain.”*

(Riwayat Abu Daud)

## FASAL 3:

### Himpunan Fatwa

#### 1. Kajian Semula Hukum Agihan Semula Zakat Secara Persendirian

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 yang bersidang pada 23 – 25 Jun 2009 telah membincangkan Kajian Semula Hukum Agihan Semula Zakat Secara Persendirian. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

- i. Dari aspek hukum syarak, keputusan yang telah dipersetujui pada Muzakarah kali ke-76 bertarikh 21-23 November 2006 adalah selaras dengan pandangan syarak dan tidak perlu dibuat sebarang pindaan.
- ii. Sudah sampai masanya pihak berkuasa agama negeri memberi keutamaan kepada soal agihan kepada golongan asnaf yang layak. Isu pengagihan zakat secara persendirian yang berlaku lebih bersifat pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang yang terletak di bawah bidangkuasa negeri-negeri dan ia perlu dibincang dan diselaraskan dengan semua Majlis Agama Islam Negeri.
- iii. Supaya pihak Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) menjalankan kajian impak positif dan negatif terhadap agihan zakat yang dilakukan secara persendirian dan hasil kutipan yang diterima dan dibentangkan kepada semua Majlis Agama Islam Negeri.

#### Keterangan/Hujah:

- i. Peraturan pelaksanaan zakat ini adalah di dalam bidang kuasa negeri dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan hanya mengeluarkan keputusan dan pandangan dari segi hukum syarak sahaja.
- ii. Isu mengenai hukum agihan zakat secara persendirian ini telah dibincangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-76 pada 21-23 November 2006 dan Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:
  - a. “Dari segi siasah dan *masalah*, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau *Uliil Amri* adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut.
  - b. Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-

undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau *Ulil Amri* dalam perkara kebaikan adalah wajib”.

- iii. Fatwa yang telah dikeluarkan dalam isu pengagihan zakat secara persendirian ini adalah jelas dari aspek syarak dan ia tidak memerlukan sebarang pindaan. Isu yang berlaku lebih bersifat pelaksanaan dan penguatkuasaan, dan ia perlu diselaraskan dengan pihak berkuasa negeri.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-87

## **2. Hukum Memberi Zakat Kepada Orang Bukan Islam Bagi Tujuan Dakwah**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-79 yang bersidang pada 6 - 8 September 2007 telah membincangkan Hukum Memberi Zakat Kepada Orang Bukan Islam Bagi Tujuan Dakwah. Muzakarah telah memutuskan bahawa pengagihan zakat perlu diberi keutamaan kepada umat Islam mengikut asnaf-asnaf yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, pemerintah diharuskan memberi zakat kepada orang bukan Islam berdasarkan siasah dan keperluan secara hikmah bagi tujuan dakwah.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-79

## **3. Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada Zakat**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21 - 23 November 2006 telah membincangkan Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian Dan Qada Zakat. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

- i. Dari segi siasah dan *masalah*, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau *Ulil Amri* adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut. Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau *Ulil Amri* dalam perkara kebaikan adalah wajib.
- ii. Mengenai hukum Qada Zakat, ia wajib dilakukan bagi zakat yang telah memenuhi syarat wajib yang tidak ditunaikan pada masa yang sepatutnya.

Keterangan/Hujah:

## **LATAR BELAKANG**

Isu ini telah timbul apabila terdapat kecenderungan sesetengah syarikat atau anggota masyarakat mengagih sendiri zakat kepada asnaf zakat tanpa melalui agensi yang telah dilantik oleh kerajaan atau pemerintah. Selain itu, timbul juga persoalan tentang hukum qada zakat dan sejauh mana pelaksanaannya di Malaysia. Kekeliruan ini berlaku disebabkan perbezaan antara amalan semasa sesetengah syarikat dan individu dengan akta, fatwa atau peraturan yang dikeluarkan tentang perkara tersebut.

Perlembagaan Persekutuan telah menyenaraikan zakat di bawah bidang kuasa negeri. Semua negeri di Malaysia telah memperuntukkan perkara berkenaan dengan urusan zakat ini sama ada di bawah akta atau enakmen di negeri masing-masing atau diletakkan di bawah enakmen khusus tentang zakat. Akta atau enakmen juga ada memperuntukkan kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau syarikat yang dilantiknya memungut zakat daripada pemilik harta dan setiap orang yang melanggar akta atau enakmen tersebut boleh dikenakan hukuman.

Menurut Seksyen 16 (b) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) secara jelas memperuntukkan kuasa kepada Majlis atau wakilnya untuk memungut zakat. Ini bermaksud, orang yang membayar zakat atau fitrah melalui amil yang tidak dilantik oleh Majlis adalah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16 (b) dan boleh dikenakan hukuman jika sabit kesalahan.

Walau bagaimanapun, dari segi amalannya banyak syarikat korporat atau orang perseorangan yang membayar sendiri atau mengeluarkan sebahagian daripada zakat mereka kepada asnaf yang dianggap layak menerima zakat (seolah-olah mereka ialah amil yang dilantik untuk mengagihkan zakat kepada asnaf yang layak). Mereka beranggapan Seksyen 16 tersebut tidak mengikat seseorang atau sesebuah syarikat untuk mengagihkan sendiri secara terus kepada asnaf zakat.

Penelitian yang dibuat terhadap beberapa himpunan fatwa (yang tidak diwartakan) yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri pula menunjukkan tiada tegahan untuk mana-mana orang atau syarikat membayar sendiri zakat kepada asnaf yang layak menerimanya. Keputusan-keputusan fatwa ini secara amnya menguatkan lagi hujah yang membolehkan syarikat atau orang ramai membayar zakat secara terus tanpa melalui Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Negeri.

Berhubung dengan qada zakat pula, ia bermaksud bayaran zakat yang diterima pada tahun semasa tetapi untuk bayaran zakat yang tidak dibayar pada tahun-

tahun yang sebelumnya. Qada zakat merupakan salah satu daripada jenis zakat yang dikutip oleh PPZ Negeri, malahan ada negeri seperti Wilayah Persekutuan, Selangor dan Pulau Pinang yang secara jelas menyenaraikan maklumat mengenai qada zakat dalam laman web mereka. Penyenaaraannya dalam jenis-jenis zakat menunjukkan ia termasuk sebagai kategori zakat yang wajib dibayar. Namun demikian tidak dipaksa pembayar membayarnya sekaligus, tetapi dinasihatkan mendahulukan bayaran zakat semasa dan sekiranya mampu, pembayar boleh membayar zakat yang tertunggak itu secara beransur-ansur.

## HUJAH DAN DALIL

### i. Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian Tanpa Melalui Pemerintah

Zakat merupakan satu kewajipan yang jelas dalam Islam. Ia bukanlah suatu kewajipan yang terbeban kepada seorang individu sahaja tetapi merupakan satu sistem dalam masyarakat Islam yang dipantau pelaksanaannya oleh pihak pemerintah dan diurus secara sistematik oleh pihak yang dipertanggungjawabkan sama ada dari segi kutipan mahupun agihan. Para fuqaha bersepakat bahawa pemerintah mempunyai kuasa untuk memungut dan mengagihkan zakat ternakan, tanaman dan buah-buahan (zakat harta zahir). Sekiranya pemerintah meminta zakat-zakat tersebut ditunaikan maka wajib bagi rakyat membayar kepadanya. Saidina Abu Bakar RA telah memerangi golongan yang ingkar membayar zakat-zakat tersebut dengan persetujuan sahabat-sahabat yang lain. Perkara tersebut (hak pemerintah untuk memungut zakat harta zahir) kemudiannya menjadi ijmak dalam kalangan orang Islam (kecuali satu pendapat daripada Hanabilah yang mengatakan zakat harta zahir wajib dibayar tetapi tidak wajib membayar kepada pemerintah).

Sementara zakat harta batin (seperti mata wang dan barang perniagaan) pula para fuqaha telah berselisih pendapat tentangnya seperti berikut:

**Hanafiah:** Pengurusan zakat harta batin diserahkan kepada pemilik harta tersebut. Zakat ini pada asalnya di bawah kuasa pemerintah, tetapi pada masa Saidina Uthman RA pengurusannya diserahkan kepada tuan punya harta kerana *maslahah* tertentu.

**Malikiah:** Wajib membayar zakat kepada pemerintah yang adil sama ada harta zahir atau batin.

**Syafieah:** Pemilik harta hendaklah mengagihkan sendiri zakat harta batin iaitu emas, perak, barang perniagaan dan zakat fitrah (menurut satu pendapat, sementara satu pendapat lagi mengatakan zakat fitrah termasuk harta zahir).

**Hanabilah:** Tidak wajib menyerahkan zakat kepada pemerintah, tetapi pemerintah boleh menerimanya sama ada harta zahir atau batin.

Setelah mengemukakan pandangan fuqaha di atas, Yusuf al-Qaradhawi telah membuat kesimpulan bahawa para fuqaha mazhab berselisih pendapat dalam perkara ini tetapi mereka sependapat dalam dua perkara iaitu:

- a. Adalah menjadi hak pemerintah untuk meminta rakyatnya mengeluarkan zakat pada semua jenis harta sama ada zahir atau batin, lebih-lebih lagi apabila diketahui keadaan rakyat yang mempermudah-mudahkan urusan pembayaran zakat.
- b. Apabila pemerintah cuai dalam melaksanakan urusan zakat (tidak memungutnya), maka perintah berzakat tidak gugur atas pemilik-pemilik harta, mereka tetap wajib mengeluarkannya sendiri kepada asnaf yang layak (secara persendirian).

Beliau seterusnya menyatakan, berdasarkan pemerhatiannya terhadap nas-nas dan dalil-dalil syarak yang menetapkan zakat ialah urusan pemerintah atau kerajaan Islam tanpa membezakan antara harta zahir dengan batin, maka dengan itu wajiblah kerajaan menguruskan urusan zakat dari semua segi sama ada kutipan atau agihan. Inilah kaedah yang asal bagi zakat menurut pandangan beliau.

Kebanyakan fuqaha semasa berpandangan bahawa pihak pemerintahlah yang sepatutnya mengendalikan urusan zakat. Ia perlu dilengkapi dengan prasarana yang mencukupi sama ada dari segi perundangan, pentadbiran dan sumber kewangan.

Kebanyakan mereka juga berpandangan hukum fiqh yang dikaji oleh fuqaha terdahulu yang memutuskan kerajaan tidak boleh mengambil zakat harta batin adalah tidak sesuai lagi dengan suasana pada masa sekarang. Ini kerana harta yang dianggap zahir pada masa dahulu mungkin menjadi harta batin kalau mengikut suasana zaman sekarang, begitu juga sebaliknya. Oleh itu, menurut mereka cara mengatasinya ialah dengan menyerahkan urusan zakat kepada pemerintah. Pemerintah dengan perundangan yang lengkap boleh mengambil semua jenis zakat tanpa berkecuali. Antara fuqaha yang mendokong pendapat ini ialah Syeikh Abdul Wahab Khallaf, Syeikh Abdul Rahman Hassan dan Syeikh Muhammad Abu Zahrah, kemudian diikuti oleh Yusuf al-Qaradhawi dan beberapa orang lagi yang menulis tentang perkara ini. Gelombang perubahan ini begitu kuat sehingga sukar ditepis lagi dan beberapa negara Islam telah merangka peruntukan undang-undang tentang zakat yang menyokong pandangan ini.

Berikut dinyatakan beberapa kebaikan yang diperoleh daripada penyerahan semua urusan zakat (zahir dan batin) kepada pemerintah, iaitu:

- a. Menjamin zakat dapat dipungut daripada semua orang yang layak menunaikannya.
- b. Hasil zakat akan bertambah dengan banyak yang tentu akan menguntungkan umat Islam seluruh negara.
- c. Pembelaan kepada asnaf yang layak menerima zakat akan dapat dilakukan secara teratur dan sistematik.

## ii. Hukum Qada Zakat

Para fuqaha pernah membincangkan tentang hukum zakat yang tidak sempat dibayar pada tahun semasa sehingga berlalu beberapa tahun tanpa ditunaikan hak tersebut. Adakah gugur kewajipan berzakat dengan sebab berlalunya masa? Jawapannya ialah zakat merupakan hak yang diwajibkan oleh Allah SWT untuk diagihkan kepada orang fakir, miskin dan asnaf lain yang layak menerimanya. Sehubungan itu, kewajipan berzakat tidak gugur dengan berlalunya masa bahkan ia tetap wajib dan sabit terhadap orang yang mampu untuk menunaikannya.

Dalam hal ini Imam al-Nawawi berkata, “Apabila berlalu beberapa tahun sedangkan zakat yang sepatutnya tidak ditunaikan maka wajiblah bagi orang yang berkenaan mengeluarkan zakat kesemuanya, sama ada pada masa itu dia mengetahui kewajipan berzakat atau tidak, atau dia berada di negara Islam atau kafir. Inilah pendapat mazhab kami (Syafie)”.

Ibn Munzir pula berkata, “Menurut pendapat Mazhab Syafie, satu pendapat dalam mazhab Maliki dan Abu Thaur, sekiranya sesebuah negeri dikuasai oleh penderhaka dan penduduk negeri tersebut tidak menunaikan zakat selama beberapa tahun, maka apabila negeri tersebut dimenangi balik oleh pemerintah yang sah hendaklah dipungut kembali zakat-zakat yang tertunggak sebelum itu”.

Abu Muhammad bin Hazm pula menyatakan di dalam kitabnya al-Muhalla, “Sesiapa yang berkumpul pada hartanya dua jenis zakat atau lebih sedangkan dia masih hidup maka hendaklah ditunaikan kesemuanya pada setiap tahun mengikut bilangan yang wajib baginya, sama ada pengumpulan zakat itu terjadi kerana kejahilannya atau kelambatan amil memungut zakat atau kerana dia melarikan hartanya sebelum itu”.

Dalam masalah individu yang tidak membayar zakat (sedangkan beliau mampu menunaikan zakat) sehinggalah dia meninggal dunia. Jumhur

fuqaha iaitu Imam Malik, Syafie, Ahmad, Ishak, Abu Thaur, Ibn Munzir, yang diriwayatkan daripada Ata', al-Hasan, dan Zuhri menyatakan kewajipan berzakat tidak gugur dengan sebab kematian tersebut seperti kewajipan-kewajipan lain (contoh, haji dan kafarah). Sehubungan itu, zakat tetap wajib sama ada individu tersebut mewasiatkannya atau tidak.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-76

#### **4. Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25 -27 Julai 2006 telah membincangkan Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

- i. Mazhab Syafie menetapkan bahawa zakat harta wajib dikeluarkan apabila cukup nisab dan tempoh haulnya. Wang KWSP adalah harta simpanan. Wang KWSP apabila dikeluarkan adalah diwajibkan zakat apabila sempurna kedua-dua syarat iaitu cukup nisab dan haul yang ditetapkan. Walau bagaimanapun Jumhur Ulama' berpandangan bahawa zakat harta boleh dikeluarkan lebih awal daripada waktu yang sepatutnya dengan syarat harta tersebut telah mencukupi nisabnya.
- ii. Berdasarkan pandangan tersebut, Muzakarah memutuskan bahawa Keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang kali Ke-5 pada 16-17 November 1982 dipinda seperti berikut "Pencarum KWSP digalakkan mengeluarkan zakat sejurus menerima atau mengeluarkan wang KWSP tersebut jika cukup nisabnya tanpa menunggu haul setahun".

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-74  
Tarikh : 14 November 2007

#### **5. Zakat Ke Atas Pendapatan FELDA Dan Syarikat-Syarikatnya**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22 - 24 November 2005 telah membincangkan Zakat Ke Atas Pendapatan FELDA Dan Syarikat-Syarikatnya. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

FELDA wajib mengeluarkan zakat ke atas hasil pendapatannya dengan mengambil kira pendapatan anak-anak syarikat, sekiranya semua urusan ke atas pemilikan ekuiti dan akaun pendapatan anak-anak syarikat dikawal oleh FELDA sendiri.

Walau bagaimanapun, sekiranya pendapatan anak-anak syarikat FELDA diuruskan melalui akaun yang berasingan, maka anak-anak syarikat tersebut wajib mengeluarkan zakat pendapatannya secara berasingan.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-71

**6. Cadangan Supaya Bayaran Zakat Yang Disalurkan Oleh Badan-Badan Korporat Diselaraskan Pembayaranannya Mengikut Kelayakan Negeri-Negeri Di Malaysia**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-68 yang bersidang pada 14 April 2005 telah membincangkan Cadangan Supaya Bayaran Zakat Yang Disalurkan Oleh Badan-Badan Korporat Diselaraskan Pembayaranannya Mengikut Kelayakan Negeri-Negeri Di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa isu perpindahan bayaran zakat oleh badan-badan korporat mengikut kelayakan negeri-negeri tidak memerlukan fatwa.

Muzakarah berpendapat bahawa jika terdapat mana-mana negeri yang masih memerlukan bantuan agihan zakat, bolehlah membuat permohonan terus kepada mana-mana Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang mempunyai kutipan yang tinggi. Pihak MAIN berkenaan akan menimbang dan seterusnya membuat keputusan ke atas permohonan tersebut.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-68

**7. Zakat Fitrah Ke Atas Orang Tahanan Dan Banduan Islam Di Institusi Penjara**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-60 yang bersidang pada 23 Oktober 2003 telah membincangkan Zakat Fitrah Ke Atas Orang Tahanan Dan Banduan Islam Di Institusi Penjara. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum zakat fitrah ke atas orang tahanan dan banduan Islam di Institusi Penjara adalah wajib sekiranya cukup syarat wajib zakat fitrah iaitu:

- i. Individu yang mempunyai lebih makanan atau hartanya dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.
- ii. Anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadhan dan hidup selepas terbenam matahari.
- iii. Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadhan dan berkekalan Islamnya.
- iv. Seseorang yang meninggal selepas terbenam matahari akhir Ramadhan.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-60

## 8. Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah membincangkan Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

- i. Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS bagi beras Super Tempatan Gred A mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.60 kg.
- ii. Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS, masing-masing bagi beras Vietnam White Rice bagi negeri Sabah dan Thai White Rice bagi negeri Sarawak mengikut timbangan satu gantang Baghdad iaitu bersamaan 2.70kg.

Keterangan/Hujah:

### Latar Belakang

Amalan pelaksanaan zakat fitrah di negara ini ditunaikan dengan nilai mata wang bagi menggantikan satu gantang beras bagi setiap orang Islam yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Keadaan ini memperlihatkan wujud perbezaan kadarnya di negeri-negeri disebabkan penetapan asas timbangan bagi satu gantang beras dan jenis beras yang ditentukan. Selain itu, harga beras tempatan di Semenanjung Malaysia dikawal dan diselaraskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) tetapi tidak melibatkan negeri Sabah dan Sarawak.

### Hujah Dan Dalil

Penggunaan sukatan gantang Baghdad merujuk kepada gantang yang digunakan secara meluas di zaman Rasulullah SAW selaras dengan hadis Baginda SAW;

Maksudnya:

*Daripada Abdullah bin Umar berkata: Rasulullah SAW telah memfardhukan zakat fitrah pada bulan Ramadhan segantang tamar atau gandum ke atas orang yang merdeka atau hamba lelaki atau perempuan di kalangan Islam.*

Bahan makanan yang diambil kira bagi menentukan zakat ialah beras atas alasan ia merupakan makanan asasi yang dimakan oleh rakyat negara ini. Berdasarkan kajian dan perakuan oleh pihak BERNAS, beras Super Tempatan Gred A merupakan beras yang dimakan oleh majoriti rakyat Malaysia berbanding dengan beras gred lain. Perkara ini boleh dijadikan asas dan kaedah bagi penetapan bahan makanan asasi dalam menentukan zakat fitrah.

Kaedah yang harus digunakan bagi memastikan ketepatan timbangan yang menyamai satu gantang Baghdad adalah dengan menggunakan timbangan metrik dengan mengambil kira penggunaan alat sukatan gantang Baghdad kian pupus dan sistem sukatan moden terutama sistem metrik digunakan secara meluas.

Hasil sukatan dua jenis gantang Baghdad bagi beras Super Tempatan Gred (A) adalah bersamaan dengan 2.70 kg. Keputusan ini bertepatan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Pertama yang bersidang pada 28-29 Januari 1981 iaitu ukuran nisab jenis-jenis zakat kepada sistem metrik adalah harus.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-57

## **9. Zakat Gaji Berserta Kadarnya**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-56 yang bersidang pada 7 Mei 2003 telah membincangkan Zakat Gaji Berserta Kadarnya. Muzakarah telah memutuskan bahawa asas pengiraan zakat gaji dan pendapatan adalah berdasarkan kepada pendapatan kasar setahun dan kadar zakat yang dikenakan ialah sebanyak 2.5% daripada jumlah pendapatan tersebut.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-56

## **10. Penyelarasan Kaedah Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-51 yang bersidang pada 11 Mac 2002 telah membincangkan isu Penyelarasan Kaedah Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri adalah berdasarkan harga semasa bagi beras Super Tempatan Gred A yang beratnya satu gantang Baghdad iaitu bersamaan 2.70 kilogram; dan, bagi beras yang berlainan grednya, hendaklah ditentukan menurut perkiraan satu gantang Baghdad.

Bagi beras yang berlainan grednya, hendaklah ditentukan menurut perkiraan satu gantang Baghdad.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-51  
Tarikh : 27 Jun 2002

## 11. Zakat Ke Atas Firma-Firma Dan Syarikat Konsultan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-50 yang bersidang pada 10 Mei 2001 telah membincangkan Hukum Zakat Ke Atas Firma-Firma Dan Syarikat Konsultan. Muzakarah telah memutuskan bahawa wajib zakat ke atas firma-firma dan syarikat konsultan, jika dimiliki bersama antara orang Islam dan bukan Islam, hak orang Islam sahaja yang kena zakat dan tidak ke atas milik bukan Muslim.

Keterangan/Hujah:

### Latar Belakang

Isu yang dibangkitkan dalam masalah ini ialah berkaitan dengan mengenal pasti sama ada semua firma dan syarikat-syarikat konsultan wajib membayar zakat atau sebaliknya. Mengikut Kamus Dewan, konsultan bermaksud pakar runding, iaitu khidmat pakar runding bagi sesuatu projek yang akan dilaksanakan oleh sesuatu pihak.

### Hujah Dan Dalil

Para ulama daripada kalangan sahabat, tabi'in dan para fuqaha telah bersepakat mengatakan bahawa pemilik-pemilik syarikat perniagaan dan perkhidmatan adalah wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syaratnya. Pendapat tersebut berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya:

*Wahai orang beriman hendaklah kamu membelanjakan harta kamu yang baik-baik iaitu hasil daripada apa yang kamu telah usahakan daripada harta-harta yang kami keluar untuk kamu dari bumi... (Al-Baqarah: 267)*

Para ulama mentafsirkan perkataan "*kasabtum*" dengan erti "berbagai usaha halal yang dilakukan oleh manusia" sama ada usaha perniagaan, perindustrian, pertanian dan sebagainya. Tidak kira usaha itu dilakukan secara perseorangan atau syarikat. Dalam satu hadis, Rasulullah SAW telah bersabda:

Maksudnya:

*Tidak boleh dihimpun antara yang terpisah dan tidak boleh dipisah-pisahkan antara yang terhimpun kerana takut bersedekah (zakat)...*

Daripada hadis di atas bahawa beberapa individu yang berada dalam satu syarikat atau perkumpulan maka dianggap satu, tanpa terpisah antara satu sama lain. Dalam hadis lain:

Maksudnya:

*Daripada Samrah katanya: Sesungguhnya Rasulullah SAW menyuruh kami mengeluarkan zakat daripada hasil jualan.*

Apabila sebuah syarikat atau firma ditubuhkan dengan akad dan niat untuk menjalankan perniagaan maka syarikat tersebut dikenakan zakat. Syarikat ini tertakluk kepada syarat-syarat zakat perniagaan yang dikenakan kepada orang perseorangan iaitu dengan kadar 2.5%. Bagi syarikat yang membekalkan perkhidmatan seperti syarikat guaman, perhotelan, runding cara dan perubatan, maka syarikat-syarikat tersebut juga dianggap syarikat perniagaan. Menurut pendapat Dr. Yusuf al-Qaradhawi, sekiranya kerajaan telah menubuhkan syarikat dan memberikan modal seterusnya memberinya kuasa untuk menjalankan perniagaan, maka syarikat tersebut wajib membayar zakat.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-50

## **12. Wanita Dan Orang Bukan Islam Sebagai Amil Zakat Gaji Dan Pendapatan Di Lembaga Hasil Dalam Negeri**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-50 yang bersidang pada 10 Mei 2001 telah membincangkan Wanita Dan Orang Bukan Islam Sebagai Amil Zakat Gaji Dan Pendapatan Di Lembaga Hasil Dalam Negeri. Muzakarah telah memutuskan bahawa orang bukan Islam tidak boleh dilantik menjadi amil zakat dan wanita Islam boleh dilantik menjadi amil zakat gaji dan pendapatan di LHDN.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-50

## **13. Zakat Gaji & Pendapatan Professional-2**

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 22 Jun 1997 telah membincangkan Zakat Gaji & Pendapatan Professional. Muzakarah telah memutuskan bahawa zakat ke atas pendapatan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat.

Sumber : Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa MKI  
Tarikh : 22 Jun 1997

#### **14. Hukum Zakat, Korban Dan Aqiqah Ke Atas Ternakan Rusa**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-32 yang bersidang pada 10-11 Jun 1993 telah membincangkan Hukum Zakat Korban Dan Aqiqah Ke Atas Ternakan Rusa. Muzakarah telah memutuskan bahawa rusa tidak diwajibkan zakat dan tidak boleh dijadikan binatang korban dan aqiqah. Jika sekiranya diperniagakan, maka dikenakan zakat perniagaan dengan kadar 2.5 %.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-32

#### **15. Zakat Gaji & Pendapatan Profesional**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-31 dan Muzakarah Khas yang bersidang pada 9 Disember 1992 telah membincangkan Zakat Gaji & Pendapatan Professional. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

- i. Umat Islam boleh mengeluarkan zakat daripada pendapatan gaji dan Jabatan Hasil Dalam Negeri hendaklah memberi rebat zakat ke atas jumlah yang dibayar itu.
- ii. Pendapatan profesional diwajibkan zakat kerana ia termasuk dalam zakat perniagaan.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-31

#### **16. Zakat Ke Atas Syarikat**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-31 yang bersidang pada 9 Disember 1992 telah membincangkan Zakat Ke Atas Syarikat. Muzakarah telah memutuskan bahawa syarikat perniagaan adalah diwajibkan zakat apabila mencukupi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam.
- ii. Perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam yang merdeka.
- iii. Sempurna milik.
- iv. Cukup nisab.
- v. Cukup haul (genap setahun qamariah / 354.3 hari).
- vi. Kadar zakat ke atas syarikat tersebut adalah 2.5%.

Syarikat yang dimiliki bersama antara orang Islam dan bukan Islam, maka wajib ke atas jumlah saham yang dimiliki oleh orang Islam sahaja berdasarkan pendapatan bersih yang diperolehi.

Keterangan/Hujah:

### **Latar Belakang**

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Zakat dan Cukai Pendapatan, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri pada 7 Mac 1989 telah memutuskan supaya Bahagian Hal Ehwal Islam menyediakan kertas kerja bertajuk Zakat Ke Atas Syarikat untuk dikemukakan kepada Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia untuk mendapatkan keputusan tentang hukum dan kadar zakat.

Keputusan ini diperlukan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) bagi membolehkan jabatan tersebut memberi rebet cukai pendapatan dari jumlah wang yang dibayar oleh syarikat-syarikat berkenaan kepada Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri seperti mana yang diberikan kepada orang perseorangan yang telah membayar zakat. Ini adalah untuk mengelakkan syarikat yang telah membayar zakat daripada terpaksa membayar cukai pendapatan (syarikat berkenaan terpaksa membayar dua kali iaitu zakat dan cukai pendapatan).

### **Hujah Dan Dalil**

Penubuhan syarikat di negara ini tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965. Jenis-jenis syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta ini terbahagi kepada tiga iaitu:

- i. syarikat berhad menurut saham;
- ii. syarikat tidak berhad; dan
- iii. syarikat menurut jaminan.

Para ulama telah sepakat bahawa syarikat-syarikat perniagaan wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syarat wajib zakat perniagaan seperti berikut:

- a. Perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam;
- b. Perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam yang merdeka;
- c. Sempurna milik;
- d. Cukup nisab; dan

e. Cukup haul (setahun qamariah 354.3 hari).

Pendapat tersebut adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 267:

Maksudnya:

*Wahai orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu...*

Para ulama mentafsirkan perkataan dengan erti berbagai usaha halal yang dilakukan oleh manusia sama ada usaha perniagaan, perindustrian, pertanian dan sebagainya, sama ada usaha itu dilakukan secara berseorangan atau syarikat. Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya:

*“...tidak terhimpun antara yang terpisah dan tidak terpisah antara yang terhimpun kerana takut bersedekah (zakat), dan orang-orang yang menternak binatangnya hendaklah berdamai antara keduanya dengan berdasarkan persamaan...”*

Berdasarkan hadis ini dapat disimpulkan bahawa beberapa individu yang berada dalam satu syarikat atau perkumpulan maka dianggap satu tanpa dipisahkan antara satu sama lain.

Apabila sebuah syarikat ditubuhkan dengan niat untuk menjalankan perniagaan sama ada syarikat perkhidmatan, syarikat guaman, perhotelan, runding cara, perubatan, rekreasi, cari gali dan sebagainya, maka syarikat tersebut dianggap syarikat perniagaan yang dikenakan zakat perniagaan. Kadar zakat yang dikenakan adalah sebanyak 2.5% daripada pendapatan bersih.

Oleh itu, menjadi kewajipan syarikat perniagaan mengeluarkan zakat bagi pihak pemiliknya dan sekiranya syarikat tersebut tidak mengeluarkan zakat, maka pemiliknya hendaklah mengeluarkan zakat secara persendirian. Syarikat perkongsian antara orang Islam dan bukan Islam, maka zakat hanya dikeluarkan berdasarkan saham milik orang Islam sahaja.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-31

## **17. Zakat Ke Atas MARA**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-18 yang bersidang pada 25 Februari 1987 telah membincangkan Zakat Ke Atas MARA. Muzakarah telah memutuskan bahawa

MARA tidak wajib mengeluarkan zakat kerana tidak memenuhi syarat milik sempurna sepertimana yang dikehendaki oleh syariat Islam.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-18

## **18. Zakat Koperasi Shamelin Dan Seumpamanya**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-13 yang bersidang pada 1-2 Februari 1985 telah membincangkan Zakat Koperasi Shamelin Dan Seumpamanya. Muzakarah telah memutuskan bahawa koperasi wajib mengeluarkan zakat bagi pihak ahli-ahlinya.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-13

## **19. Zakat Wang KWSP**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-5 yang bersidang pada 16-17 Februari 1982 telah membincangkan Zakat Wang KWSP. Muzakarah telah memutuskan bahawa wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), bagi pekerja-pekerja Islam wajib dikeluarkan zakat bila cukup haulnya iaitu setahun setelah penerimaannya berdasarkan Mazhab Syafie.

Keterangan/Hujah:

### **Latar Belakang**

Setiap kakitangan kerajaan dan juga badan-badan berkanun dikehendaki mencarum sebanyak 9% daripada gajinya ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Ini bererti bahawa jumlah wang yang terkumpul hasil daripada pencaruman tersebut boleh meningkat kepada jutaan ringgit memandangkan jumlah kakitangan kerajaan dan badan-badan berkanun adalah ramai. Bilangan kakitangan berkenaan yang beragama Islam merupakan kumpulan majoriti yang mencarum kepada KWSP. Sekiranya dibuat potongan terhadap simpanan itu sebagai menunaikan kewajipan membayar zakat sudah tentu jumlah yang akan didapati cukup untuk dijadikan modal bagi mengembangkan harta dan dikembalikan faedahnya kepada golongan yang berhak menerimanya sebagaimana yang dijelaskan dalam Islam.

### **Hujah Dan Dalil**

Syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat harta adalah seperti berikut:

- i. Islam (pemilik harta tersebut);
- ii. merdeka (bukan hamba tebusan);

- iii. cukup nisab (kadar yang ditetapkan);
- iv. haul (genap setahun); dan
- v. sempurna milik.

Syarat yang tidak terdapat dalam KWSP yang hendak dikenakan zakat ke atasnya adalah sempurna milik. Ertinya harta yang hendak dikenakan zakat itu telah menjadi milik sempurna pencarum KWSP. Pencarum tersebut bebas untuk membelanjakan harta tersebut mengikut kehendaknya pada bila-bila masa. Berdasarkan peraturan KWSP iaitu wang yang dicarumkan itu tidak boleh dikeluarkan kecuali dalam keadaan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i. Genap umur 55 tahun (umur bersara bagi kakitangan awam);
- ii. Pencarum boleh mengeluarkan kadar tertentu sahaja daripada wang caruman itu apabila genap umur 50 tahun untuk tujuan tertentu dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan;
- iii. Pencarum boleh mengeluarkan kadar yang telah ditetapkan oleh kerajaan dengan tujuan membeli rumah; dan
- iv. Wang caruman tersebut boleh dikeluarkan oleh waris pencarum sekiranya pencarum meninggal dunia.

Syarat-syarat yang ditetapkan menunjukkan pencarum tidak mempunyai kuasa ke atas wang simpanan tersebut untuk dibelanjakan bagi keperluan dirinya kecuali apabila telah tiba masa yang ditetapkan atau dengan tujuan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Ini bererti bahawa pencarum tidak memiliki hartanya (caruman) sebagai pemilikan sempurna di mana pemilikan sempurna merupakan salah satu syarat wajib zakat. Jika dilihat pada akhirnya wang caruman itu akan menjadi milik sempurna pencarum, namun ia berlaku apabila sampai tempoh yang ditetapkan oleh kerajaan.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-5

## **20. Zakat Penggajian**

Zakat wajib dikeluarkan ke atas pendapatan daripada penggajian Islam termasuklah apa-apa upah, gaji, elaun, imbuhan dan bonus. Oleh itu adalah wajib bagi seseorang Islam mengeluarkan zakat daripada pendapatan yang layak dikenakan zakat daripada penggajian tersebut.

Sumber : Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah  
Persekutuan  
Tarikh : 9 April 1999

## 21. Penetapan Kadar Perbelanjaan *Dharuriat*

Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 12 Sep 1999 telah membincangkan mengenai penetapan kadar perbelanjaan *Dharuriat*. Mesyuarat telah membuat keputusan fatwa seperti berikut:

- i. Ketetapan kadar perbelanjaan *dharuriat* yang paling sederhana bagi satu tahun untuk diri dan keluarga di bawah tanggungan ialah:
  1. Perbelanjaan diri - RM5,000.00
  2. Perbelanjaan isteri - RM3,000.00
  3. Perbelanjaan anak-anak - RM2,000.00
- ii. Oleh kerana zakat penggajian dikategorikan dalam jenis zakat badani menurut ketentuan syara', maka ia tidak harus digagahi supaya seseorang itu mengeluarkan zakatnya melainkan haruslah diberi dorongan atau galakkan agar tertanam di dalam diri akan tanggungjawab syarie supaya mengeluarkan zakat tersebut dengan kesedaran bahawa ia adalah salah satu rukun Islam yang wajib dipatuhi oleh semua umat Islam.

Sumber : Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu  
Kelantan

Tarikh : 12 September 1999

## 22. Fatwa Mengenai Zakat Harta-Harta Pendapatan

Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 12 Sep 1999 telah membincangkan mengenai fatwa zakat harta-harta pendapatan. Mesyuarat telah membuat keputusan fatwa seperti berikut:

Harta-harta pendapatan yang diperolehi dari usaha samada dalam bentuk gaji, elaun, ganjaran, pampasan atau pendapatan pemindahan atau pendapatan yang diperolehi melalui kerjaya yang bercorak profesional, kepakaran atau kemahiran diri adalah diwajibkan zakat apabila cukup nisobnya menurut nisob Zakat Logam (emas, perak) atau matawang, tanpa syarat haul. Kadar zakatnya ialah 1/40 setelah ditolak perbelanjaan *dharuriat* yang paling sederhana.

Demikian juga diwajibkan zakat pendapatan dari harta tak alih seperti bangunan premis, rumah, kenderaan dan lain-lain yang diperolehi menerusi sewaan, pajakan dan lain-lain yang tidak termasuk dalam urusan jual beli atau urusan perniagaan. Zakat dikenakan ke atas pendapatan bulanan setelah ditolak perbelanjaan pengurusan.

Sumber : Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan  
Tarikh : 12 September 1999

### **23. Fatwa Mengenai Urusan Zakat Dan Pengurusan Wang Awam Majlis Agama Islam Kelantan**

Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 19 Ogos 1993 telah membincangkan mengenai fatwa mengenai urusan zakat dan pengurusan wang awam Majlis Agama Islam Kelantan. Mesyuarat telah membuat keputusan fatwa seperti berikut:

1. Pada asasnya zakat hendaklah segera diagihkan kepada asnafnya selepas dipungut dari pengeluar-pengeluar zakat. Ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang menunjukkan supaya zakat hendaklah segera disampaikan kepada orang yang berhak menerimanya. Walau bagaimanapun menangguhkan sementara kerja-kerja pengagihan zakat atas asas untuk menyelesaikan urusannya terlebih dahulu adalah dibolehkan dengan syarat janganlah sampai mengetepikan keperluan yang sepatutnya sampai ke tangan golongan atau orang yang berhak menerimanya menurut hukum syarak dan lagi tempoh berlangsungnya penangguhan itu tidaklah disifatkan sebagai lama pada *uruf*.
2. Tiada nas yang membolehkan wang atau harta zakat *ditasarruf* (دتصرف) untuk tujuan-tujuan lain termasuk kegiatan perniagaan yang tertakluk kepada risiko untung rugi.
3. Wang atau harta zakat tidak boleh digunakan untuk tujuan pembelian tanah atau untuk membina bangunan perniagaan, sekalipun pendapatan dari sumber itu kelak akan digunakan untuk asnaf zakat. Ini adalah kerana berlawanan dengan konsep sebenar kewajipan berzakat yang difardukan di dalam syariat Islam.
4. Pada asalnya maksud (*Fisabilillah*) di dalam konteks asnaf zakat ialah jihad atau peperangan kerana menegakkan agama Allah. Walau bagaimanapun pengertian tersebut diperluaskan menurut pendapat ulama dengan meliputi semua kegiatan atau usaha yang bertujuan untuk meninggikan agama Islam. Adapun zakat yang terhak kepada asnaf *fi sabilillah* ialah satu perlapan, tetapi tiada halangan menurut hukum syarak ianya dilebihkan dari kadar tersebut jika didapati mustahak serta wajar dengan syarat tidak menjejaskan hak asnaf-asnaf lain yang ada.

Namun begitu, perbelanjaan untuk asnaf itu tidak harus menjadi terlalu besar sehingga menampakkan jarak perbezaan yang terlalu jauh dengan perbelanjaan asnaf-asnaf lain yang ada itu.

5. Wang simpanan orang awam (deposit am) yang ada dalam simpanan Majlis boleh digunakan untuk modal perniagaan atau apa-apa tujuan lain yang menguntungkan atau boleh memenuhi kepentingan umat Islam. Walau bagaimanapun sebagai harta amanah, wang tersebut hendaklah *ditasarruf* dengan baik sampai ianya dapat dimanfaatkan untuk tujuan asalnya, jika tujuan tersebut masih wujud atau kepada tujuan-tujuan yang sehampir mungkin dengan tujuan asalnya jika tujuan asal sudah luput.

Sumber : Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan  
Tarikh : 18 Ogos 1993

#### **24. Fatwa Mengenai Projek Ekonomi Dengan Pendapatan Wang Zakat**

Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 8 Disember 1991 telah membincangkan mengenai fatwa mengenai projek ekonomi dengan pendapatan wang zakat. Mesyuarat telah membuat keputusan fatwa seperti berikut:

Wang zakat tidak harus / tidak sah diberi pinjam kepada mana-mana pihak sama ada dengan tujuan sebagai modal perniagaan atau lain-lain.

Sumber : Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan  
Tarikh : 8 Disember 1991

#### **25. Kadar *Uruf* Emas Perhiasan Wanita Di Negeri Terengganu**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Kali Ke-9 Penggal ke-8 yang bersidang pada 22 Jun 2010 telah membincangkan Kertas Kerja Kadar *Uruf* Emas Perhiasan Wanita Di Negeri Terengganu. Mesyuarat telah membuat keputusan seperti berikut:

Kertas Kerja mengenai "Penentuan Kadar *Uruf* Emas Dan Pemakaiannya Dalam Kalangan Wanita Negeri Terengganu" daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), diterima dengan "isyarat" dan berpendapat had nilai zakat emas perhiasan wanita perlu dibawa ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia untuk dibahaskan secara nasional.

Mesyuarat turut mengambil perhatian terhadap keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu terdahulu yang berpendapat bahawa had *israf* adalah 200 *mithqal* bersamaan 850 gram masih diguna pakai bagi dikenakan zakat perhiasan wanita.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu

Tarikh : 22 Jun 2010

## **26. Pembayaran Zakat Oleh Syarikat Senaraian Awam**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa pada hari ini bersetuju bahawa zakat ke atas ahli hanya dikenakan kepada mereka yang beragama Islam sahaja sebagaimana keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada 10 Mei 2001 Kali Ke-50.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu  
Tarikh : 28 Mac 2010

## **27. Wang Zakat Bagi Menampung Perbelanjaan Pengurusan Muassasah Gadaian Islam Terengganu**

Huraian Tajuk/Isu:

Mohon pandangan mengenai cadangan untuk menggunakan peruntukkan wang zakat bagi menampung perbelanjaan pengurusan Muassasah Gadaian Islam Terengganu

Keputusan:

Mesyuarat tidak bersetuju dengan cadangan untuk menggunakan peruntukkan wang zakat bagi menampung perbelanjaan pengurusan Muassasah Gadaian Islam Terengganu.

Sehubungan dengan ini, mesyuarat mencadangkan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu supaya menimbang semula peraturan Muassasah Gadaian Islam Terengganu yang memberi perkhidmatan percuma kepada pelanggan dengan mengenakan sedikit bayaran sekadar menampung perbelanjaan pengurusan.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu  
Tarikh : 15 Mei 2001

## **28. Cara Niat Zakat Melalui Borang Pungutan Gaji**

Keputusan:

Lafaz dan cara niat zakat gaji yang terdapat dalam 'Borang Pungutan Gaji' adalah seperti berikut :

- i. Lafaz: "Inilah sebahagian wang zakat yang wajib ke atas saya bagi tahun ini sebanyak \_\_\_\_\_ (setahun) kerana Allah Taala."
- ii. Masa berniat: Ketika mengisi borang potongan gaji, setahun sekali.

Lafaz dan cara berniat ini berpandukan kepada cara yang diamalkan oleh negeri-negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang.

Mesyuarat bersetuju supaya Urusetia Jawatankuasa Fatwa mendapatkan penjelasan lebih lanjut daripada Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia tentang kejituan cara berniat seperti di atas. Kerana niat hanya sekali, sedangkan potongan sebulan sekali dalam masa setahun (12 kali).

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu  
Tarikh : 3 September 2000

### **29. Wang Dividen Daripada Zakat Yang Disimpan Di Dalam Bank**

Jawatankuasa berpendapat wang dividen daripada wang zakat yang disimpan di dalam bank bukan wang zakat dan tidak terikat dengan asnaf zakat.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu  
Tarikh : 5 Oktober 1993

### **30. Zakat Pertanian (Tanaman Padi)**

Jawatankuasa ini berpendapat bahawa tanah-tanah yang mendapat siraman air daripada parit-parit dan tali air maka kadar zakatnya adalah 1/10 (satu persepuluh) kerana orang yang menanam di atas tanah itu tidak mesti bersusah payah dan tidak pula berhajat kepada apa-apa tenaga untuk mendapatkan air. Tentang bayaran yang dibayar kepada kerajaan sebagai cukai yang dinamakan cukai tali air maka kadarnya tidak membebankan dan dengan itu tidak mengubah kadar zakat yang ditetapkan itu.

Zakat tanaman bagi tanah yang disewa, Jawatankuasa ini berpendapat bahawa bayaran sewaan terhadap tanah yang diusahakan tidak boleh ditolak dari hasil tanaman yang dikenakan zakat kerana zakat itu dikenakan ke atas hasil tanaman.

Bayaran subsidi oleh LPN samada termasuk dalam tafsiran zakat atau tidak, Jawatankuasa ini berpendapat bahawa bayaran subsidi yang dikeluarkan oleh LPN semasa penjualan padi itu tidak termasuk dalam tafsiran zakat.

Mengeluarkan zakat tanaman dengan wang tunai sebagai ganti, Jawatankuasa ini berpendapat bahawa mengeluarkan zakat tanaman dengan harga adalah tidak memadai (tidak sah).

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu  
Tarikh : 2 Jun 1990

### 31. Skim Pelaburan Di Bawah Akaun Khas Zakat

Huraian Tajuk/Isu: Skim pelaburan di bawah Akaun Khas Zakat

Keputusan:

Mesyuarat berpendapat bahawa pungutan zakat fitrah dan padi hendaklah dibahagikan secara sekaligus dan dengan seberapa segera yang dapat kepada yang berhak menerimanya manakala zakat lain selain dari keduanya bolehlah diagihkan kepada mereka yang berhak menerimanya samada dengan cara sekaligus atau dengan cara bulanan bila mana difikirkan cara tersebut sesuai. Dan manakala asnaf-asnaf yang tidak dapat dihabiskan, terpulanglah kepada Al-Imam (Pemerintah) untuk mentadbirkannya bagi *masalahah* zakat. Jawatankuasa ini juga berpendapat bahawa lebih asnaf zakat yang tidak dapat dibahagikan kepada yang berhak hendaklah dipastikan supaya tidak dibekukan. Dan manamana lebih yang sedia ada hendaklah diambil perjalanan yang segera bagi *masalahah* zakat.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu  
Tarikh : 18 September 1988

### 32. Hukum Zakat Fitrah Melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS)

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang telah bersidang pada 5-6 Julai 2010 telah membincangkan hukum zakat fitrah melalui sistem pesanan ringkas (SMS) dan mesyuarat bersetuju memutuskan hukum zakat fitrah melalui sistem pesanan ringkas (SMS) ini boleh digunakan.

Sumber : Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang  
Tarikh : 13 Julai 2010

### 33. Fatwa Tentang *Masail Asnaf Gharimin* Dan Penyelesaiannya

Huraian Tajuk/Isu:

Takrif *Al-Gharimin*: mengikut ulama Mazhab Syafi'i dan Hanbali ialah orang yang berhutang sama ada hutang untuk dirinya sendiri atau hutang untuk orang lain dan sama ada hutang ini bertujuan untuk melakukan sesuatu kebaikan (taat kepada Allah).

Keputusan:

Takrif *Al-Gharimin*: mengikut ulama Mazhab Syafi'i dan Hanbali ialah orang yang berhutang sama ada hutang untuk dirinya sendiri atau hutang untuk orang lain dan sama ada hutang ini bertujuan untuk melakukan sesuatu kebaikan (taat kepada Allah).

Syarat-syarat terhadap *gharimin* yang perlu mendapat bantuan adalah seperti berikut:

1. Pemohon tidak mempunyai harta atau sumber kewangan yang melebihi keperluan asasinya.
2. Pinjaman yang dibuat di dalam perkara-perkara yang halal dan harus.
3. Wujud keperluan menyelesaikan hutang dengan segera.
4. Wujudnya kemudharatan terhadap diri dan keluarga jika hutang tidak dibayar.
5. *Gharimin* yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan asasi seperti kesihatan, pelajaran di peringkat rendah dan menengah, makanan, tempat perlindungan sementara dan segala hutang untuk meninggikan martabat agama dibantu terus dari peruntukan asnaf *gharimin* tanpa melihat kepada jumlah yang ditanggung.
6. *Gharimin* yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan selain dari syarat (5) yang disebutkan di atas dibantu dari peruntukan asnaf *gharimin* secara *Qardhul Hasan* dan wajib menjalani tempoh pemulihan.

Sumber : Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri  
Selangor

Tarikh : 21 September 2004

#### **34. Pembayaran Zakat Melalui Kad Kredit/Kad Bank Islam**

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor yang diadakan pada 19 Februari 2002 telah sebulat suara membuat keputusan bahawa harus/boleh membayar zakat melalui kad kredit/kad Bank Islam dengan syarat disertai niat yang ikhlas.

Bagi pembayaran zakat melalui kad kredit, pembayar hendaklah berniat mewakilkan pihak bank sebagai wakilnya bagi membayar zakatnya secara tunai kepada amil. Lafaz niatnya iaitu "ini zakat wajib ke atas diriku pada tahun ini berjumlah...".

Sumber : Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri  
Selangor

Tarikh : 19 Februari 2002

**35. Fatwa Tentang Zakat Ke Atas Syarikat Yang Dimiliki Oleh Pelbagai Jenis Pemegang Saham Yang Bercampur Muslim Dan Non Muslim**

Keputusan:

- i. Diwajibkan zakat bahagian Muslim sahaja bagi syarikat yang bercampur antara pemegang saham Muslim dan non Muslim.
- ii. Ini adalah berdasarkan hujah seperti berikut:

Para ulama dari kalangan Sahabat, Tabiin dan Fuqaha telah bersepakat bahawa pemilik syarikat-syarikat perniagaan adalah wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syaratnya. Pendapat tersebut berdasarkan ayat al-Quran surah Al-Baqarah ayat 267 iaitu;

Firman Allah SWT:

Maksudnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu membelanjakan harta kamu yang baik-baik iaitu hasil daripada apa yang kamu telah usahakan dan dari harta-harta yang kami keluarkan untuk kamu dari bumi.....”.*

Sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya:

*“Tidak dihimpun di antara yang berpisah dan tidak dipisahkan di antara yang berhimpun kerana takut mengeluarkan zakat.”*

Sabda Rasulullah SAW lagi:

Maksudnya:

*“Adalah Rasulullah SAW menyuruh kamu mengeluarkan zakat daripada barang-barang yang disediakan untuk jual beli.”*

(Riwayat Abu Daud)

Ijma' sahabat iaitu yang diriwayatkan oleh Abu Ubai dengan sanad daripada Abd. Al-Qari katanya: “Ketika aku menjaga Baitulmal di zaman Umar al-Khattab apabila beliau hendak harta-harta perniagaan tersebut kemudian diambil zakat daripada harta-harta tersebut”.

Para ulama Islam bersepakat mengatakan bahawa zakat wajib ke atas individu Muslim yang baligh, berakal dan merdeka yang cukup haul dan

nisab. Ini bererti zakat tidak wajib ke atas orang bukan Islam berdasarkan hadis riwayat Ibn Abbas, sabda Nabi SAW:  
Maksudnya:

*“Bahawasanya Rasulullah SAW ketika mengutuskan Muaz ke Yaman, Baginda bersabda kepadanya, sesungguhnya engkau akan pergi pada satu kaum daripada ahli kitab maka hendaklah perkara pertama yang engkau seru mereka ialah mengucap bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, dan jika mereka mentaatimu mengenai perkara tersebut maka beritahulah kepada mereka bahawa Allah memfardhukan ke atas mereka sembahyang lima waktu sehari semalam, dan jika mereka mentaati mu mengenai perkara tersebut maka khabarkanlah mereka bahawa Allah telah memfardhukan ke atas mereka zakat yang diambil daripada orang-orang kaya kalangan mereka dan diberikan kepada golongan fakir di kalangan mereka.”*

Keterangan/Hujah:

Ini adalah berdasarkan hujjah seperti berikut :

Para ulama dari kalangan Sahabat, Tabiin dan Fuqaha' telah bersepakat bahawa pemilik syarikat-syarikat perniagaan adalah wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syaratnya. Pendapat tersebut berdasarkan ayat al-Quran surah Al-Baqarah ayat 267 iaitu;

Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَنْفِقُوْا مِنْ طَيِّبٰتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا اَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْاَرْضِ ط

Maksudnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu membelanjakan harta kamu yang baik-baik iaitu hasil daripada apa yang kamu telah usahakan dan dari harta-harta yang kami keluarkan untuk kamu dari bumi.....”*

Sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya:

*“Tidak dihimpun di antara yang berpisah dan tidak dipisahkan di antara yang berhimpun kerana takut mengeluarkan zakat.”*

Sabda Rasulullah SAW lagi:

Maksudnya:

*“Daripada Samrah katanya: “Adalah Rasulullah SAW menyuruh kamu mengeluarkan zakat daripada barang-barang yang disediakan untuk jual beli.”*

(Riwayat Abu Daud)

Ijma' sahabat iaitu yang diriwayatkan oleh Abu Ubai dengan sanad daripada Abd. Al-Qari katanya, “ketika aku menjaga Baitulmal di zaman Umar Al-Khattab apabila beliau hendak harta-harta perniagaan tersebut kemudian diambil zakat daripada harta-harta tersebut”.

Para ulama Islam bersepakat mengatakan bahawa zakat wajib ke atas individu Muslim yang baligh, berakal dan merdeka yang cukup haul dan nisab. Ini bererti zakat tidak wajib ke atas orang bukan Islam berdasarkan hadis riwayat Ibn Abbas, sabda Nabi SAW:

Maksudnya:

*“Bahawasanya Rasulullah SAW ketika mengutuskan Muaz ke Yaman, Baginda bersabda kepadanya, sesungguhnya engkau akan pergi pada satu kaum daripada ahli kitab maka hendaklah perkara pertama yang engkau seru mereka ialah mengucap bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, dan jika mereka mentaatimu mengenai perkara tersebut maka beritahukah kepada mereka bahawa Allah memfardhukan ke atas mereka sembahyang lima waktu sehari semalam, dan jika mereka mentaati mu mengenai perkara tersebut maka khabarkanlah mereka bahawa Allah telah memfardhukan ke atas mereka zakat yang diambil daripada orang-orang kaya kalangan mereka dan diberikan kepada golongan fakir di kalangan mereka.”*

Sumber : Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri  
Selangor

Tarikh : 24 Julai 2001

### **36. Pelaburan Harta Zakat Bahagian Asnaf Amil**

Huraian Tajuk/Isu:

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) telah dikemukakan persoalan mengenai harta zakat bahagian asnaf amil. Pihak Jawatankuasa telah diminta untuk membincangkan dan mendapatkan kelulusan agar harta zakat bahagian asnaf amil (diperniagakan) oleh Pusat Zakat Selangor.

Keputusan:

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor dalam persidangannya yang bertarikh 23 Ogos 1999 telah membincangkan perkara di atas dan keputusannya adalah seperti berikut:

*“Bahawasanya Jawatankuasa Fatwa kali ke 3/99 telah sebulat suara mengesyorkan agar Pusat Zakat Selangor (PZS) mengemukakan Kertas Cadangan Pelaburan Asnaf Amil di masa akan datang sekiranya ada lebih peruntukan daripada harta zakat tahunan yang diberi kepada pihak PZS”*

Keterangan/Hujah:

### **Latar Belakang**

Majma' al-Fiqh al-Islami dalam seminarnya yang ketiga yang diadakan di Kuwait bertarikh 8-9 Jamadil Akhir 1413H bersamaan 2-3 Disember 1992M telah membuat ketetapan berkenaan PELABURAN HARTA ZAKAT sepertimana yang telah ditetapkan pada 2hb Julai 1986 dalam seminar yang ke-3 bahawa harta zakat boleh dilaburkan tetapi mesti menepati syarat-syarat berikut:

- i. Bilamana sudah tidak ada lagi agihan saraan mendadak yang mesti diberikan melalui harta zakat.
- ii. Pelaburan tersebut hendaklah dilakukan dengan sempurna iaitu perjalanannya sama seperti lain-lain pelaburan dan ianya mestilah berlandaskan syariat.
- iii. Hendaklah diadakan jaminan bahawa harta asal zakat yang dilaburkan adalah tetap harta zakat dan begitu juga keuntungannya.
- iv. Apabila ada keperluan mendadak iaitu perlu diagihkan harta zakat atas keperluan yang terdesak maka harta zakat yang dijadikan modal pelaburan tadi hendak mudah dicairkan.
- v. Hendaklah dibuat kajian terperinci berkenaan dengan satu-satu pelaburan yang hendak diusahakan menggunakan harta zakat. Yang mana perlu dipastikan pelaburan/ perniagaan tersebut terjamin selamat serta mudah dicairkan bila perlu.
- vi. Hendaklah mendapatkan kebenaran ataupun kelulusan dari pemerintah ataupun mana-mana pihak yang bertanggungjawab atas harta zakat. Ianya kerana untuk memelihara dasar-dasar syariat dan pelaburan tersebut mestilah dikendalikan oleh satu badan ataupun jawatankuasa khas yang terdiri dari mereka yang berpengalaman dalam bidang pelaburan serta yang lebih penting ialah amanah.

### **Asas Pertimbangan**

Pada umumnya ulama Fuqaha berpendapat ada 3 bentuk pelaburan harta zakat. Ianya seperti berikut:

- i. Pelaburan harta zakat yang diusahakan oleh mereka yang berhak menerima zakat (*mustahik*) setelah mereka menerima lalu memiliki harta zakat dari bahagian mereka. Dalam hal ini ulama" bersepakat bahawa hukum syara' membolehkan kerana harta tersebut telah menjadi hak milik mereka. Ini bermakna, mereka berhak untuk berbuat apa sahaja atas harta tersebut.
- ii. Pelaburan harta zakat yang diusahakan oleh tuan harta sebelum harta tersebut dikeluarkan zakatnya. Dalam hal ini ulama' sepakat bahawa hukum syara' tidak membolehkan pelaburan tersebut. Kerana zakat hukumnya mesti ditunaikan segera dan ia juga hendaklah segera diagih-agihkan kepada asnafnya. Kesimpulannya ulama' menegaskan bahawa tuan harta mestilah segera menunaikan zakat hartanya bila sudah cukup syarat-syaratnya dan dilarang membuat apa jua bentuk pelaburan atas bahagian harta zakat tersebut.
- iii. Dan yang ketiga iaitu harta zakat yang dilaburkan oleh pemerintah ataupun amil zakat atau mana-mana badan yang menguruskan zakat. Dalam hal ini, ulama silam tiada membincangkan ataupun membuat apa-apa ketetapan berkenaan dengannya. Walau bagaimanapun kita bersyukur kerana ulama masa kini telah pun membincangkan serta membuat ketetapan berkenaannya. Mereka terbahagi kepada dua kumpulan:

Pertama: ulama yang menegaskan bahawa harta zakat tidak boleh dilaburkan. Mereka ialah Dr. Wahbah al-Zuhaily, Dr. Abdullah Ilwan, Dr. Muhammad.

Sumber : Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor  
 Tarikh : 23 Ogos 1999

### **37. Cadangan Mewujudkan Kad Ahli Zakat**

Huraian Tajuk/Isu:

Kertas cadangan ini dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor untuk mendapatkan keputusan boleh ataupun tidak, Pusat Zakat Selangor (MAIS) mewujudkan kad ahli zakat sebagai satu alternatif untuk menyedarkan masyarakat akan kewajipan berzakat.

Keputusan:

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor dalam persidangannya yang bertarikh 21 Jun 1999 telah membincangkan perkara di atas dan keputusannya adalah seperti berikut:

“Bahawasanya Jawatankuasa Fatwa kali ke 2/99 telah sebulat suara bersetuju bagi Pusat Zakat Selangor untuk mewujudkan kad ahli zakat kepada pembayar zakat”.

Keterangan/Hujah:

## **LATAR BELAKANG**

Zakat adalah rukun Islam, satu asas yang wajib dibina tanpa alasan. Pelaksananya oleh pihak-pihak yang berkenaan kepada setiap lapisan masyarakat merupakan satu tanggungjawab yang membawa berkat dan kesan bukan sahaja kepada mereka yang menunaikan tetapi juga kepada mereka yang menerimanya. Konsep berkat dan berkesan ini bukan sahaja khusus kepada tahap individu malahan meluas ke seluruh masyarakat, bukan sahaja lingkungan kebajikan tetapi memanjang sehingga ke bidang ekonomi yang merangkumi kepentingan duniawi dan juga sebagai usaha pembinaan mahligai di akhirat kelak.

## **OBJEKTIF**

- i. Sebagai galakan untuk menambahkan bilangan pembayar zakat di kalangan individu, peniaga dan masyarakat Negeri Selangor amnya untuk menunaikan zakat iaitu dengan memberikan potongan harga barangan.
- ii. Sebagai penghargaan kepada peniaga-peniaga Melayu yang telah membayar zakat di Pusat Zakat Selangor (MAIS) khasnya iaitu dengan mempromosi dan menggalakkan pembayar zakat dari seluruh Selangor pergi ke premis perniagaan mereka untuk membeli barangan.
- iii. Menggalakkan syarikat-syarikat perniagaan baru untuk membayar zakat selepas mereka dipilih menjadi panel diskaun kad ahli zakat.
- iv. Sebagai bukti pembayaran zakat yang mana mungkin satu hari nanti apabila adanya enakmen yang mewajibkan zakat dibayar dan hukuman dikenakan jika tidak membayar zakat, maka kad ini boleh ditunjukkan apabila diminta oleh pegawai yang berkenaan.
- v. Mengeratkan hubungan antara pembayar dengan Pusat Zakat Selangor (MAIS) dan peniaga dengan Pusat Zakat Selangor (MAIS) melalui pembayaran yang berterusan di kaunter-kaunter Pusat Zakat Selangor (MAIS).
- vi. Dapat membantu meningkatkan lagi kutipan zakat.

- vii. Menonjolkan syarikat perniagaan Islam kerana kedai panel yang dipilih adalah di kalangan peniaga Islam sahaja.

## **ASAS PERTIMBANGAN**

### **Mempertimbangkan tujuan dan manfaat**

Kita boleh lihat dari sebuah peristiwa yang berlaku di zaman Khalifah Umar al-Khattab. Telah berlaku sedikit perselisihan di antara 2 orang sahabat iaitu Dahak RA dengan Muhammad bin Muslimah. Dahak hendak menggali sebuah terusan pendek melewati tanah Muhammad akan tetapi Muhammad tidak bersetuju. Maka Saidina Umar pun bertanya kepada Muhammad: "Mengapa kamu menghalang saudara kamu melakukan suatu perkara yang bukan sahaja menguntungkan dia bahkan menguntungkan kamu juga. Lebih-lebih lagi ianya tidak mendatangkan apa-apa kerugian!". Lantas beliau memerintahkan agar usaha menggali tersebut diteruskan walaupun tidak dipersetujui oleh tuan tanah. Dari peristiwa di atas dapat disimpulkan bahawa sesuatu perkara yang akan dilakukan mestilah tidak merugikan mana-mana pihak malahan memberi manfaat kepada kedua-duanya. Bertitik tolak dari sini juga dirasakan kad ahli zakat ini sememangnya mempunyai tujuan dan manfaat tersendiri yang boleh menguntungkan kedua-dua belah pihak.

### **Ganjaran kepada yang menunaikan zakat**

Firman Allah SWT:

Maksudnya:

*"Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat dan taatlah kamu kepada Rasulullah supaya kamu beroleh rahmat."*

(Surah al-Nur: 56)

Maksudnya:

*"Dan dirikanlah sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala yang kamu kerjakan."*

(Surah al-Baqarah: 110)

Sumber : Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri  
Selangor  
Tarikh : 21 Jun 1999

### **38. Memohon Kajian Semula Mengenai Fatwa Zakat Tanaman**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang kali 185 bertarikh 2-4 November 2010M bersamaan 25-27 Zulkaedah 1431H memperaku dan menerima dengan kadar wajib zakat padi adalah sebanyak lima peratus (1/20) daripada hasil kasar padi untuk diterima pakai oleh umat Islam di negeri Perak Darul Ridzuan.

Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak mengesyorkan supaya dibuat satu khutbah tentang keputusan ini untuk sebaran kepada masyarakat Islam seluruh negeri Perak.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak  
Tarikh : 2 November 2010

### **39. Zakat Fitrah**

Huraian Tajuk/Isu: Membayar fitrah dengan harga (wang)

Keputusan:

Jawatankuasa Fatwa berpendapat adalah harus kaum Muslimin di negeri ini mengeluarkan zakat fitrah yang wajib ke atas mereka dengan harga makanan yang biasa dimakan (beras).

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah  
Tarikh : 11 November 1989

### **40. Memberi Zakat Kepada Ibu Bapa**

Huraian Tajuk/Isu: Apakah hukum memberi / membayar zakat kepada ibu bapa?

Keputusan:

Tidak boleh beri zakat kepada ibu bapa kecuali jika anak itu tidak mampu menunaikan nafkah yang wajib di atasnya terhadap ibu bapanya sebab kemiskinan.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah  
Tarikh : 1 Januari 1970

### **41. Kaedah Penggunaan Wang Zakat Berlebihan**

Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis telah membuat keputusan seperti berikut:

- i. Sekiranya peruntukan untuk sesuatu asnaf telah diagihkan dengan sebaik mungkin tetapi masih berbaki, maka baki tersebut hendaklah dibawa ke hadapan.
- ii. Menaikkan kadar pemberian kepada asnaf khususnya asnaf fakir, miskin dan *fisabilillah*.
- iii. Meluaskan konsep asnaf *fisabilillah* dengan meningkatkan kadar bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat, guru al-Quran dan sebagainya.
- iv. Peruntukan untuk asnaf fakir dan miskin perlu diagihkan dan diurus dengan lebih berkesan dan sistematik serta mendatangkan faedah jangka panjang kepada mereka untuk membantu mereka meningkatkan taraf hidup mereka seperti mendirikan kilang perusahaan yang membabitkan fakir dan miskin, dan memberi pulangan kepada mereka untuk mendapat faedah sepenuhnya daripada program tersebut.

Sumber : Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis  
 Tarikh : 11 Mei 1988

#### **42. Hukum Pengeluaran Dan Penerimaan Zakat Bagi Yang Telah Diisytiharkan Muflis**

Ahli Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju bahawa asas pertimbangan dalam menetapkan hukum zakat bagi yang telah diisytiharkan muflis adalah seperti berikut:

- i. Apabila seseorang telah diisytiharkan sebagai muflis disebabkan hutang yang ditanggung melebihi harta yang dimiliki, maka tiada zakat yang dikenakan kerana harta yang ada telah disekat untuk melunaskan hutang semasa.
- ii. Seseorang yang diisytiharkan muflis sekiranya mempunyai harta selain harta yang disekat sama ada harta tersembunyi atau seumpamanya, maka harta tersebut wajib dizakatkan sekiranya cukup nisab dan genap tempohnya setahun.
- iii. Sekiranya individu yang telah diisytiharkan muflis tidak mempunyai sumber pendapatan lain pada ketika itu, maka dia layak untuk menerima zakat di bawah asnaf *al-gharimin* dengan syarat-syarat seperti berikut;-
  - a. Hendaklah orang yang berhutang itu mempunyai keperluan untuk memiliki harta yang dapat melunaskan hutang-hutangnya. Dan apabila dia menjadi kaya dan mampu untuk melunaskan semua hutangnya dengan harta yang dimiliki, maka dia tidak layak untuk menerima zakat.

- b. Hendaklah hutang yang ditanggung itu dalam urusan ketaatan atau perkara yang diharuskan. Sekiranya dia berhutang untuk tujuan yang maksiat, maka tiada bahagian zakat untuknya kerana ianya sama seperti menolongnya berbuat maksiat kepada Allah Subhanahu wa Taala.
- c. Hutang yang ditanggung hendaklah hutang semasa yang memerlukan pelunasan pada waktu itu. Sekiranya hutang tersebut bertempoh maka pendapat yang sahih seperti yang dinyatakan oleh Imam an-Nawawi adalah tidak diberikan zakat.

Sumber : Lembaga Fatwa Negeri Sarawak  
 Tarikh : 13 Julai 2010

#### **43. Penyelarasan Kaedah Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia**

Kertas Mesyuarat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-51 pada 11 Mac 2002 di Bilik Mesyuarat Pusat Islam, Kuala Lumpur berhubung dengan Penyelarasan Kaedah Penentuan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan itu telah dikemukakan dalam Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak untuk maklum dan kelulusan bahawa :-

Keputusan:

- i. Harga zakat fitrah di seluruh Malaysia adalah berbeza-beza di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri-negeri yang lain. Ini adalah disebabkan harga beras yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun kadar sukatan bagi menentukan berat beras adalah sama iaitu satu gantang Baghdad.
- ii. Bahagian Penyelidikan JAKIM telah memperakukan beberapa kaedah dan garis panduan bagi penetapan harga zakat fitrah untuk dilaksanakan di seluruh Malaysia iaitu :-
  - a. Kaedah Penentuan harga zakat fitrah menggunakan kadar sukatan gantang Baghdad.
  - b. Beras Super Tempatan Gred A menjadi bahan asas yang akan digunakan untuk penentuan.
  - c. Satu gantang Baghdad beras Super Tempatan Gred A beratnya 2.70 kg.

- d. Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri berdasarkan kepada harga semasa bagi beras Super Tempatan Gred A beratnya 2.70 kg di negeri berkenaan.

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak bersetuju menerima kertas kerja ini dan memperakukan keputusan Jawatankuasa Majlis Kebangsaan itu.

Sumber : Lembaga Fatwa Negeri Sarawak  
Tarikh : 27 Jun 2002

#### **44. Pungutan Zakat Gaji Melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri**

Setelah membincang isi kandungan kertas kerja ini Ahli Jawatankuasa memutuskan bahawa zakat gaji boleh dipungut oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri yang dilantik sebagai amil dengan syarat-syarat seperti berikut :-

- i. Islam
- ii. Mukallaf
- iii. Memahami Hukum-Hukum Zakat
- iv. Kemampuan Mengurus Kutipan dan Melaksanakan Tugas

Jawatankuasa juga memutuskan bahawa pelantikan Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai pemungut zakat gaji untuk pekerja Islam di Sarawak diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri Sarawak.

Sumber : Lembaga Fatwa Negeri Sarawak  
Tarikh : 18 Oktober 1997

**BAB 3:**  
**HAJI DAN UMRAH MENURUT AL-QURAN, HADIS DAN  
FATWA**

## **BAHAGIAN 1:**

### **PENGENALAN**

#### **DEFINISI HAJI DAN UMRAH**

##### **Definisi Haji**

Dari sudut bahasa Arab, perkataan 'Haji' membawa maksud datang atau menuju ke suatu tempat. Dari sudut istilah pula ialah menuju ke tempat-tempat yang khusus (iaitu Baitullah Al-Haram dan padang Arafah) pada waktu yang dikhususkan (iaitu bulan-bulan *manasik* haji) bagi melaksanakan amalan-amalan khusus seperti wuquf di padang Arafah, tawaf, *sai'e* dengan pematuhan terhadap syarat-syarat yang tertentu.

##### **Definisi Umrah**

Umrah dari segi bahasa bermakna ziarah atau menuju ke tempat yang makmur. Ia sesuai dimaksudkan demikian kerana boleh dilakukan pada bila-bila masa. Pengertian Umrah mengikut syarak pula ialah mengunjungi Kaabah untuk melakukan ibadah iaitu tawaf dan *sai'e* menurut syarat-syarat wajibnya. Walaupun bagi sesetengah ulama berpendapat bahawa umrah adalah ibadah sunat, namun ulama Mazhab Syafii dan Hanbali menyatakan bahawa ia adalah wajib berdasarkan pada dalil al-Quran.

#### **KEDUDUKAN HAJI DAN UMRAH DALAM ISLAM**

##### **Kelebihan Menunaikan Haji**

Sebagaimana ibadat sembahyang, puasa dan zakat mempunyai fadilat/hikmah masing-masing, maka demikian juga ibadat haji mempunyai hikmah/fadilatnya sendiri. Di antara fadilat atau hikmahnya itu adalah:

- i. Membentuk dan menyemaikan semangat persamaan antara berbagai-bagai bangsa dan kaum serta memupuk perasaan persamaan taraf ke dalam jiwa setiap mukmin di dunia. Semangat persamaan ini disemaikan melalui memakai pakaian ihram dalam masa yang sama, tempat yang sama dan bersama dalam masa yang agak panjang juga.
- ii. Dengan diwajibkan memakai hanya dua kerat/keping kain, satu untuk diikat di pinggan sebagai menutup aurat dari pusat hingga ke kaki dan sekeping lagi untuk diselimutkan di badan, maka akan lenyaplah perbezaan di antara yang berpangkat dan berdarjat dengan orang biasa, di antara orang kaya dengan yang miskin, di antara orang Arab dengan bukan Arab, orang timur dan barat dan sebagainya. Semuanya mempunyai taraf dan darjat yang sama sebagai seorang hamba Allah SWT yang menyerahkan diri kepada Allah serta dipenuhi

dengan ucapan *taqdis*, takbir, tahmid, tasbih dan juga doa, dengan itu pangkat, kelas, harta dan darjat adalah diketepikan.

- iii. Menyuburkan perasaan persaudaraan, kasih-sayang dan perpaduan serta menghayati konsep hidup Islam yang sejati sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوِيكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

*“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”*

(Surah al-Hujarat: 10)

- iv. Melatih diri supaya bersifat sabar, tekun dan cergas dalam melaksanakan perintah Allah SWT Sabar menghadapi berbagai cubaan dan dugaan serta rintangan dalam melaksanakan ibadat haji. Sebab itulah siapa yang bersabar menanggung satu saat panas di siang hari di Mekah, Allah SWT akan menjauhkan dia 100 tahun lamanya dari neraka dan demikian juga siapa yang bersabar dari menderita sakit sehari di Mekah, Allah SWT akan tuliskan pahala amal soleh yang dilakukannya di luar Mekah selama 60 tahun.
- v. Musim haji merupakan satu perjumpaan agung bagi umat Islam seluruh dunia di mana selain berkenal-kenalan dapat pula membincangkan hal ehwal umat Islam mengenai perpaduan, persaudaraan, kerjasama, muslihat dan kebajikan mereka bersama. Dengan melakukan yang demikian, maka tersebarlah konsep hidup Islam yang sejati.

## Jenis-Jenis Haji

Dalam mengerjakan ibadat haji terdapat tiga (3) jenis haji yang dipraktikkan oleh jemaah haji seperti mana berikut:

### 1. Haji *Ifrad*

Dari sudut bahasa “*ifrad*” bermaksud “berasingan”. Oleh itu haji *ifrad* ialah mengerjakan ibadah haji dan umrah secara berasingan. Caranya ialah:

- i. mengerjakan haji terlebih dahulu sehingga selesai kemudian barulah dikerjakan umrah dalam tahun itu; atau
- ii. mengerjakan umrah sebelum menjelang bulan-bulan haji setelah itu barulah mengerjakan ibadat haji.

## 2. Haji *Tamattu'*

*Tamattu'* bermaksud bersenang-senang, maka haji *tamattu'* itu ialah mengerjakan umrah dahulu dalam bulan-bulan haji, setelah selesai mengerjakan umrah lalu bersenang-senang dengan sebab telah tidak terikat lagi dengan pantang-larang ihram. Kemudian setelah sampai waktu haji berihramlah untuk mengerjakan haji pula. Haji ini dikenakan Dam mengikut syarat-syaratnya.

## 3. Haji *Qiran*

*Qiran* ertinya bersama-sama, jadi haji *Qiran* itu ialah dikerjakan kedua-dua haji dan umrah dengan serentak, iaitu dengan tawaf, satu *sa'ie* dan satu bergunting, kerana kerja-kerja umrah itu dimasukkan dalam kerja-kerja haji. Haji cara ini juga wajib melaksanakan Dam.

## Rukun Haji

Dalam beribadat, rukun adalah perkara yang perlu dilakukan. Sekiranya salah satu daripadanya tidak dilaksanakan maka tidak sah ataupun batal keseluruhan ibadat tersebut. Demikian juga dengan ibadat haji dan umrah sekiranya tertinggal maka ibadat haji dan umrah berkenaan tidak sah.

Rukun haji terdiri daripada enam (6) perkara:

1. Niat ihram mengerjakan haji;
2. Wuquf di Arafah;
3. Tawaf di Kaabah;
4. *Sa'ie* di antara Bukit Safa dan Marwah;
5. Bergunting atau bercukur rambut; dan
6. Tertib pada kebanyakan rukunnya.

## Rukun Umrah

Rukun umrah terdapat lima (5) perkara:

1. Niat ihram mengerjakan umrah;
2. Tawaf;
3. *Sa'ie*;
4. Bergunting atau bercukur; dan
5. Tertib

## Hukum Menunaikan Haji

Hukum menunaikan haji ialah wajib ke atas setiap orang Islam sekali seumur hidup apabila telah cukup syarat wajibnya.

### Wajib Haji dan Umrah

Ibadat haji dan umrah bukan sahaja mempunyai rukun-rukunnya, bahkan juga mempunyai wajib-wajibnya yang mesti dilaksanakan. Terdapat perbezaan antara rukun dan wajib di dalam ibadat haji dan umrah. Jika salah satu daripada rukun haji dan umrah itu tidak dikerjakan sama ada sengaja atau terlupa maka ibadat haji dan umrahnya tidak sah. Sebaliknya jika salah satu daripada perkara-perkara wajib haji dan umrah tidak dikerjakan maka haji dan umrah itu sah tetapi wajib ke atasnya *dam* serta berdosa jika ditinggalkan yang wajib itu dengan sengaja.

1. Wajib haji terdapat enam (6) perkara:
  - i. Niat ihram di *Miqat*;
  - ii. Bermalam di Muzdalifah;
  - iii. Melontar *Jumrah Aqabah*;
  - iv. Bermalam di Mina;
  - v. Melontar ketiga-tiga *Jumrah* pada hari *tasyrik*, iaitu pada 11, 12 dan 13 Zulhijah; dan
  - vi. Meninggalkan perkara-perkara larangan semasa dalam ihram.
2. Wajib umrah terdapat dua (2) perkara sahaja:
  - i. Niat ihram di *Miqat*; dan
  - ii. Meninggalkan perkara-perkara larangan semasa dalam ihram.

### Larangan-larangan Dalam Ihram

Larangan semasa dalam ihram itu adalah seperti berikut:

1. Menutup kepala atau sebahagian daripadanya bagi lelaki, seperti memakai songkok, serban dan sebagainya tetapi tidak menjadi larangan sekiranya berteduh di bawah pokok atau payung;
2. Memakai pakaian bersarung sama ada berjahit atau sebagainya bagi lelaki seperti seluar, baju, sarung kaki dan semua jenis pakaian berjahit yang dijadikan sebagai sarung;
3. Menutup muka dan tapak tangan wanita;

4. Memakai sarung tangan;
5. Memakai bau-bauan sama ada di badan atau pakaian atau pada makanan, minuman atau menghisapnya ke dalam hidung;
6. Memakai minyak rambut di kepala atau janggut;
7. Menanggalkan rambut atau menghilangkan mana-mana bulu di anggota badan;
8. Mengerat atau memotong kuku kaki atau tangan, walaupun sebahagian sahaja daripadanya;
9. Mengerat dan menebang atau mencabut segala tumbuh-tumbuhan yang hidup sama ada tumbuhan itu pokok kayu ataupun rumput, milik orang ataupun bukan;
10. Memburu binatang yang halal dimakan atau membinasakannya sama ada dengan cara membunuh, memukul, menjerat atau menangkap atau dengan apa cara yang menyakiti binatang-binatang itu, malah memeranjatkan atau mengejutkan binatang itu pun haram hukumnya;
11. Bersetubuh atau jimak;
12. Melakukan perkara-perkara “pengenalan” untuk bersetubuh seperti bercium-ciuman, berkucup-kucupan yang menaikkan nafsu syahwat; dan
13. Akad nikah sama ada ijab atau kabul untuk diri sendiri atau mewakili orang lain.

## BAHAGIAN 2:

### HIMPUNAN AYAT AL-QURAN, HADIS DAN FATWA BERKAITAN HAJI DAN UMRAH

#### FASAL 1:

##### Himpunan Ayat Al-Quran

1. Surah Al-Baqarah: 125

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمِّنًا وَاتَّخِذُوا مِن مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى وَعَهِدْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَن طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْعَاكِفِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk ibadat haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): “Bersihkanlah Rumah-Ku (Kaabah dan Masjid Al-Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, dan orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya), dan orang-orang yang rukuk dan sujud”.”

2. Surah al-Baqarah: 126

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ مَنْ ءَامَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ قَالَ وَمَنْ كَفَرَ فَأُمَتِّعُهُ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُ إِلَىٰ عَذَابِ النَّارِ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٢٦﴾

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, yaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka”. Allah berfirman: “(Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga ia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di

dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali.”

3. Surah al-Baqarah: 128

رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِنَا أُمَّةً مُسْلِمَةً لَكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿١٢٨﴾

Maksudnya:

“Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua: orang-orang Islam (yang berserah diri) kepada-Mu, dan jadikanlah daripada keturunan kami: umat Islam (yang berserah diri) kepada-Mu, dan tunjukkanlah kepada kami syariat dan cara-cara ibadat kami, dan terimalah taubat kami; sesungguhnya Engkaulah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani;”

4. Surah al-Baqarah: 158

﴿ إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ ﴿١٥٨﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya "Safa" dan "Marwah" itu ialah sebahagian daripada syiar (lambang) agama Allah; maka sesiapa yang menunaikan ibadat haji ke Baitullah atau mengerjakan umrah, maka tiadalah menjadi salah ia bersaie (berjalan dengan berulang-alik) di antara keduanya, dan sesiapa yang bersukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui.”

5. Surah al-Baqarah: 189

﴿ يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنِ اتَّقَى وَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَابِهَا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٨٩﴾

Maksudnya:

“Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: "(peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-

waktu (urusan dan amalan) manusia, khususnya ibadat haji. dan bukanlah perkara kebajikan: kamu memasuki rumah dari bahagian belakangnya (ketika kamu berihram) akan tetapi kebajikan itu ialah perbuatan orang yang bertakwa; dan masuklah ke rumah (kamu) itu melalui pintunya, serta bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya.”

6. Surah al-Baqarah: 196

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ ۚ فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ ۚ وَلَا تَحْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحَلَّهُ ۚ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِّن رَّأْسِهِ ۚ فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ ۚ فَإِذَا أَمِنْتُمْ فَمَنْ تَمَتَّعَ بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجِّ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ ۚ فَمَنْ لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامٌ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ۚ فِي الْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ ۚ تِلْكَ عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ ۚ ذَٰلِكَ لِمَنْ لَّمْ يَكُنْ أَهْلُهُ حَاضِرِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١٩٦﴾

Maksudnya:

“Dan sempurnakanlah Ibadat Haji dan Umrah kerana Allah; maka sekiranya kamu dikepung (dan dihalang daripada menyempurnakannya ketika kamu sudah berihram, maka kamu bolehlah bertahalul serta) sembelihlah dam yang mudah didapati; dan janganlah kamu mencukur kepala kamu (untuk bertahalul), sebelum binatang dam itu sampai (dan disembelih) di tempatnya. maka sesiapa di antara kamu sakit atau terdapat sesuatu yang menyakiti di kepalanya (lalu ia mencukur rambutnya), hendaklah ia membayar fidyah. Iaitu berpuasa, atau bersedekah, atau menyembelih dam. kemudian apabila kamu berada kembali dalam keadaan aman, maka sesiapa yang mahu menikmati kemudahan dengan mengerjakan umrah, (dan terus menikmati kemudahan itu) hingga masa (mengerjakan) ibadat haji, (bolehlah ia melakukannya kemudian wajiblah ia) menyembelih dam yang mudah didapati. kalau ia tidak dapat (mengadakan dam), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali (ke tempat masing-masing); semuanya itu sepuluh (hari) cukup sempurna. hukum ini ialah bagi orang yang tidak tinggal menetap (di sekitar) Masjid al-Haram (Makkah). dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah; dan ketahuilah bahawasanya Allah Maha berat balasan seksa-Nya (terhadap orang-orang yang melanggar perintah-Nya)”.

7. Surah al-Baqarah: 198

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ ۚ فَإِذَا أَفَضْتُمْ مِّنْ عَرَفَاتٍ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ عِندَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ ۖ وَاذْكُرُوهُ كَمَا هَدَيْتُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِّن قَبْلِهِ  
لَمِن الضَّالِّينَ ﴿١٩٨﴾

Maksudnya:

“Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan haji). Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan doa, “talbiah” dan tasbih) di tempat Masy’ar al-Haram (di Muzdalifah), dan ingatlah kepada Allah dengan menyebut-Nya sebagaimana Dia telah memberikan petunjuk hidayah kepadamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalan ibadatnya.”

8. Surah al-Baqarah: 200

فَإِذَا قَضَيْتُمْ مَنَسِكَكُمْ فَاذْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ ءَابَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا ۗ فَمِنَ  
النَّاسِ مَن يَقُولُ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِن خَلْقٍ ﴿٢٠٠﴾

Maksudnya:

“Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan amalan ibadat haji kamu, maka hendaklah kamu menyebut-nyebut dan mengingati Allah (dengan membesarkan-Nya) sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut (memuji-muji) datuk nenek kamu, bahkan dengan sebutan yang lebih lagi. Dalam pada itu, ada di antara manusia yang (berdoa dengan) berkata: “Wahai Tuhan kami! Berilah kami kebaikan di dunia”. (Orang-orang ini diberikan kebaikan di dunia) dan tidak ada baginya sedikit pun kebaikan di akhirat.”

9. Surah al-Baqarah: 203

﴿ وَادْكُرُوا اللَّهَ فِي أَيَّامٍ مَّعْدُودَاتٍ ۚ فَمَن تَعَجَّلَ فِي يَوْمَيْنِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَن تَأَخَّرَ فَلَا إِثْمَ  
عَلَيْهِ ۚ لِمَن اتَّقَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّكُمْ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٠٣﴾

Maksudnya:

“Dan sebutlah kamu akan Allah (dengan takbir semasa mengerjakan haji) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya. Kemudian sesiapa yang segera (meninggalkan Mina) pada hari yang kedua, maka ia tidaklah berdosa, dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka ia juga tidaklah berdosa; (ketiadaan dosa itu ialah) bagi orang yang bertakwa. Dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah, dan ketahuilah, sesungguhnya kamu akan dihimpunkan kepada-Nya.”

10. Surah Ali ‘Imran: 96-97

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَالَمِينَ ﴿٩٦﴾ فِيهِ ءَايَاتٌ بَيِّنَاتٌ مِّمَّا قَامَ إِبْرَاهِيمَ ۖ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ ءَامِنًا ۗ وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ۚ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Rumah Ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah Baitullah yang di Mekah, yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia. Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya; di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim. Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia. Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.”

11. Surah al-Ma'idah: 2

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحِلُّوا شَعَائِرَ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْهَدْيَ وَلَا الْقَلَائِدَ وَلَا ءَامِينَ الْبَيْتِ الْحَرَامِ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًا ۚ وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَاصْطَادُوا ۚ وَلَا تَجْرِمَنكُمْ شَنَّانُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا ۚ وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۚ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ingat halal membuat sesuka hati mengenai syiar-syiar agama Allah, dan mengenai bulan-bulan yang dihormati, dan mengenai binatang-binatang yang dihadiahkan (ke Mekah untuk korban), dan mengenai kalong-kalong binatang hadiah itu, dan mengenai orang-orang yang menuju ke Baitullah al-Haram, yang bertujuan mencari limpah kurnia dari Tuhan mereka (dengan jalan perniagaan) dan mencari keredaan-Nya (dengan mengerjakan ibadah haji di Tanah Suci); dan apabila kamu telah selesai dari ihram maka bolehlah kamu berburu. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari Masjid Al-Haram itu – mendorong kamu menceroboh. Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).”

12. Surah Al-Ma'idah: 95

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقْتُلُوا الصَّيْدَ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ وَمَنْ قَتَلَهُ مِنْكُمْ مُتَعَمِّدًا فَجَزَاءٌ مِّثْلُ مَا قَتَلَ مِنَ النَّعْمِ تَحْكُمُ بِهِ ذَوَا عَدْلٍ مِّنْكُمْ هَدِيًّا بَلِغَ الْكَعْبَةِ أَوْ كَفَّرَهُ طَعَامٌ مَّسْكِينٍ أَوْ عَدْلٌ ذَٰلِكَ صِيَامًا لِّيَذُوقَ وَبَالَ أَمْرِهِ ۗ عَفَا اللَّهُ عَمَّا سَلَفَ ۚ وَمَنْ عَادَ فَيَنْتَقِمُ اللَّهُ مِنْهُ ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ ذُو انْتِقَامٍ ﴿٩٥﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu membunuh binatang-binatang buruan ketika kamu sedang berihram. Dan sesiapa di antara kamu yang membunuhnya dengan sengaja, maka dendanya (menggantinya) dengan binatang ternak yang sama dengan binatang buruan yang dibunuh itu, yang ditetapkan hukumnya oleh dua orang yang adil di antara kamu, sebagai hadiah yang disampaikan ke Kaabah (untuk disembelih dan dibahagikan kepada fakir miskin di Tanah Suci), atau bayaran kafarah, iaitu memberi makan orang-orang miskin, atau berpuasa sebanyak bilangan cupak yang diberikan kepada orang miskin; supaya dapat ia merasai kesan yang buruk dari perbuatannya. Allah maafkan apa yang telah lalu; dan sesiapa yang mengulangi (kesalahan itu) maka Allah akan menyeksanya; dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Berkuasa membalas dengan azab seksa.”

13. Surah al-Ma'idah: 97

﴿ جَعَلَ اللَّهُ الْكَعْبَةَ الْبَيْتَ الْحَرَامَ قِيَمًا لِلنَّاسِ وَالشَّهْرَ الْحَرَامَ وَالْهَدْيَ وَالْقَلْتَيْدَ ذَلِكَ لَتَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴾

Maksudnya:

“Allah menjadikan Kaabah, Rumah yang mulia itu, sebagai tempat tumpuan manusia (untuk menjalankan Ibadat dan hal-hal hidup), demikian juga bulan-bulan Yang mulia, dan binatang-binatang korban, dan kalong-kalong binatang korban itu. Yang demikian itu, supaya kamu ketahui Bahawa Sesungguhnya Allah mengetahui apa Yang ada di langit dan apa Yang ada di bumi, dan Bahawa Sesungguhnya Allah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

14. Surah al-Taubah: 19

﴿ أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهِدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴾

Maksudnya:

“Adakah kamu sifatkan hanya perbuatan memberi minum kepada orang-orang yang mengerjakan Haji, dan (hanya perbuatan) memakmurkan Masjid Al-Haram itu sama seperti orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta berjihad pada jalan Allah? Mereka (yang bersifat demikian) tidak sama di sisi Allah, dan Allah tidak memberikan hidayah petunjuk kepada kaum yang zalim.”

15. Surah al-Hajj: 25-37

﴿ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ الَّذِي جَعَلْنَاهُ لِلنَّاسِ سَوَاءً الْعِكِفُ فِيهِ وَالْبَادِ وَمَن يُرِدْ فِيهِ بِالْحَادِ بِظُلْمٍ نُّذِقْهُ مِن عَذَابِ الْعِمْرِ ﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya (amatlah zalim) orang-orang yang kafir serta menghalangi manusia dari jalan Allah (agama Islam), dan dari memasuki Masjid Al-Haram (Makkah) yang Kami jadikan dia tempat beribadat untuk seluruh umat manusia (yang beriman) – sama ada yang tinggal menetap di situ atau yang datang berziarah; dan sesiapa yang berazam melakukan di situ sebarang perbuatan

yang di larang dengan cara yang zalim, Kami akan merasakannya azab yang tidak terperi sakitnya.”

وَإِذْ بَوَّأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ أَنْ لَا تُشْرِكْ بِي شَيْئًا وَطَهِّرْ بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ  
وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya:

“Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami tentukan bagi Nabi Ibrahim tempat Kaabah (untuk membinanya, lalu Kami berfirman kepadanya): “Janganlah engkau sekutukan sesuatu pun dengan-Ku, dan bersihkanlah rumah-Ku (Kaabah ini) bagi orang-orang yang tawaf, dan orang-orang yang berdiri dan yang rukuk serta yang sujud (mengerjakan sembahyang).”

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿١٢٦﴾

Maksudnya:

“Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan)mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh.”

لِيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَهِيمَةِ  
الْأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِعُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ ﴿١٢٧﴾

Maksudnya:

“Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.”

ثُمَّ لِيَقْضُوا تَفَثَهُمْ وَلِيُوفُوا نُذُورَهُمْ وَلِيَطَّوَّفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ ﴿١٢٨﴾

Maksudnya:

“Kemudian hendaklah mereka membersihkan dirinya, dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazarnya, dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu.”

ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظِمَ حُرْمَتِ اللَّهِ فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ عِنْدَ رَبِّهِ ۗ وَأَحَلَّتْ لَكُمْ الْأَنْعَامَ إِلَّا مَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ ۖ فَاجْتَنِبُوا الرِّجْسَ مِنَ الْأَوْثَانِ وَاجْتَنِبُوا قَوْلَ الزُّورِ ﴿٢٤﴾

Maksudnya:

“Itulah yang wajib dipatuhi; dan sesiapa yang menghormati hukum-hukum Allah maka yang demikian menjadi kebaikan baginya di sisi Tuhannya. Dan dihalalkan bagi kamu binatang-binatang ternak, kecuali yang dibacakan kepada kamu (tentang haramnya), maka jauhilah kekotoran syirik yang disebabkan oleh penyembahan berhala, serta jauhilah perkataan yang dusta,”

حُنْفَاءَ لِلَّهِ غَيْرَ مُشْرِكِينَ بِهِ ۗ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَكَأَنَّمَا خَرَّ مِنَ السَّمَاءِ فَتَخَطَفَهُ الطَّيْرُ أَوْ تَهْوَىٰ بِهِ الرِّيحُ فِي مَكَانٍ سَحِيقٍ ﴿٢٥﴾

Maksudnya:

“(Amalkanlah perkara-perkara itu) dengan tulus ikhlas kepada Allah, serta tidak mempersekutukan sesuatu pun dengan-Nya; dan sesiapa yang mempersekutukan sesuatu yang lain dengan Allah maka seolah-olah dia jatuh dari langit lalu disambar oleh burung, atau dihamburkan oleh angin ke tempat yang jauh (yang membinasakan).”

ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظِمَ شَعْبِيرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ﴿٢٦﴾

Maksudnya:

“Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah maka (dia lah orang yang bertakwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat takwa hati orang mukmin.”

لَكُمْ فِيهَا مَنفَعٌ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ مَحْلَاهَا إِلَىٰ الْبَيْتِ الْعَتِيقِ ﴿٢٧﴾

Maksudnya:

“Kamu beroleh berbagai-bagai faedah dan kegunaan pada binatang ternak itu hingga ke suatu masa yang tertentu (bagi menyembelihnya); kemudian waktu menyembelihnya ketika sampai di tanah haram Baitullah yang tua sejarahnya itu.”

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ ۗ فَإِلَهُكُمْ  
إِلَهُ وَاحِدٌ فَلَهُ رَأْسِلُوا ۗ وَبَشِّرِ الْمُخْبِتِينَ ﴿٢١﴾

Maksudnya:

“Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaan-Nya kepada mereka; binatang-binatang ternak yang disembelih itu. Kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepada-Nya; dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat –”

الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَّتْ قُلُوبُهُمْ ۗ وَالصَّابِرِينَ عَلَىٰ مَا أَصَابَهُمْ ۗ وَالْمُقِيمِي الصَّلَاةِ ۗ وَمِمَّا  
رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya:

“Iaitu orang-orang yang apabila disebut nama Allah, gerun gementarlah hati mereka, dan orang-orang yang sabar (cekal hati) terhadap kesusahan yang menimpa mereka, dan orang-orang yang mendirikan sembahyang, serta orang-orang yang mendermakan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepadanya.”

وَالْبَدْنَ جَعَلْنَاهَا لَكُمْ مِّنْ شَعَائِرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ ۗ فَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صَوَافٍ ۗ فَإِذَا  
وَجِبَتْ جُنُوبُهَا فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِعُوا الْقَانِعَ ۗ وَالْمُعْتَرَّ ۗ كَذَٰلِكَ سَخَّرْنَاهَا لَكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَشْكُرُونَ ﴿٢٣﴾

Maksudnya:

“Dan Kami jadikan unta (yang dihadihkan kepada fakir miskin Mekah itu) sebahagian dari syiar agama Allah untuk kamu; pada menyembelih unta yang

tersebut ada kebaikan bagi kamu; oleh itu sebutlah nama Allah (semasa menyembelihnya) ketika ia berdiri di atas tiga kakinya; maka apabila ia tumbang (serta putus nyawanya), makanlah sebahagian daripadanya, dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang-orang yang tidak meminta dan yang meminta. Demikianlah Kami memudahkan dia untuk kamu (menguasainya dan menyembelihnya) supaya kamu bersyukur.”

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَآؤَهَا وَلَكِن يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنكُمْ كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا  
 اللَّهُ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُمْ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٧﴾

Maksudnya:

“Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari kamu. Demikianlah Dia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya.”

16. Surah al-Hajj: 67

لِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا هُمْ نَاسِكُوهُ فَلَا يُنْتزِعُ عَنْكَ فِي الْأَمْرِ ۚ وَادْعُ إِلَىٰ رَبِّكَ ۖ إِنَّكَ لَعَلىٰ  
 هُدًى مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٧﴾

Maksudnya:

“Bagi tiap-tiap umat, Kami adakan satu syariat yang tertentu untuk mereka ikuti dan jalankan, maka janganlah ahli-ahli syariat yang lain membantahmu dalam urusan syariatmu; dan serulah (wahai Muhammad) umat manusia kepada agama Tuhanmu, kerana sesungguhnya engkau adalah berada di atas jalan yang lurus.”

17. Surah al-An‘am: 162

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

Maksudnya:

“Katakanlah: “Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam”.”

18. Surah al-Anfal: 35

وَمَا كَانَ صَلَاتُهُمْ عِنْدَ الْبَيْتِ إِلَّا مُكَاءً وَتَصَدِيَةً فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya:

“Dan tiadalah sembahyang mereka di sisi Baitullah itu melainkan bersiul-siul dan bertepuk tangan. Oleh itu rasalah kamu (wahai orang kafir) akan azab seksa dengan sebab kekufuran kamu.”

19. Surah al-Naml: 91

إِنَّمَا أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ رَبَّ هَذِهِ الْبَلَدَةِ الَّذِي حَرَّمَهَا وَلَهُ كُلُّ شَيْءٍ وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٩١﴾

Maksudnya:

“(Katakanlah wahai Muhammad): “Aku hanyalah diperintahkan supaya menyembah Allah Tuhan negeri (Mekah) ini yang telah menjadikannya suci lagi dihormati dan yang menguasai segala-galanya; dan aku diperintahkan supaya tetap menjadi dari orang-orang Islam (yang menyerah diri bulat-bulat kepadanya),”

20. Surah al-Ankabut: 67

أَوْلَمْ يَرَوْا أَنَّا جَعَلْنَا حَرَمًا ءَامِنًا وَيَتَخَطَّفُ النَّاسُ مِنْ حَوْلِهِمْ أَفَبِالْبَاطِلِ يُؤْمِنُونَ وَبِنِعْمَةِ اللَّهِ يَكْفُرُونَ ﴿٦٧﴾

Maksudnya:

“Dan tidakkah mereka melihat dan memerhatikan bahawa Kami telah menjadikan (Mekah, negeri mereka) tanah suci yang dihormati, lagi aman; sedang orang-orang ramai yang tinggal (dalam daerah-daerah) di sekeliling mereka sentiasa diculik (untuk ditawan atau dibunuh)? Oleh itu, patutkah mereka percaya kepada perkara yang salah, dan kufur ingkar akan nikmat-nikmat Allah?”

21. Surah al-Kauthar: 1-2

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَحْزَرَ ﴿٢﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).”

## FASAL 2:

### Himpunan Hadis

1. Daripada Zaid ibn Thabit RA katanya:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ --صلى الله عليه وسلم الْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ فَرِيضَتَانِ لَا يَضُرُّكَ بِأَيِّهِمَا بَدَأْتَ .

Maksudnya:

“Mengerjakan haji dan umrah itu dua fardu cuma sekali sahaja dan bolehlah dikerjakan mana satu dahulu (sama ada haji ataupun umrah).”

(Riwayat Imam Muslim)

2. Daripada Abu Hurairah RA katanya:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ --صلى الله عليه وسلم : الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَقَارَةِ لِمَا بَيْنَهُمَا , وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ .

Maksudnya:

Rasulullah SAW bersabda: “Umrah kepada umrah menghapuskan dosa yang terdapat di antara keduanya, sedang haji mabrur itu tidak ada ganjarannya melainkan syurga”.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

3. Daripada Abu Hurairah RA katanya:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ --صلى الله عليه وسلم قَالَ: الْحَجَّاجُ وَالْعُمَّارُ وَقَدْ أَدَّاهُ اللَّهُ أَنْ دَعَوْهُ أَجَابَهُمْ وَإِنْ اسْتَعْفَرُوهُ عَفَّرَ لَهُمْ .

Maksudnya:

Bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: “Orang-orang yang datang mengerjakan haji dan umrah adalah tetamu Allah, maka jika mereka berdoa

kepada-Nya nescaya diperkenankan dan jika mereka meminta ampun kepada-Nya nescaya diampunkan bagi mereka itu.”

(Riwayat Ibnu Majah dan al-Baihaqi)

4. Daripada Ibnu ‘Abbas RA katanya:

قَالَ النَّبِيُّ -صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : عُمْرَةٌ فِي رَمَضَانَ تَعْدِلُ حِجَّةً .

Maksudnya:

Nabi SAW bersabda: “Umrah pada bulan Ramadan sama nilainya dengan satu kali haji (pahalanya).”

(Riwayat Ibnu Majah)

5. Daripada Aisyah RA katanya:

قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَا تُرَى الْجِهَادَ أَفْضَلَ الْعَمَلِ ، أَفَلَا نُجَاهِدُ ؟ قَالَ : لَكِنَّ أَفْضَلَ الْجِهَادِ : حَجٌّ مَبْرُورٌ .

Maksudnya:

“Aku bertanya kepada Rasulullah SAW: “Wahai Rasulullah, menurut anda jihad itu adalah amal yang paling utama, kalau begitu mengapa tidak kami berjihad?” Jawab baginda: “Akan tetapi jihad yang lebih utama ialah haji yang mabrur.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

6. Daripada ‘Ali KRW katanya:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ مَلَكَ زَادًا وَرَاحِلَةً نُبِّلَعُهُ إِلَى بَيْتِ اللَّهِ وَلَمْ يَحِجَّ فَلَا عَلَيْهِ أَنْ يَمُوتَ يَهُودِيًّا أَوْ نَصْرَانِيًّا ، وَذَلِكَ أَنَّ اللَّهَ يَقُولُ فِي كِتَابِهِ ( وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنْ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ) .

Maksudnya:

“Sabda Rasulullah SAW: Barang siapa yang mempunyai bekalan dan kenderaan yang boleh menyampaikannya ke Baitullah, tetapi ia tidak menunaikan haji (hingga ia mati dengan tidak ada keuzuran baginya) maka tidak ada halangan baginya mati sebagai Yahudi atau Nasrani (dari segi seksanya) kerana Allah telah berfirman dalam kitab-Nya yang bermaksud “Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji. (Dengan) mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya”.

(Riwayat Tirmizi dan Baihaqi)

7. Daripada Abdullah ibn Mas'ud RA katanya:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ --صلى الله عليه وسلم : تَأْبَعُوا بَيْنَ الْحَجِّ وَالْعُمْرَةِ , فَإِنَّهُمَا يَنْفِيَانِ الْفَقْرَ وَالذُّنُوبَ , كَمَا يَنْفِي الْكَبِيرُ خَبَثَ الْحَدِيدِ وَالذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَلَيْسَ لِلْحَجَّةِ الْمَبْرُورِ ثَوَابٌ إِلَّا الْجَنَّةُ.

Maksudnya:

*“Rasulullah SAW bersabda: “Hendaklah kamu melakukan haji dan umrah itu secara beriringan kerana keduanya akan melenyapkan kemiskinan dan dosa, tidak ubahnya seperti kipas angin menerbangkan tahi-tahi besi, emas dan perak. Dan tiadalah ganjaran bagi mabrur itu melainkan syurga”.*”

(Riwayat al-Nasa'i dan Tirmizi)

8. Daripada Abu Hurairah RA katanya:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ --صلى الله عليه وسلم : جِهَادُ الْكَبِيرِ وَالضَّعِيفِ وَالْمَرْأَةِ الْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ .

Maksudnya:

*“Rasulullah SAW bersabda: Jihad orang yang telah tua, orang yang lemah dan wanita ialah menunaikan haji dan umrah.”*

(Riwayat al-Nasa'i)

9. Daripada Buraidah RA katanya:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ --صلى الله عليه وسلم النَّفَقَةُ فِي الْحَجِّ كَالنَّفَقَةِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَسْبَعِمِائَةَ ضِعْفٍ.

Maksudnya:

*Rasulullah SAW bersabda :“Nafkah atau wang yang dibelanjakan untuk haji itu samalah seperti perbelanjaan untuk Sabilillah (perang jalan Allah), dibalas dengan pahala tujuh ratus kali ganda”.*

(Riwayat Ibnu Abi Syaibah, Ahmad dan Tabrani)

## FASAL 3:

### Himpunan Fatwa

#### 1. Hukum Memakai *Mask* (Penutup Mulut dan Hidung) bagi Jemaah Haji dalam Ihram dan Umrah

##### Keputusan:

Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa mencegah penularan wabak yang boleh membahayakan nyawa dan kesihatan semasa menunaikan ibadah haji atau umrah amat dituntut oleh Islam. Oleh itu, dalam keadaan di mana sesuatu penyakit itu telah menjadi wabak, Islam memberi pengecualian dan kelonggaran kepada para jemaah untuk menutup sebahagian muka walaupun ia merupakan perkara yang dilarang semasa menunaikan ibadah haji atau umrah.

Oleh yang demikian, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa jemaah haji dan umrah ketika di dalam ihram diharuskan menutup sebahagian muka dengan memakai *mask* (penutup mulut dan hidung) serta tidak perlu membayar dam.

##### Ulasan/Hujah:

- i. Dalam keadaan tertentu, perkara-perkara yang ditegah boleh diharuskan apabila ia benar-benar akan menjejaskan *maqasid syariah* jika dibiarkan iaitu melalui pertimbangan dharurat. Ia termasuklah menjejaskan agama, diri, akal, nasab dan harta. Walau bagaimanapun pertimbangan yang amat teliti perlu dibuat sebelum ia diharuskan.
- ii. Dalam keadaan dharurat di mana suatu penyakit telah menjadi wabak yang mengancam nyawa seperti H1N1, tindakan pencegahan yang diambil bagi melindungi nyawa adalah dibenarkan oleh Islam dan tidak dikenakan dam (denda) walaupun ia merupakan perkara yang dilarang dalam keadaan biasa selaras dengan kaedah *fiqhiyyah*:

"درء المفسد مقدم على جلب المصالح"

- iii. Penularan wabak ini tidak dapat tidak perlu ada usaha untuk mencegah supaya diri terus terpelihara dan sihat serta dapat menjalankan ibadah haji dengan sempurna. Di dalam kaedah *fiqhiyyah*:

"الحاجة تنزل منزلة الضرورة"

iaitu hajat menepati dharurat. Maksud hajat ialah jika tidak disempurnakan nescaya melibatkan atau mendatangkan kesukaran atau kesusahan.

- iv. Seseorang lelaki yang berihram dilarang daripada menutup semua bahagian kepalanya atau sebahagiannya dengan apa sahaja yang boleh dikira sebagai menutupnya, sama ada pakaian berjahit atau pun tidak. Semua larangan ini dikecualikan jika terdapat keperluan yang memaksa seperti untuk tujuan pengubatan dan rawatan.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-89  
Tarikh :14 hingga 16 Disember 2009

## **2. Hukum Menunaikan Haji Bagi Pesakit Yang Menjalani Rawatan Hemodialisis**

### **Keputusan :**

- i. Pesakit yang menghidap penyakit kronik yang tidak ada harapan sembuh seperti pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis dan seumpamanya tidak wajib menunaikan ibadah haji;
- ii. Pesakit kronik adalah wajib melaksanakan badal haji sekiranya berkemampuan daripada sudut kewangan; dan
- iii. Sekiranya telah sembuh daripada sakit kronik, individu tersebut wajib menunaikan ibadah haji jika berkemampuan.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-84  
Tarikh :15 Disember 2008

## **3. Hukum Memegang Al-Quran Tanpa Wuduk Ketika Jemaah Haji Menerima Hadiah Al-Quran Daripada Muassasah Asia Tenggara Ketika Hendak Berangkat Pulang Dari Lapangan Terbang King Abdul Aziz, Mekah Ke Kuala Lumpur**

### **Keputusan:**

- i. Hukum asal menyentuh al-Quran dalam keadaan berhadass adalah tidak harus; dan
- ii. Harus menyentuh al-Quran tanpa wuduk ketika pihak kerajaan Arab Saudi memberi naskhah al-Quran sebagai hadiah kepada jemaah haji kerana situasi tersebut dianggap darurat.

Sumber : Mesyuarat Panel Kajian Syariah JAKIM kali ke-59  
Tarikh : 4-6 Julai 2007

#### 4. Hukum Skim Pinjaman Wang Daripada Koperasi Dan Seumpamanya Untuk Menunaikan Fardhu Haji Atau Umrah

##### Keputusan:

- i. Adalah harus seseorang berhutang untuk menunaikan haji atau umrah sekiranya diyakini mampu membayar balik hutang tersebut dan ia tidak menjejaskan kehidupan normalnya; dan
- ii. Skim pinjaman tersebut hendaklah diuruskan melalui badan atau koperasi yang mementingkan prinsip ikhlas, *ta'awun*, adil dan telus dalam operasinya di samping bebas dari unsur-unsur riba.

##### Ulasan/Hujah:

Muzakarah mengambil maklum akan pembentangan kertas yang disampaikan oleh Tuan Haji Anan bin C. Mohd, Pengarah Bahagian Penyelidikan JAKIM. Sesalinan kertas telah diedarkan kepada semua ahli.

Muzakarah mengambil perhatian akan keterangan bahawa:

- i. Koperasi Belia Islam (KBI) melancarkan Skim Simpanan *Tahayyuz* Haji, Umrah dan Ziarah. Skim ini yang berbentuk tabungan dan pelaburan akan memberi peluang kepada ahli-ahlinya untuk menunaikan fardu haji, umrah dan ziarah apabila tiba gilirannya walaupun wang simpanan belum mencukupi. Ia dibuat berdasarkan prinsip *ta'awun* sesama ahli, keadilan, perlindungan simpanan dan keuntungan simpanan.
- ii. Sementara Koperasi Muslimin Malaysia Berhad telah meluluskan skim Pembiayaan *al-Bai' Bithaman al-Ajil* yang mana antara skim yang ditawarkan ialah pembiayaan untuk pakej Umrah dan Ziarah sahaja (tiada Pakej Haji).
- iii. Dalam membincangkan syarat kemampuan ini para fuqaha telah sepakat menyatakan bahawa kemampuan yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah kemampuan dari segi fizikal, kewangan dan keamanan, tetapi mereka berselisih pendapat dalam memperincikan apakah bentuk kemampuan-kemampuan tersebut. Antara yang dibahaskan ialah soal kemampuan dari segi kewangan di mana individu yang ingin menunaikan haji itu mestilah melebihi paras keperluan asasi bagi dirinya dan keluarganya sepanjang masa pemergiannya ke Baitullah tersebut, selain itu dia hendaklah menjelaskan segala hutang piutang yang masih tertanggung kerana hutang merupakan salah satu hak yang mesti ditunaikan.
- iv. Fuqaha Malikiah mengatakan "tidak wajib haji dengan cara berhutang sekalipun dengan bapanya sendiri sekiranya dibimbangi tidak mampu membayar balik pinjaman tersebut"

- v. Fuqaha Syafiiyah pula menyatakan “Disyaratkan bagi orang yang mengerjakan haji itu pembiayaan untuk bekalan dan kenderaannya hendaklah daripada lebih pendapatannya selepas ditolak segala hutangnya yang perlu dibayar dengan segera atau secara tangguh, sama ada hutang yang bersangkutan dengan hak manusia atau Allah SWT”
- vi. Fuqaha Hanabilah pula berpandangan seperti fuqaha Syafiiyah dalam hal ini kerana penunaian hutang adalah keperluan asasi dan bersangkutan pula dengan hak-hak manusia yang mesti ditunaikan.
- vii. Imam al-Mawardi ketika membincangkan syarat kemampuan ini telah membahagikannya kepada dua belas jenis dan salah satunya ialah seseorang itu berkemampuan dari segi harta dan fizikalnya, tetapi dia mempunyai hutang yang belum dilangsaikan, maka hukumnya tertakluk kepada dua keadaan:
  - a. Hutang yang perlu dibayar segera. Dalam keadaan ini haji tidak wajib ke atas individu itu kerana dia dianggap tidak berkemampuan.
  - b. Hutang yang tidak perlu dibayar segera (boleh ditangguhkan). Sekiranya hutang itu perlu dibayar sebelum hari wukuf di Arafah maka tidak wajib haji, tetapi sekiranya ia perlu dibayar pada hari wukuf di Arafah maka terdapat dua pandangan;
    - Tidak wajib haji kerana tidak berkemampuan.
    - Wajib haji kerana hutang secara bertangguh tidak perlu dibayar sebelum sampai masanya.
- viii. Ahli majlis Fatwa al-Lajnah al-Daimah li al-Buhuth wa al-Ifta yang berpusat di Riyadh, Arab Saudi ketika ditanya tentang haji orang berhutang menyatakan harus orang yang berhutang itu mengerjakan haji jika dia yakin mampu membayar balik pinjaman dan pemergiannya menunaikan haji tidak menghalangnya menunaikan hutang atau orang yang berhutang menunaikan haji dengan izin orang yang memberi hutang. Sekiranya tidak yakin dapat membayar balik atau tidak diizinkan maka tidak harus baginya mengerjakan haji. Sekiranya dikerjakan juga maka hajinya dari segi hukum adalah sah.

Sumber :Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-69  
 Tarikh :13-15 Jun 2005

## 5. Hukum Bermabit Di Mina Bagi Jemaah Haji Yang Tidak Diperuntukkan Tempat Di Mina

### Keputusan:

Jemaah haji yang tidak diperuntukkan tempat untuk bermabit di Mina adalah digugurkan daripada melaksanakan kewajipan berkenaan dan tidak dikenakan apa-apa dam, ibadat haji mereka adalah sah dan tidak berdosa kerana mereka adalah termasuk golongan **المعذورين** sama seperti **سقاية العباس** yang diberikan rukhsah oleh Nabi SAW untuk tidak bermabit di Mina.

### Ulasan/Hujah:

Seterusnya Muzakarah mengambil perhatian terhadap beberapa pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Muzakarah seperti berikut:

- i. Asasnya hukum yang dibincangkan telah nyata jelas bahawa jemaah yang tidak bermabit di Mina adalah termasuk dalam golongan **سقاية العباس** sama seperti **المعذورين** Sesungguhnya kaedah pengisbahan hukum adalah berdasarkan *qias* yang *jaliy* yang mana martabatnya menyamai taraf nas;
- ii. Isu hukum tidak bermabit di Mina bukanlah sesuatu perkara baru yang perlu ditimbulkan kerana ia akan mengelirukan para jemaah haji yang secara langsung melemahkan semangat mereka untuk menunaikan ibadat haji dengan sempurna. Justeru perlulah diperjelaskan bahawa terdapat di dalam mazhab lain yang menyatakan hukum bermabit di Mina adalah perkara sunat sahaja;
- iii. Keuzuran tidak dapat bermabit di Mina merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan terpaksa di tanggung oleh jemaah haji. Maka hukum bermabit digugurkan atas wujudnya masalah dan *masyaqqah* untuk bermabit di Mina. Perkara ini samalah hukum yang diterima pakai sekarang seperti hukum dibolehkan wanita yang didatangi haid melakukan tawaf dan juga hukum tidak membatalkan wudhu akibat bersentuhan antara jemaah yang bukan mahram ketika melakukan tawaf atau melontar *jamarat*;
- iv. Pegangan kepada mazhab Syafie perlu dikekalkan dengan mengambil kira pendapat kedua yang mengatakan bahawa bermabit di Mina adalah sunat. Pendapat ini menyatakan sesiapa yang meninggalkan bermabit di Mina hanya sunat mengeluarkan dam. Sehubungan dengan itu adalah wajar jemaah haji mengeluarkan dam kerana inginkan kesempurnaan mengerjakan ibadat haji;

- v. Penentuan seseorang jemaah termasuk di dalam 10,000 orang jemaah yang tidak bermabit di Mina adalah tidak wajar ditetapkan selagi jemaah tersebut belum sampai ke Arab Saudi. Maka jemaah berkenaan bukanlah tergolong **من المعذورين** iaitu tidak berlaku keuzuran kerana masih berada Malaysia lagi. Ini supaya mengelakkan tanggapan bahawa jemaah berkenaan sengaja diuzurkan atas sebab keuzuran yang tidak dapat dielakkan; dan
- vi. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan perlu menentukan sama ada jemaah haji perlu membayar dam atau sebaliknya. Ini akan dapat meringankan kekusaran jemaah haji yang termasuk dalam 10,000 orang jemaah tidak bermabit di Mina.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-66  
Tarikh : 25 November 2004

## **6. Hukum Penyenaiaan Anak Syarikat Tabung Haji (TH) Dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL)**

### **Keputusan:**

Pembelian saham terbitan awam Tabung Haji oleh individu bukan Islam serta syarikat-syarikat yang bercampur harta halal dengan haram adalah dibolehkan memandangkan kepada suasana zaman sekarang yang memang sukar untuk mengelak dari berurusan dengan orang bukan Islam serta menentukan sumber harta yang mereka perolehi dan gunakan.

### **Ulasan/Hujah:**

- a. Kertas “Hukum Penyenaiaan Anak Syarikat Tabung Haji (TH) Dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL)” telah disampaikan oleh Tuan Haji Wan Mohamad bin Haji Abd. Aziz, Pengarah Bahagian Penyelidikan JAKIM. Muzakarah mengambil perhatian akan kenyataan bahawa:
  - i. Isu ini timbul hasil daripada cadangan memorandum yang dikemukakan oleh pihak Tabung Haji (TH) dalam perbincangannya dengan Bahagian Penyelidikan di bawah tajuk “ Isu pembabitan pelabur bukan Islam sebagai pemegang saham dalam anak syarikat Tabung Hai (TH)”.
  - ii. Cadangan Penyenaiaan syarikat perladangan TH di BSKL perlulah selaras dengan peraturan Suruhanjaya Sekuriti di mana melibatkan tawaran penjualan terhad 25% kepentingan TH dalam Tabung Haji Plantation (THP) kepada pihak awam termasuk para pendeposit TH, Institusi Islam serta anggotanya.

- iii. Berikutan cadangan penyenaian syarikat THP di BSKL, ia akan membuka ruang kepada pemilikan saham oleh kalangan individu bukan Islam atau syarikat-syarikat yang berstatus tidak halal apabila terdapat dagangan di pasaran saham BSKL.
- iv. Isu ini telah mendapat perhatian Jemaah Lembaga Pengarah TH dalam mesyuaratnya Bil. 1/2003 pada 29 Januari 2003 di mana terdapat kemusykilan dari segi risiko yang perlu ditanggung oleh TH apabila ia membuka sahamnya kepada awam selepas penyenaian dibuat. Di samping itu juga timbul persoalan sama ada wujud percanggahan dari segi hukum syara' sekiranya saham-saham yang didagangkan itu dipegang oleh individu bukan Islam atau pelabur-pelabur dari syarikat-syarikat yang mempunyai aktiviti yang bercanggah dengan syara'.
- v. Terdapat tiga isu utama yang dibangkitkan oleh TH dalam latar belakang berkaitan cadangan penyenaian anak syarikat TH dalam BSKL, iaitu;
  - a. Implikasi hukum sekiranya melibatkan pembelian saham anak syarikat TH oleh orang bukan Islam.
  - b. Implikasi hukum sekiranya melibatkan pembelian saham anak syarikat TH oleh syarikat-syarikat yang diketahui terlibat dengan aktiviti haram.
  - c. Adakah 25% peratus saham terbitan awam sekiranya dibeli oleh syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti haram akan menyebabkan saham anak syarikat TH tersebut tidak dikategorikan sebagai "halal" oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC).
- vi. Jual beli dalam Islam tidak berlaku khusus antara orang Islam sahaja, malah harus bagi orang Islam bermuamalah dengan orang bukan Islam dalam urusan perniagaan. Ini dibuktikan melalui *athar* daripada sirah Nabi SAW iaitu telah sabit bahawa baginda pernah membeli barangan daripada orang Yahudi dan juga baginda SAW pernah mengambil daripada orang Yahudi 30 Wisk (وسق) barli dan menggadaikan baju besinya sebagai bayaran.
- vii. Dari sudut pembelian saham daripada harta yang haram sebenarnya telah jelas bahawa pihak penjual pada asalnya tidak wajib menyoal sumber kewangan pembeli kecuali terdapat *qarinah* yang nyata yang menunjukkan harta itu diperolehi melalui sumber haram. Ini berdasarkan firman Allah SWT;

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَسْأَلُوا عَنْ أَشْيَاءَ إِن تُبَدَّ لَكُمْ تَسْؤُكُمْ

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu bertanya (kepada nabi) perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu.*

Surah al-Ma'idah ayat 101

Oleh itu, jika diketahui harta itu benar-benar daripada harta yang haram maka ulama menurut pendapat yang sahih mengatakan tidak boleh bermuamalah dengan orang tersebut kerana dianggap mendorong kepada kemungkaran.

Manakala pendapat kedua menyatakan harus bermuamalah dengan orang yang memperoleh sumber haram kerana yang diambil kira ialah aqad urus niaga itu diasaskan kepada perkara halal. Dosa perolehan harta tersebut tidak boleh dikaitkan dengan muamalah tersebut tetapi ia kembali kepada pengusahanya yang asal.

- viii. Berdasarkan realiti semasa adalah didapati pendapat yang mengatakan harus bermuamalah dengan orang yang memperoleh harta dari sumber yang haram lebih sesuai dipraktikkan untuk zaman sekarang. Ini memandangkan suasana yang sememangnya sukar untuk mengelak daripada berurusan dengan orang bukan Islam serta sumber yang mereka gunakan untuk berniaga. Ini berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud RA;

مَا رَأَى الْمُسْلِمُونَ حَسَنًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ حَسَنٌ

Maksudnya:

*"Apa-apa yang dipandang (difikirkan) oleh umat Islam baik maka ia di sisi Allah adalah baik".*

Riwayat Imam Ahmad

- ix. Sementara mengenai harta yang bercampur antara yang halal dan haram Imam Ghazali berpendapat, sekiranya bercampur harta halal dengan haram dalam jumlah yang tidak dapat dibezakan antara kedua-duanya seperti harta-harta yang terdapat pada zaman ini maka tidak haram kita menggunakannya selama mana ia tidak disertai tanda-tanda yang jelas menunjukkan harta itu diperolehi daripada sumber haram, dalilnya;
- a. Di kalangan ahli *Zimmah*, hasil daripada perniagaan *khamar* dan *riba* adalah bercampur dengan duit hasil-hasil lain, begitu juga para sahabat Nabi SAW sempat hidup pada zaman pemerintah-pemerintah yang zalim tetapi mereka tidak menahan diri daripada berbelanja dan

berurus niaga di pasar-pasar walaupun keadaan harta pada itu adalah bercampur antara yang halal dan haram.

- b. Sekiranya diharamkan berbelanja dalam keadaan tersebut maka akan tertutup semua pintu pendapatan dan akan menimbulkan huru-hara, kerana kefasadan lebih banyak di kalangan manusia, oleh itu mereka mempermudah-mudahkan syarat-syarat *aqad* yang seterusnya membawa kepada percampuran antara halal dan haram.
- x. Sementara itu dalam himpunan fatwa Mufti Negeri Kelantan menyatakan “sah dan boleh menjual sebarang apa jua pun kepada orang kafir kecuali al-Quran (termasuk barang yang bertulis ayat al-Quran) dan hamba Muslim.”
- xi. Suruhanjaya Sekuriti melalui Majlis Penasihat Syariahnya (MPS) dalam mesyuarat ke-2 pada 21 Ogos 1996 telah membincangkan status syarikat yang bercampur aktiviti halal dengan haram dan memutuskan bahawa syarikat bercampur yang elemen haramnya sedikit dan tidak melebihi ukur rujuk yang telah ditetapkan oleh MPS, boleh dimasukkan dalam senarai sekuriti yang diluluskan oleh MPS. MPS juga telah memutuskan bahawa perkara *umum balwa* dan *qharar yasir* perlu diambil kira dalam membuat justifikasi terhadap syarikat bercampur yang aktiviti utamanya adalah halal. Manakala dalam mesyuarat ke-9 pada 27 Ogos 1997, satu ukur rujuk berhubung faktor imej syarikat telah diputuskan.
- b. Muzakarah mengambil maklum dan perhatian terhadap pandangan-pandangan dikemukakan oleh ahli antaranya:
  - i. Adakah 25% saham yang dibeli oleh orang perseorangan dari bukan Islam akan menyebabkan saham tersebut dihukumkan haram. Mungkin ada cara supaya pembelian saham oleh individu bukan Islam tidak dihukumkan haram.
  - ii. Terdapat pendapat ulama yang menyatakan boleh bermuamalah dengan orang yang mempunyai harta yang banyak walaupun hartanya tersebut diperolehi dari sumber yang haram.
  - iii. Hukum yang sesuai adalah diperlukan berdasarkan realiti semasa sekarang. Oleh itu adalah halal pembelian saham Tabung Haji oleh anak syarikat yang bercampur harta halal dengan haram walaupun elemen haram tersebut melebihi dari unsur halal. Ini berdasarkan pendapat Jamhur Ulama yang membolehkannya selagi ia tidak menimbulkan fitnah.

Pihak Tabung Haji perlulah mengambil inisiatif agar imejnya tidak terjejas serta tidak menimbulkan fitnah berikutan saham terbitan awamnya boleh dibeli oleh

orang bukan Islam serta syarikat-syarikat yang hartanya bercampur antara halal dengan haram.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-59  
Tarikh : 27 Ogos 2003

## 7. Cadangan Penentuan Aidiladha Berdasarkan Hari Wukuf

### Keputusan:

Muzakarah bersetuju membuat keputusan dengan menolak cadangan penentuan Aidiladha berdasarkan hari Wukuf dan mengekalkan kaedah penetapan Aidiladha di Malaysia adalah berdasarkan kepada kaedah rukyah anak bulan Zulhijjah berasaskan Sistem *Imkanul Rukyah* kerana kaedah rukyah anak bulan Zulhijjah lebih sesuai diamalkan di negara ini.

### Ulasan/Hujah:

- i. Kertas: Kertas Kerja Cadangan Penentuan Aidiladha Berdasarkan Hari Wukuf dibentangkan oleh Dato' Alim Setia Ustaz Ahmad bin Jusoh, Ahli Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis. Kertas kerja berkenaan telah diedarkan kepada semua ahli muzakarah.
- ii. Begitu pun persidangan ini telah mengambil perhatian akan pandangan-pandangan ahli seperti berikut:
  - a. Kewibawaan Jawatankuasa Fatwa akan dipertikaikan seolah tidak tetap pendirian kerana perubahan kembali semula kepada keputusan terdahulu. Ini kerana bermula tahun 1992 dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke-30 bertarikh 22 Ogos 1992 telah mengambil keputusan "Kaedah penetapan Aidiladha di Malaysia yang berdasarkan tarikh hari Wukuf di Arafah dipinda kepada kaedah rukyah anak bulan Zulhijjah kerana kaedah rukyah anak bulan Zulhijjah lebih sesuai diamalkan di negara ini"
  - b. Perbahasan dan penetapan Aidiladha telah pun dibincangkan beberapa siri iaitu;
    - i. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa bertarikh 21-22 April 1977.
    - ii. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa bertarikh 1-2 Julai 1985.
    - iii. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa bertarikh 29 Disember 1991.
    - iv. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa bertarikh 22 Ogos 1992.

Dan keputusan akhir menetapkan Hari Raya Aidiladha dirujuk kepada kaedah rukyah anak bulan Zulhijjah. Jika diubah semula dibimbangi berlaku kesulitan, kerumitan dan kekeliruan orang ramai untuk mematuhi.

- c. Sesungguhnya melihat anak bulan pada setiap Bulan Qamariah adalah ketentuan am dalam menentukan bulan-bulan Islam khususnya awal bulan Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah. Ia berdalilkan Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 189 ;

يسئلونك عن الأهلة قل هي موقيت للناس والحج

Kalimah *الأهلة* pada ayat di atas merupakan lafaz jama' daripada lafaz *mufradnya* iaitu kalimah *هلال* . Ini bererti setiap bulan bagi penetapan awal bulan mestilah berdasarkan bulan (*hila*) boleh dilihat dengan mata.

- d. Penetapan awal Ramadhan dan Syawal dengan menggunakan *rukyyah* dan hisab secara langsung mewujudkan penentuan pengiraan bagi bulan-bulan Hijrah seterusnya. Maka penentuan penetapan 10 Zulhijjah adalah sabit nampak anak bulan Zulhijjah atau ditakmilkan bulan Zulkaedah kepada 30 hari. Kaedah rukyyah dan hisab bagi bulan Zulhijjah sama seperti mana sabit nampak anak bulan dan hisab bagi Ramadhan dan Syawal.
- e. Hadis Ummu Salamah:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : اذا رأيتم هلال ذى الحجة , وأراد أحدكم أن يضحى , فليمسك عن شعره .  
(رواه الجماعة إلا البخارى)

Maksudnya:

“Apabila kamu melihat anak bulan Zulhijjah dan ada di kalangan kamu mahu berkorban maka hendaklah dia jangan membuang rambut dan kukunya (binatang yang hendak dikorbankan)”.

Dalil hadis di atas menunjukkan bahawa penentuan Aidiladha (10 Zulhijjah) adalah berdasarkan merukyyah *hila* Zulhijjah dan tidak ditentukan mengikut Wukuf di Arafah. Malahan hadis di atas juga memberikan panduan agar ketetapan 1 Zulhijjah atau 2 Zulhijjah ataupun 9 Zulhijjah iaitu Hari Wukuf adalah berdasarkan merukyyah anak bulan Zulhijjah.

- f. Sesungguhnya hadis-hadis Nabi SAW yang merujuk kepada Puasa Hari Arafah dan mensabitkan Hari Raya Aidiladha khas kepada Tanah Arab yang menunjukkan situasi dan tempat yang sama iaitu bagi orang-orang yang mengerjakan ibadah haji dan tidak diceritakan secara terperinci tentang kedudukan Hari Raya Aidiladha bagi seluruh alam.

- g. Puasa Hari Arafah adalah berpandukan hadis;

عن ابي قتادة أن النبي صلى الله عليه وسلم سئل عن صوم يوم عرفة فقال : يكفر السنة الماضية والباقية .

Maksudnya:

*“Daripada Abi Qatadah bahawa sesungguhnya Nabi SAW ditanya mengenai kelebihan puasa sunat pada Hari Arafah. Baginda menjawab; ia menghapuskan (dosa) pada dua tahun; pada tahun lepas dan tahun ini (yang ada).”*

Difahami dengan Hari Arafah bersamaan Hari Wukuf adalah merujuk kepada *Ilat Qasirah* (علة القاصرة) atau terhad untuk ahli Jazirah Arab dan negara-negara berjiran sahaja. Manakala *Ilat Muta'adiah* (علة المتعدية) pula berbentuk menyeluruh iaitu Hari Arafah ialah hari ke 9 Zulhijjah.

- h. Hadis dari Abu Hurairah;

عن ابي هريرة أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: الصوم يوم تصومون والفطر يوم تفطرون والاضحى يوم تضحون.

Maksudnya:

*“Daripada Abi Hurairah bahawasanya Nabi SAW bersabda; la bermula puasa pada hari puasa mereka itu dan berbuka pada hari berbuka mereka itu dan menyembelih pada hari menyembelih mereka itu.”*

Ibadat korban dilaksanakan pada hari Raya Aidiladha dan Hari-Hari Tasyrik (11,12 dan 13 Zulhijjah). Maka hadis di atas menzahirkan penentuan ibadat korban mestilah berdasarkan penentuan awal Zulhijjah (merukyah *hilal* Zulhijjah).

- i. Tidak mungkin untuk seluruh dunia berhari raya mengikut pengisytiharan Hari Wukuf di Arafah kerana adanya perbezaan waktu berasaskan perjalanan matahari dari timur ke barat. Dalam hal ini, Malaysia mendahului Negara Arab Saudi selama 5 jam.
- j. Hari Arafah merupakan masa pada hujjaj melakukan Wukuf di Arafah seperti mana sabda Rasulullah SAW;

## وعرفة يوم تعرفون

Maksudnya:

*“Dan hari Arafah itu ialah hari yang kamu melakukan Wukuf di Padang Arafah”.*

Jelasnya wukuf di Padang Arafah merupakan ibadat yang terikat dengan tempat iaitu Arafah hanya berlaku ke atas jemaah haji sahaja dan keadaan ini berbeza dengan kedudukan umat Islam di tempat lain termasuk Malaysia.

k. Rasulullah SAW bersabda:

"الحج عرفة"

رواه الترمذي ، أبو داود ، ابن ماجه و النسائي

Maksudnya:

*“Haji itu ialah berwukuf di Arafah.”*

Hadis di atas menerangkan bahawa Wukuf di Padang Arafah itu merupakan rukun haji. Maka ia jua tidak menunjukkan bahawa Aidiladha itu tertakluk dengan Wukuf di Arafah.

- l. Bagi negara Malaysia yang mengikut Mazhab Syafie yang menyatakan bahawa setiap tempat di dunia mempunyai *matla'* (مطلع) atau kawasan lingkungan sendiri di dalam penerimaan keputusan cerapan *hilal* yang dilaksanakan di sesuatu kawasan. Maka Malaysia mempunyai *matla'*nya sendiri dan tidak harus mengikut keputusan cerapan *hilal* yang dilaksanakan oleh Kerajaan Arab Saudi.
- m. Kesepakatan MABIMS (Pertemuan Menteri-menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura) bahawa Hari Raya Haji adalah berdasarkan rukyah anak bulan Zulhijjah.

Sumber : Persidangan Khas Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan  
MKI

Tarikh : 23 April 2002

**8. Mewujudkan Kompleks Latihan Ibadat Haji Bagi Bakal-Bakal Haji Negeri Melaka**

**Keputusan:**

Muzakarah setelah meneliti kertas yang di sediakan dan pandangan-pandangan ahli Muzakarah mengambil keputusan bersetuju seperti berikut:

- a. Kompleks Latihan Haji dengan mengadakan peralatan pasang siap adalah harus untuk tujuan latihan Jemaah Haji.
- b. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Malaysia akan memberi pandangan kepada Kerajaan Negeri Melaka berdasarkan kaedah *Fiqhiyyah*.

**Ulasan/Hujah:**

- i. Kerajaan Negeri Melaka telah bersetuju untuk membina Kompleks Latihan Haji di atas sebidang tanah seluas tiga (3) ekar dengan peruntukan belanja sebanyak \$4 juta.
- ii. Kompleks Latihan yang akan dibina itu mengandungi reka bentuk dan tempat-tempat seperti berikut:
  - a. Kaabah dan kawasan di sekelilingnya tempat tawaf termasuk *maqam* Ibrahim, telaga zamzam dan pagar di sekeliling sepuluh dinding Masjidil Haram.
  - b. Tempat sai di sebelah termasuk Bukit Safa dan Marwah juga dipagar tengah dan tingkat atas.
  - c. Arafah di Muzdalifah dan Mina termasuk tempat melontar jamrah Al-Ula, Al-Wusta' dan Al-Akabah.
  - d. Sebuah asrama dan kantin.
  - e. Sebuah bilik.
- iii. Objektif membina kompleks Latihan Haji ini adalah semata-mata untuk memberi latihan ibadat haji kepada bakal-bakal haji. Dengan adanya kompleks latihan ini, bakal-bakal haji akan dapat menunaikan ibadat haji mereka dengan lebih sempurna.
- iv. Jawatankuasa Syariah Negeri Melaka yang bersidang pada 18 dan 19 Ogos, 1992 berpendapat bahawa mengadakan kompleks latihan haji hukumnya

adalah harus bahkan menjadi fardu Kifayah mengikut kaedah fiqah seperti berikut:

a. ما لا يتم الواجب الا به فهو واجب

Maksudnya:

*“Sesuat perkara wajib yang tidak sempurna melainkan dengannya maka ia adalah wajib”.*

b. تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya:

*“Apa sahaja yang dilakukan oleh pemerintah terhadap rakyatnya bergantung pada masalah umum”.*

c. Sabda Rasulullah (SAW):

خذوا عني مناسككم

رواه امام احمد

Maksudnya:

*“Ambillah dariku cara-cara mengerjakan ibadat haji kamu”.*

v. Muzakarah juga mengambil perhatian dan ingatan di atas pandangan ahli seperti berikut:

- a. Pembinaan Kompleks Latihan Haji seperti yang dicadangkan itu boleh menimbulkan kekeliruan kerana Kompleks Latihan Haji bukan sahaja dijadikan tempat latihan tetapi juga akan menjadi tempat lawatan. Ibadat haji adalah satu syariah Islam, dengan yang demikian tidak harus dijadikan tempat pelancongan semua bangsa.
- b. Pembinaan Kompleks boleh dibuat dengan cara pasang siap dan digunakan semasa latihan sahaja.
- c. Pembinaan replika Kaabah di Masjid Negara disalahertikan kerana pemandu-pemandu pelancongan menerangkan bahawa replika tersebut adalah tempat penyembahan orang Islam ekoran daripada itu replika tersebut diruntuhkan. Oleh yang demikian Negeri Melaka harus mengambil iktibar daripada kejadian tersebut kerana perkara-perkara sedemikian tidak mustahil akan berlaku.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-30  
Tarikh : 22 Ogos 1992

**9. Masalah Akaun Simpanan Yang Tidak Aktif Melebihi Tujuh Tahun Dalam Lembaga Urusan Dan Tabung Haji**

**Keputusan:**

Muzakarah bersetuju mengambil keputusan seperti berikut:

- a. Dari segi hukum syarak, Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak boleh menyerahkan wang daripada Akaun Tidak Aktif pendeposit-pendeposit Tabung Haji kepada Pendaftar Wang Tidak Di Tuntut. Fatwa ini adalah berdasarkan bahawa telah ada akad persetujuan di antara pendeposit dengan Lembaga Tabung Haji yang meletakkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji sebagai pemegang amanah untuk menjalankan urusan niaga wang simpanan pendeposit. Hak pendeposit ke atas wang simpanan itu masih kekal dan tidak putus walaupun akaun itu tidak aktif telah melebihi tujuh (7) tahun.
- b. Bagi memastikan perjalanan urusan niaga Tabung Haji berjalan licin dan selaras dengan kehendak syarak atau undang-undang yang sedia ada, maka Muzakarah menasihatkan Tabung Haji supaya:
  - i. Tabung Haji hendaklah mengadakan usaha yang bersungguh-sungguh dengan apa cara yang difikirkan sesuai menghubungi pendeposit yang akaunnya tidak aktif supaya dapat diberi peringatan untuk mengaktifkan akaun masing-masing serta hendaklah menjelaskan kepada pendeposit itu mengenai implikasi yang timbul akibat daripada akaun yang tidak aktif tersebut.
  - ii. Tabung Haji hendaklah menubuhkan sebuah Badan Penasihat atau Pengawas Syarak yang berfungsi mengawas kegiatan Tabung Haji supaya perjalanannya mengikut lunas-lunas syarak.
  - iii. Tabung Haji hendaklah mengadakan peruntukan-peruntukan tertentu di dalam Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 bagi membolehkan wang yang tidak di tuntutan boleh didermakan kepada Tabung Kebajikan Jemaah Haji ataupun Baitulmal.
- c. Peruntukan-peruntukan yang bercanggah dengan hukum syarak di dalam Akta Wang Tak Dituntut hendaklah dipinda sewajarnya supaya selaras dengan kehendak Islam.
- d. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-Negeri hendaklah mempunyai peruntukan yang membolehkan Baitulmal Negeri-Negeri menerima wang

atau harta yang tidak dituntut daripada mana-mana institusi kewangan Islam termasuk Tabung Haji.

#### **Ulasan/Hujah:**

1. Kertas kerja ini telah dibentangkan oleh Tuan Haji Nahar bin Haji Mohd Yusof, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Kuala Lumpur. Muzakarah mengambil maklum perkara-perkara berikut:
  - a. Mengikut perkara 5 Peraturan-peraturan Lembaga Urusan Dan Tabung Haji (Deposit dan Pengeluaran) 1975 seseorang pendeposit baru yang mahu menyemak di Tabung Haji akan membenarkan Tabung Haji menguruskan wang simpanannya dilabur dan diperniagakan mengikut peraturan dan undang-undang Tabung Haji melalui akad persetujuan yang dibuat secara bertulis. Akad tersebut berbunyi "*Saya bersetuju menyimpan wang haji dalam Tabung Haji yang dikelolakan dan diuruskan oleh Tabung Haji mengikut undang-undang dan peraturannya.*"
  - b. Berdasarkan kepada akad izin ini maka Tabung Haji bolehlah melabur dan memperniagakan wang simpanan pendeposit dan keuntungan akan dibayar kepada pendeposit dalam bentuk bonus yang kadarnya akan ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Tabung Haji tertakluk kepada kelulusan Perbendaharaan Malaysia.
  - c. Pada masa ini terdapat sejumlah 249,000 akaun penyimpan Tabung Haji yang aktif (dorman) beberapa tahun dan ada di antaranya melebihi 7 tahun. Jumlah wang daripada akaun yang tidak aktif ini ialah sebanyak RM25.88 juta. Di bawah Akta Wang tidak dituntut 1965, semua Syarikat atau Badan Berkanun yang diisytiharkan sebagai syarikat atau firma bagi maksud Akta Wang Tak Dituntut 1965, dikehendaki menyimpan dan menyelenggara daftar kesemua jenis wang tak dituntut, mengiklankannya ke dalam Warta Kerajaan dan melaporkannya kepada pendaftar Wang Tak Dituntut. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan Tabung Haji atau pegawai-pegawai yang bertanggungjawab membuat kesalahan di bawah seksyen 10(5) Akta tersebut dan boleh didenda mengikut seksyen tersebut.
  - d. Lembaga Pengarah Tabung Haji dalam mesyuarat pada 1 Ogos, 1990 telah menetapkan bahawa pendeposit-pendeposit yang belum naik haji tidak boleh ditakrif sebagai akaun dormant. Akaun-akaun mereka yang telah naik haji tetapi tidak dikendalikan oleh pendeposit, sama ada secara deposit atau pengambilan keluar, bagi tempoh tidak kurang dari 7 tahun, bolehlah dianggap sebagai akaun dormant.
2. Muzakarah mengambil ingatan kenyataan-kenyataan dan pandangan-pandangan seperti berikut:

- a. Berdasarkan kepada akad persetujuan yang telah dibuat antara pendeposit dengan Tabung Haji, maka Tabung Haji sebagai pemegang amanah tidak boleh menyerahkan wang simpanan pendeposit kepada mana-mana pihak tanpa persetujuan daripada pendeposit atau tanpa mengikut kehendak hukum syarak kerana para pendeposit masih berhak di atas wang tersebut. Sebagai pemegang amanah Tabung Haji mestilah menyerahkan semula apa jua bantuan amanah yang dipegangnya kepada pemiliknya. Sekiranya pemiliknya tidak dapat ditemui dan warisnya juga tidak dapat ditemui setelah berusaha yang semaksima dilakukan maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitulmal. Dalam Mazhab Syafie dan Hanafi, seseorang yang mati meninggalkan harta tanpa waris yang berhak ke atas harta pesaka itu maka harta itu hendaklah diserahkan kepada Baitulmal. Dalam hubungan ini Tabung Haji sebagai agensi yang menjalankan urusan di atas dasar hukum syarak tidak boleh akur dengan peruntukkan mana-mana undang-undang yang bercanggah dengan syarak termasuk Akta Wang Tak Dituntut.
- b. Tabung Haji sebagai pemegang amanah untuk menjalankan urusan niaga wang pendeposit sewajarnya melaksanakan amanah itu dengan penuh tanggungjawab dan tidak lalai sehingga melakukan satu kesalahan di bawah Akta Wang Tak Dituntut. Pihak Tabung Haji perlulah mengadakan usaha yang bersungguh-sungguh dengan apa cara yang difikirkan sesuai menghubungi pendeposit yang akaunnya tidak aktif supaya dapat memberi peringatan untuk mengaktifkan akaun masing-masing serta hendaklah menjelaskan kepada pendeposit itu mengenai implikasi yang timbul akibat daripada akaun yang tidak aktif tersebut. Bagi memastikan perjalanan urusan niaga Tabung Haji supaya berjalan di atas lunas-lunas yang dibenarkan oleh syarak dan peraturan-peraturan yang sedia ada, maka sebuah Badan Penasihat atau Pengawas Syarak perlu diwujudkan.
- c. Tabung Haji perlu memperuntukkan di dalam Akta Lembaga Urusan Dan Tabung Haji 1969 mengenai wang tak dituntut bagi membolehkan wang-wang yang tidak dituntut boleh didermakan kepada Tabung Kebajikan Jemaah Haji ataupun Baitulmal. Persetujuan dengan pendeposit mengenai perkara ini hendaklah diperolehi. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri pula perlulah ada peruntukan yang membolehkan Baitulmal di negeri-negeri menerima wang atau harta yang tidak dituntut dari mana-mana institusi kewangan Islam termasuk Tabung Haji.
- d. Peruntukan-peruntukan yang bercanggah dengan hukum syarak di dalam Akta Wang Tak Dituntut perlulah dipinda sewajarnya supaya selaras dengan kehendak Islam. Ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-27  
Tarikh : 3 Oktober 1990

## 10. Kedudukan Jemaah Haji Yang Hilang Berikutan Tragedi Terowong Al-Mu'assim Di Arab Saudi

### Keputusan:

- i. Kehilangan 19 orang jemaah haji Malaysia akibat tragedi terowong al-Mu'assim dianggap sebagai mati *mafqud*. Keterangan atau *bayyinah* bagi menyabitkan kematian itu ialah:
  - a. Telah habis usaha mencari mereka;
  - b. Tidak ada bukti atau sangkaan bahawa mereka masih hidup dan bersembunyi diri di mana-mana tempat di Arab Saudi atau keluar dari negara itu ke sebuah negara lain dan bersembunyi di sana; dan
  - c. Bahawa mereka itu bukan orang yang mencari peluang untuk melarikan diri dari negara ini.
- ii. Pihak yang berwajib mengenai urusan jemaah haji Malaysia iaitu Lembaga Urusan dan Tabung Haji hendaklah memohon kepada Mahkamah Tinggi secepat mungkin bagi mengisytiharkan 19 jemaah haji Malaysia yang hilang itu sebagai mati. Keputusan Mahkamah Tinggi itu bolehlah diterima pakai oleh Mahkamah Syariah di negeri-negeri yang berkenaan bagi menyelesaikan masalah yang bersangkutan dengan Undang-undang Keluarga Islam seperti idah isteri dan harta pusaka.

### Ulasan/Hujah:

Kertas kerja ini telah dibentangkan oleh Tuan Haji Dr. Azmi bin Haji Ahmad, Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Muzakarah telah mengambil maklum perkara-perkara berikut:

- i. Tragedi Terowong Al-Muasim di Mina telah berlaku pada pagi Hari Raya Idul Adha 1410 Hijrah bersamaan 2 Julai 1990. Tragedy itu telah mengakibatkan 1,426 orang meninggal dunia dari berbagai-bagai negara, kebanyakannya dari Turki, Indonesia dan Malaysia. Seramai 135 rakyat Malaysia telah disahkan terkorban manakala 19 orang lagi belum dapat disahkan. Pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah mengadakan usaha yang maksimum bagi mengesan mangsa-mangsa dari Malaysia yang terlibat dalam nahas tersebut. Usaha-usaha yang telah dilakukan adalah seperti berikut:
  - a. Membuat pemeriksaan di hospital-hospital di Arab Saudi.
  - b. Mengecamkan gambar-gambar yang dipamerkan di Pejabat Polis Mina melalui pengakuan waris dan membandingkan dengan gambar kad peribadi jemaah haji.

- c. Mengesan melalui cap jari yang diambil oleh pihak berkuasa Arab Saudi dan membandingkan dengan cap jari yang terdapat di kad peribadi jemaah haji.
  - d. Mendapatkan pengakuan waris atau jemaah haji lain yang menyaksikan tragedi berkenaan. Kegagalan untuk mengesahkan kematian 19 jemaah haji yang hilang adalah kerana pihak berkuasa Arab Saudi tidak mengambil cap jari sebilangan jemaah haji yang meninggal dunia dalam tragedi tersebut, di samping cap-cap jari yang telah diambil pula tidak jelas dan sukar untuk dikenal pasti.
- ii. Akta 152 Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan Khas 1975 Pindaan 1985) Seksyen (1) menyebut bahawa maklumat mengenai Kelahiran dan kematian seseorang rakyat Malaysia semasa mengerjakan haji boleh diberi:
- a. Kepada Pendaftar-pendaftar dalam masa 14 hari dari tarikh berlakunya kelahiran atau kematian.
  - b. Kepada Pendaftar Besar dalam 6 bulan dari tarikh berlakunya kelahiran dan kematian.
- iii. Orang-orang yang layak memberi maklumat tersebut adalah seperti dalam akta yang sama Seksyen 5(2) iaitu:
- a. Sesiapa yang ada semasa kematian.
  - b. Sesiapa yang mendiami atau tinggal serumah sekiranya tiada mengetahui kematian.
  - c. Sesiapa yang bertanggungjawab ke atas jenazah.
  - d. Sesiapa yang menyebabkan pengebumian jenazah.
  - e. Sesiapa yang mengetahui sendiri mengenai kematian.
- iv. Menurut Kitab *Fiqh As-Sunah* karangan Syed Sabiq, seorang yang terputus khabar beritanya, tidak diketahui sama ada hidup atau mati adalah dianggap sebagai *al-mafqud*. *Mafqud* boleh berlaku dalam dua keadaan, iaitu dalam suasana aman seperti keluar melancong, menuntut ilmu, mencari nafkah dan sebagainya dan dalam suasana tidak aman seperti peperangan, kekacauan, malapetaka atau seumpamanya. Daripada keterangan ini, kes jemaah haji yang tidak dapat dikesan akibat tragedi di Terowong al-Muasim boleh dikatakan sebagai *mafqud*.
- v. Bagi mensabitkan kematian orang *mafqud* ini, terdapat pendapat iaitu:

- a. Menurut Imam Ahmad, seseorang yang *mafqud* dalam keadaan tidak aman setelah diadakan penyiasatan yang cermat dan rapi oleh hakim maka bolehlah diisytiharkan sebagai mati setelah melebihi empat(4) tahun. Bagi *mafqud* dalam keadaan aman, tempoh untuk pengisytiharan mati adalah terserah kepada ijhtihad hakim.
- b. Menurut Imam Abu Hanifah, Abu Yusof, Imam Shafie dan Muhammad Al-Jasan, bahawa orang yang *mafqud* boleh diputuskan kematiannya oleh hakim apabila sudah dipastikan tidak ada seorang pun dari kawan sebayanya masih hidup.
- c. Imam Malek pula menyebutkan bahawa hakim boleh memutuskan orang-orang yang *mafqud* itu sebagai mati setelah empat (4) tahun. Pendapat beliau didasarkan kepada perkataan Saiyidina Umar RA yang mengatakan:

أَيُّمَا امْرَأَةٍ فَقَدَتْ زَوْجَهَا فَلَمْ تَدْرِ أَيْنَ هُوَ فَإِنَّهَا تَنْتَظِرُ أَرْبَعَ سِنِينَ ثُمَّ تَعْتَدُ  
أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا ثُمَّ تَحِلُّ .

Maksudnya:

*“Setiap perempuan yang ditinggal pergi oleh suaminya yang ia tidak mengetahui di mana suaminya, maka ia diminta menanti empat (4) tahun, kemudian setelah itu beridrah empat bulan sepuluh (10) hari, kemudian ia halal.”*

- d. Menurut pendapat Asy-Syafie, untuk mensabitkan seseorang yang *mafqud* itu sebagai mati mestilah ada keterangan atau *al-baiyinah*. Ini berdasarkan kepada *al-Fatawa al-Islamiah* dari Ifta’ Mesir tahun 1983 yang telah menukilkan pendapat Asy-Syafie yang seperti berikut:

"وفى جديد الشافعى أن المفقود هو الذي اندرس خبره واثره وغلب على  
الظن موته ولا يفسخ نكاحه حتى تقوم البينه بموته ورجع عن القول  
بتربصها اربع سنين ثم تعدد عدة الوفاة وتزوج ."

Maksudnya:

*“Mengikut Qaul Jadid Asy-Syafie, bahawa orang yang hilang itu ialah tiada berita dan kesannya dan pada perkiraan biasanya ia telah mati, dan tidak difasakhkan nikahnya sehinggalah jelas ada keterangan ia mati dan dirujukkan perkataan (faskhnya) itu dengan menunggu empat (4) tahun, kemudian dikira idah wafat dan barulah dia boleh kahwin.”*

Dalam kitab Al-Fiqh Al-Islami Wa-Adalatahu Juzu' 9 oleh Dr. Wahbah Az-Zahili pula menyebutkan:

"وقال الشافعية : من فقد او اسره وانقطع خبره ، لا يحكم بموته تقوم بينه ، او تمضى مدة يعلم او يغلب على الظن انه لا يعيش فوقها ، كما هو حال اقرانه ."

Maksudnya:

*"Kata pengikut-pengikut Syafie (As-Syafieah), sesiapa yang hilang atau ditawan dan tidak ada khabar berita, tidak dihukum sebagai mati sehinggalah ada keterangan yang menunjukkan kematiannya, atau berlalu satu masa yang diketahui atau kebiasaannya dianggap dia tidak hidup selepas itu."*

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-27  
Tarikh : 3 Oktober 1990

## 11. Implikasi Jemaah Haji Mengerjakan Haji Lebih Daripada Sekali

### Keputusan :

Muzakarah mengambil keputusan bersetuju menerima dan menyokong pendapat yang dikemukakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji iaitu prinsip hukum bahawa implikasi jemaah haji menunaikan haji lebih daripada sekali adalah berkeabajikan di dunia dan beroleh ganjaran yang besar di akhirat. Terserahlah kepada orang perseorangan setelah ia mendahulukan amalan-amalan yang wajib ke atasnya daripada mengerjakan amalan yang sunat itu.

### Ulasan/Hujah:

Muzakarah telah mengambil maklum di atas perkara-perkara seperti iaitu:

- a. Pengurusan menunaikan ibadat haji yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia mendapat pujian dan sanjungan daripada Kerajaan Arab Saudi.
- b. Sehingga kini belum ada permintaan rasmi daripada Kerajaan Arab Saudi supaya Malaysia mengurangkan penghantaran rakyatnya bagi mengerjakan Haji di Makkah.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-20  
Tarikh : 2 April 1988

## 12. Skim Perkhidmatan Haji Angkatan Tentera Malaysia

### Keputusan:

- a. Skim ini merupakan satu usaha yang baik bagi membantu anggota-anggota tentera untuk menunaikan fardu haji.
- b. Skim ini tidak bercanggah dengan Islam dengan syarat wang yang dikeluarkan bagi tujuan ini hendaklah daripada sumber pokok tabung berkenaan.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-18

Tarikh : 25 Februari 1987

## 13. Skim Insurans Bagi Jemaah Haji

### Keputusan:

Berdasarkan kepada pandangan yang tersebut, maka jawatankuasa bersetuju supaya Lembaga Urusan dan Tabung Haji membatalkan cadangan untuk mengambil skim insurans perlindungan seperti yang ditawarkan kepadanya oleh Syarikat KAF-Jardine Insurance Brokers Sdn. Bhd.

### Ulasan/Hujah:

Jawatankuasa mengambil ingatan di atas penjelasan bahawa:

- a. Syarikat KAF-Jardine Insurance Brokers Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang menjalankan urusan niaga insurans yang bertentangan dengan kehendak Islam. Amalan muamalat melibatkan riba'. Kontrak (akad) bagi urusan niaga insurans adalah tidak ketentuan (*gharar*). Konsep syarikat ini pula adalah lebih mencari keuntungan dari memberi pertolongan.
- b. Badan Perundingan Islam telah membentuk sebuah Jawatankuasa bagi mengkaji kemungkinan perkara mewujudkan syarikat insurans yang boleh diterima oleh Islam. Jawatankuasa ini telah pun selesai membuat kajiannya dan sedang menyiapkan laporan untuk dikemukakan kepada kerajaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun bersetuju pada dasarnya dengan konsep syarikat insurans cara Islam dan ada kemungkinan besar Kerajaan akan menerimanya. Jawatankuasa yang berkenaan itu telah juga menyediakan draf rang undang-undang bagi mewujudkan syarikat insurans Islam dan akan dikemukakan ke Parlimen sebaik-baik sahaja ia diterima Kerajaan.

- c. Jawatankuasa berpendapat Lembaga Urusan dan Tabung Haji sendiri berupaya dan berkemampuan untuk mengadakan skim perlindungan berfaedah bagi para jemaah haji dan ianya harus dijalankan sehingga wujudnya syarikat insurans Islam.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-7  
Tarikh : 11-12 April 1984

#### 14. Masalah Miqat Di Jeddah

##### **Keputusan:**

Miqat bagi orang-orang dari Malaysia yang berlayar dengan kapal ke Mekah ialah Yalamlam, tetapi jika ihram dari Jeddah wajib bayar dam.

##### **Ulasan/Hujah**

Tuan Mufti Perlis berpendapat bahawa orang-orang dari Malaysia yang pergi ke Haji dengan kapal laut ialah bertentangan dengan Yalamlam. Tuan Haji Muhammad bin Ahmad menyokong pendapat ini dan menambah bahawa Yalamlam tidak boleh diganti dengan Jeddah sebagai Miqat.

Tuan Syed Yusof Ali Zawawi berpendapat boleh dipakai pendapat Ibn Hajar yang mengatakan Miqatnya di Jeddah. Tuan Syed Yusof menerangkan bahawa pendapat ini boleh dipakai kerana Jeddah adalah *mahazi* (bertentangan dengan Yalamlam). Yalamlam adalah dua marhalah jauhnya dari Mekah.

Sumber : Persidangan Jawatankuasa Fatwa kali ke-4  
Tarikh : 8-9 September 1971

**BAB 4:**  
**SUMBER AM MENURUT AL-QURAN, HADIS DAN FATWA**

## **BAHAGIAN 1:**

### **PENGENALAN**

#### **DEFINISI SUMBER AM**

Sumber Am dalam konteks pengurusan Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah merujuk kepada harta-harta yang diterima dan diuruskan oleh Baitulmal selain daripada wakaf dan zakat. Antaranya lebih pusaka, pengurusan wasiat, hibah, sedekah, fidyah, kafarah, nazar, *luqatah*, harta tidak patuh syariah dan lain-lain.

#### **BAHAGIAN-BAHAGIAN SUMBER AM**

##### **1. PUSAKA**

###### **Definisi**

Menurut Jumhur Fuqaha, harta pusaka atau *al-tarikah* dalam Bahasa Arab dari segi istilah bermaksud apa yang ditinggalkan oleh seseorang selepas kematiannya daripada harta-harta dan juga hak-hak kehartaan atau bukan kehartaan. Harta pusaka peninggalan si mati akan menjadi hak milik dan diagih-agihkan di kalangan ahli-ahli warisnya yang berhak tanpa membezakan kecil atau besar. Al-Quran al-Karim telah menerangkan secara terperinci hukum hakam pewarisan dan keadaan setiap pewaris.

###### **Kedudukan Pusaka Dalam Islam**

Syariat Islam telah meletakkan sistem pewarisan sebagai satu sistem yang terbaik, sistematik dan adil. Agama Islam memperakui pemilikan harta oleh seseorang itu sama ada lelaki ataupun perempuan melalui hukum syarak sebagaimana ia juga memperakui pemindahan apa yang dimiliki oleh seseorang itu kepada warisnya selepas kematiannya. Islam mengambil berat sistem pewarisan kerana ia adalah merupakan sebab utama pemilikan harta-harta. Dalam masa yang sama, harta merupakan keperluan hidup kepada individu ataupun kumpulan di mana dengannya kehidupan mereka dapat sempurna.

##### **2. WASIAT**

###### **Definisi**

Dari segi bahasa, wasiat berasal daripada perkataan *wassa* yang bererti memerintahkan, menasihatkan, menjanjikan atau pemberian harta selepas mati. Dari segi istilah Syarak, wasiat ialah pemberian hak milik harta kepada seseorang selepas kematian pewasiat secara sukarela sama ada berbentuk *'ain* ataupun manfaat.

### **Kedudukan Wasiat Dalam Islam**

Telah berlaku kesepakatan ulama bahawa pada awalnya wasiat adalah wajib untuk dua ibu bapa dan kaum kerabat berdasarkan ayat 180, Surah al-Baqarah, iaitu bagi mereka yang mempunyai harta yang banyak. Tetapi selepas turunnya ayat mengenai pewarisan (ayat al-Mawarith), maka berlaku perselisihan dalam kalangan fuqaha tentang hukum wasiat. Pendapat jumhur fuqaha yang terdiri daripada Mazhab Empat berpendapat bahawa wasiat adalah sunat (mandub) dan digalakkan. Kewajipan berwasiat dalam Ayat 180, Surah al-Baqarah telah dinasakhkan dengan ayat al-Mawarith dan oleh hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah SWT telah memberi setiap orang yang mempunyai hak akan haknya maka tidak harus berwasiat kepada ahli waris.”* (Hadis riwayat Imam Tirmizi dan Abu Daud).

### **3. HIBAH**

#### **Definisi**

Hibah dari segi bahasa bermaksud pemberian sama ada dalam bentuk ain atau selainnya. Ia merangkumi hadiah dan sedekah. Dari segi istilah Syarak, hibah ialah akad yang mengandungi pemberian hak milik harta oleh seseorang kepada seseorang yang lain secara sukarela pada masa hidupnya tanpa meminta balasan (*iwadh*).

#### **Kedudukan Hibah Dalam Islam**

Dari segi hukum, hibah adalah suatu amalan yang sunat dan digalakkan dalam Islam terutamanya kepada kaum keluarga terdekat.

### **4. SEDEKAH**

#### **Definisi**

Sedekah atau disebut juga sebagai derma ialah sumbangan ikhlas daripada seseorang untuk diberikan kepada seseorang yang lain. Ia merupakan satu bentuk pemberian (hibah) yang paling banyak dilakukan oleh umat Islam. Sedekah merupakan satu cara menginfakkan harta pada jalan Allah SWT untuk perkara-perkara yang diredai-Nya.

#### **Kedudukan Sedekah Dalam Islam**

Sedekah sangat digalakkan dalam Islam sehingga Allah SWT menjanjikan ganjaran pahala sehingga 700 kali ganda atau lebih kepada orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat 261 Surah al-Baqarah.

## 5. FIDYAH

### Definisi

Fidyah adalah perkataan dalam Bahasa Arab yang berasal dari kata akar *fada* yang membawa maksud menebus. Dari segi istilah Syarak, fidyah ialah sesuatu yang digunakan untuk menebus diri, baik merupakan harta atau lainnya yang dilakukan kerana kekurangan dalam salah satu amal ibadah.

### Kedudukan Fidyah Dalam Islam

Fidyah adalah satu bentuk ibadah *niyabah* (gantian) yang diberi pahala kepada pelakunya. Hukum menyempurnakan ibadah yang tidak sempurna adalah wajib dan justeru, hukum fidyah adalah wajib ke atas mereka yang ditentukan oleh Syarak.

Fidyah adalah peluang yang diberi oleh Syarak terhadap seseorang untuk menyempurnakan amalan ibadahnya. Meninggalkan fidyah akan menyebabkan ibadah seseorang yang rosak itu kekal rosak dan menyebabkannya kekal dalam dosa sehinggalah dia menunaikannya.

## 6. KAFARAH

### Definisi

Perkataan kafarah dari segi bahasa diambil daripada kata akar *kaffara* yang bermaksud menutup. Dari segi istilah Syarak, kafarah ialah menunaikan kewajipan berbentuk harta atau tubuh badan disebabkan meninggalkan sesuatu tanggungjawab atau kewajipan hukum syarak.

### Kedudukan Kafarah Dalam Islam

Kafarah adalah satu bentuk hukuman yang ditentukan oleh Allah SWT terhadap mereka yang melakukan sesuatu kesalahan tertentu sama ada yang dilarang secara mutlak oleh Allah SWT atau melanggar sesuatu kewajipan yang dibuat dengan pilihan sendiri. Semua bentuk kesalahan yang melibatkan kafarah wajib ditunaikan mengikut ketetapan bagi setiap kesalahan. Tidak ada ruang untuk tidak melakukannya kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja iaitu tidak mampu secara mutlak mengikut sesetengah fuqaha.

Kafarah setelah melakukan persetubuhan dalam bulan Ramadan adalah wajib. Begitu juga kafarah kerana melanggar sumpah, tidak menyempurnakan nazar, ingin kembali kepada isteri yang diziharkan dan seumpamanya. Ini kerana semua kesalahan-kesalahan tersebut telah dinyatakan oleh nas mutawatir daripada al-Quran dan al-Sunnah jika dilakukan akan menyebabkan pihak yang bersalah dikenakan kafarah.

## 7. NAZAR

### Definisi

Perkataan nazar dari segi bahasa diambil daripada kata akar *nazara* yang bermaksud mewajibkan. Dari segi istilah Syarak, nazar bermaksud *iltizam* (mewajibkan diri) oleh seseorang Muslim yang mukalaf untuk melakukan *qurbah* (sesuatu yang boleh menghampirkan diri dengan Allah) yang pada asalnya tidak wajib di sisi syarak.

### Kedudukan Nazar Dalam Islam

Para fuqaha telah berbeza pendapat tentang hukum nazar iaitu sama ada ia harus, makruh atau haram. Mazhab Hanbali dan sebahagian besar ulama Mazhab Syafii dan Maliki berpandangan bahawa hukum nazar adalah tidak disunatkan dan makruh. Manakala Mazhab Hanafi dan sebahagian ulama Mazhab Syafii berpandangan bahawa nazar adalah satu *qurbah* yang disyariatkan oleh Islam.

Bagaimanapun, seseorang itu lebih afdal terus melakukan ibadat yang dikehendaki tanpa membuat iltizam dengan bernazar. Contohnya, sedekah yang dilakukan oleh seseorang secara bebas (ikhtiar) sebagai ibadat mendampingi Allah SWT lebih baik daripada sedekah yang dinazarkan. Daripada Abdullah ibn 'Umar RA katanya:

عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ نَهَى عَنِ النَّذْرِ . وَقَالَ ( إِنَّهُ لَا يَأْتِي بِخَيْرٍ  
. وَإِنَّمَا يُسْتَخْرَجُ مِنَ الْبَخِيلِ ) .

Maksudnya:

*“Daripada Nabi SAW, bahawasanya Baginda melarang melakukan nazar, sabdanya: Sesungguhnya ia tidak membawa sebarang kebaikan, tetapi hanyasanya untuk mengeluarkan sesuatu daripada orang yang bakhil.”*

(Riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

Hukum menunaikan nazar adalah wajib ke atas setiap Muslim yang telah melakukan nazar berdasarkan nas-nas al-Quran, al-Sunnah dan ijmak.

## 8. LUQATAH

### Definisi

Dari segi bahasa, *luqatah* ialah sesuatu yang ditemui di tanah. Menurut istilah Syarak, *luqatah* bermaksud harta yang ditemui di suatu kawasan yang tidak dimiliki, tidak dijaga dan tidak dikenali pemiliknya.

## **Kedudukan *Luqatah* Dalam Islam**

Apabila seseorang itu menemui barangan *luqatah*, dia digalakkan mengambilnya jika yakin mampu bersifat amanah dan bimbang barangan tersebut tidak akan ditemui oleh pemiliknya. Ini dilakukan bagi menjaga hak saudaranya.

Jika dia tidak yakin akan bersikap amanah dan bimbang dia sendiri akan mengambil terus barangan tersebut, **makruh** baginya untuk mengambilnya. Manakala jika dia merasakan dirinya tidak akan bersikap amanah dan akan mengambilnya untuk memilikinya dan bukan untuk dikembalikan, **haram** baginya untuk mengambilnya.

Menurut pandangan Jumhur Fuqaha, **harus** bagi penemu harta *luqatah* memiliki harta tersebut selepas tempoh hebahan sama ada beliau seorang yang kaya atau fakir. Jika harta tersebut telah dijual, dia boleh memiliki harganya. Sekiranya pemilik asal ditemui beliau hendaklah mengembalikan harta atau harganya kepada pemilik tersebut sewajarnya.

## **9. HARTA TIDAK PATUH SYARIAH**

### **Definisi**

Harta tidak patuh Syariah bermaksud sebarang bentuk pendapatan atau perolehan hasil daripada perbuatan atau transaksi yang bertentangan dengan Syariat Islam seperti riba dan judi, atau kerana bercampur aduk antara aktiviti yang dibenarkan oleh Syarak dengan yang tidak dibenarkan. Dalam konteks ini, harta itu sendiri pada asalnya adalah halal tetapi hukumnya berubah kepada tidak patuh Syariah kerana cara perolehannya adalah bertentangan dengan Syarak.

### **Kedudukan Harta Tidak Patuh Syariah Dalam Islam**

Sesuatu yang haram itu tidak boleh dimiliki dan wajib dibelanjakan kepada perkara-perkara kebajikan seperti membantu golongan fakir dan miskin, anak-anak yatim, musafir, jihad di jalan Allah SWT, perkembangan dakwah Islam, pembinaan masjid dan pusat-pusat Islam, penyediaan para pendakwah, penerbitan kitab-kitab agama dan seumpamanya daripada perkara-perkara yang bersifat kebajikan. Dengan erti kata lain, harta yang haram tidak boleh dimiliki oleh sesiapa secara khusus sebaliknya ia menjadi milik kepada *masalah 'ammah*.

Imam al-Ghazali menggariskan dua kaedah untuk melupuskan harta haram iaitu:

- (i) Memulangkan kepada tuan punya harta tersebut jika diketahui, atau kepada wakilnya atau warisnya.

- (ii) Membelanjakan untuk maslahat umum jika tuan punya harta tersebut tidak diketahui. Jika tidak boleh dilakukan, ia hendaklah disedekahkan kepada fakir dan miskin.

Harta haram ini dilarang dari digunakan dalam bentuk-bentuk berikut:

- (i) Digunakan untuk kepentingan diri sendiri atau keluarga.
- (ii) Ditinggalkan dalam akaun bank konvensional (dalam kes faedah riba) kerana para fuqaha berpandangan bahawa tindakan ini jika dilakukan akan membolehkan institusi perbankan konvensional yang berasaskan riba menjadi semakin kuat.
- (iii) Dimusnahkan seperti membakar atau mencampakkan ke dalam laut sepertimana yang difatwakan oleh beberapa orang ulama. Perbuatan ini dilarang oleh fuqaha semasa seperti Dr. Yusuf al-Qaradhawi yang menjelaskan bahawa ia menyalahi kaedah Syarak yang melarang tindakan *idha'ah al-mal* atau mensia-siakannya tanpa dimanfaatkan oleh sesiapa.

## BAHAGIAN 2:

### HIMPUNAN AYAT AL-QURAN, HADIS DAN FATWA BERKAITAN SUMBER AM

#### FASAL 1:

#### Himpunan Ayat Al-Quran

#### 1. PUSAKA

##### 1.1. Surah al-Nisa': 11

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ ۚ فَإِن كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ  
أُنثَيَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ ۚ وَإِن كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ ۚ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ  
مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِن كَانَ لَهُ وَلَدٌ ۚ فَإِن لَّمْ يَكُن لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبَوَاهُ  
فَلَإُمِّهِ الثُّلُثُ ۚ فَإِن كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ السُّدُسُ ۚ مِن بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ  
دِينٍ ۖ ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفَعًا ۚ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ ۗ إِنَّ  
اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١﴾

Maksudnya:

“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui

siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

1.2. Surah al-Nisa': 12

﴿وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ  
 وَلَدٌ فَلَكُمْ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِيَنَّ بِهَا أَوْ دَيْنٍ  
 وَلَهُنَّ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَتُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ  
 الثُّمُنُ مِمَّا تَرَكَتُمْ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوصُونَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَإِنْ كَانَ رَجُلٌ  
 يُورَثُ كَلَلَةً أَوْ امْرَأَةً وَوَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتٌ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا الشُّدُسُ فَإِنْ  
 كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الثُّلُثِ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَىٰ بِهَا أَوْ  
 دَيْنٍ غَيْرِ مُضَارٍّ وَصِيَّةً مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ ﴿١٢﴾

Maksudnya:

--

“Dan bagi kamu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh satu perempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula satu perempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah satu perlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayarkan hutang kamu. Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (tiap-tiap satu hukum itu)

ialah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar.”

### 1.3. Surah al-Nisa': 176

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِي الْكَلَالَةِ ۚ إِنَّ امْرَأًا هَلَكَ لَيْسَ لَهُ وَلَدٌ وَلَهُ أختٌ  
فَلَهَا نِصْفُ مَا تَرَكَ ۚ وَهُوَ يَرِثُهَا إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهَا وَلَدٌ ۚ فَإِنْ كَانَتَا أُثْنَتَيْنِ فَلَهُمَا  
الثلثانِ مِمَّا تَرَكَ ۚ وَإِنْ كَانُوا إِخْوَةً رِجَالًا وَنِسَاءً فَلِلذَكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ ۗ  
يَبِينُ  
اللَّهُ لَكُمْ أَنْ تَضِلُّوا ۗ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١٧٦﴾

Maksudnya:

“Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad mengenai masalah kalaalah). Katakanlah: “Allah memberi fatwa kepada kamu di dalam perkara kalaalah itu, yaitu jika seseorang mati yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh si mati; dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau pula saudara perempuannya itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang di tinggalkan oleh si mati. Dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan”. Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

## 2. WASIAT

### 2.1. Surah al-Baqarah: 180

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمْ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ  
بِالْمَعْرُوفِ ۗ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ﴿١٨٠﴾

Maksudnya:

“Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan

kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajiban atas orang-orang yang bertaqwa.”

2.2. Surah al-Nisa': 11

مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دِينَ ۗ ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفَعًا فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١﴾

Maksudnya:

“...(Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

2.3. Surah al-Nisa': 12

﴿ وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ ۖ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِينَ بِهَا أَوْ دِينَ ۖ ﴾

Maksudnya:

“Dan bagi kamu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh satu perempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya...”

2.4. Surah al-Ma'idah: 106

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا شَهَادَةٌ بَيْنَكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمْ الْمَوْتُ حِينَ الْوَصِيَّةِ اثْنَانِ ذَوَا عَدْلٍ مِّنْكُمْ أَوْ ءَاخِرَانِ مِّنْ غَيْرِكُمْ إِنْ أَنْتُمْ صَرْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَأَصْبَحْتُمْ مَّصِيبَةُ الْمَوْتِ تَحْسِبُونَهُمَا مِنْ بَعْدِ الصَّلَاةِ فَيُقْسَمَانِ بِاللَّهِ إِنْ أَرْتَبْتُمْ لَا

نَشْتَرِي بِهِ ثَمَنًا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۗ وَلَا نَكْتُمُ شَهَادَةَ اللَّهِ إِنَّا إِذًا لَّمِنَ الْآثِمِينَ



Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila salah seorang di antara kamu hampir mati, ketika (ia mahu) berwasiat, hendaklah wasiatnya itu disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu, atau dua orang lain (yang bukan seagama) dengan kamu, jika kamu dalam pelayaran di muka bumi lalu kamu ditimpa bencana sakit yang membawa maut. Kalau kamu ragu-ragu tentang kejujuran kedua saksi itu, hendaklah kamu tahan mereka sesudah selesai sembahyang, kemudian mereka (disuruh) bersumpah dengan nama Allah (dengan berkata): “Demi Allah kami tidak akan menjual sumpah kami untuk mendapat sesuatu harta benda, walaupun orang itu dari kaum kerabat, dan kami tidak menyembunyikan (keterangan yang kami ketahui) sebagai saksi (sebagaimana yang diperintahkan oleh) Allah, (kerana jika kami menyembunyikannya) tentulah kami dengan itu termasuk dalam golongan orang-orang yang berdosa”.”

### 3. HIBAH

#### 3.1. Surah al-Baqarah: 177

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِ ذَوِي  
الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ  
الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ  
وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ ۗ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ

Maksudnya:

“Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia

menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang sabil. (Orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertakwa.”

### 3.2. Surah al-Nisa': 4

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبْنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا

مَرِيئًا ﴿٤﴾

Maksudnya:

“Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya.”

## 4. SEDEKAH

### 4.1. Surah al-Baqarah: 261

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ

سُنْبُلَةٍ مِّائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Maksudnya:

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaknya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi Ilmu Pengetahuan-Nya.”

4.2. Surah al-Baqarah: 264

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَبْطُلُوا صَدَقَتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِثَاءَ  
النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ ۖ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ  
وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا ۖ لَا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي  
الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٢٦٤﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir.”

4.3. Surah al-Baqarah: 271

إِنْ تُبْدُوا الصَّدَقَاتِ فَنِعِمَّا هِيَ ۗ وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۗ  
وَيُكَفِّرْ عَنْكُمْ مِنْ سَيِّئَاتِكُمْ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٢٧١﴾

Maksudnya:

“Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik). Dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu berikan kepada orang-orang fakir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu; dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

#### 4.4. Surah Ali 'Imran: 92

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا حُبُّونَ<sup>ج</sup> وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya:

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

### 5. FIDYAH

#### 5.1. Surah al-Baqarah: 184

أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ<sup>ج</sup> فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ<sup>ج</sup> وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ<sup>ط</sup> فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ<sup>ط</sup> فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ<sup>ج</sup> وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ<sup>ط</sup> إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٤﴾

Maksudnya:

“(Puasa yang diwajibkan itu ialah) beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui.”

### 6. KAFARAH

#### 6.1. Surah al-Nisa': 92

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَنْ يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَأً<sup>ج</sup> وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَأً فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ<sup>ج</sup> مُؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُسْلَمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ<sup>ج</sup> إِلَّا أَنْ يَصَدَّقُوا<sup>ج</sup> فَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ عَدُوٍّ لَكُمْ وَهُوَ

مُؤْمِنٌ فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيثَاقٌ فَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ ۖ وَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ ۖ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ تَوْبَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١٦﴾

Maksudnya:

“Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain, kecuali dengan tidak sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar kafarah) dengan memerdekakan seorang hamba yang beriman serta membayar “diah” (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga si mati), kecuali jika mereka sedekahkan (memaafkannya). Tetapi jika ia (yang terbunuh dengan tidak sengaja) dari kaum (kafir) yang memusuhi kamu, sedang ia sendiri beriman, maka (wajiblah si pembunuh membayar kafarah sahaja dengan) memerdekakan seorang hamba yang beriman. Dan jika ia (orang yang terbunuh dengan tidak sengaja itu) dari kaum (kafir) yang ada ikatan perjanjian setia di antara kamu dengan mereka, maka wajiblah membayar “diah” (denda ganti nyawa) kepada keluarganya serta memerdekakan seorang hamba yang beriman. Dalam pada itu, sesiapa yang tidak dapat (mencari hamba yang akan dimerdekakannya), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut; (hukum yang tersebut) datangnya dari Allah untuk menerima taubat (membersihkan diri kamu). Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

## 6.2. Surah al-Ma'idah: 89

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ ۖ فَكَفَرْتُمْ ۖ إِطْعَامُ عَشْرَةِ مَسْكِينٍ مِّنْ أَوْسَطِ مَا تَطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ ۖ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ۚ ذَٰلِكَ كَفْرَةُ أَيْمَانِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ ۚ وَاحْفَظُوا أَيْمَانَكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ ۚ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٨٩﴾

Maksudnya:

“Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehnya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan

bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. Dan jagalah - peliharalah sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatnya (hukum-hukum agamanya) supaya kamu bersyukur”.

### 6.3. Surah al-Mujadalah: 3 dan 4

وَالَّذِينَ يُظَاهِرُونَ مِنْ نِسَائِهِمْ ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا قَالُوا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مِّن قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَا<sup>ع</sup> ذَلِكُمْ تُوَعُّظُونَ بِهِ<sup>ج</sup> وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٣﴾ فَمَنْ لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَا<sup>ط</sup> فَمَنْ لَّمْ يَسْتَطِعْ فَاِطْعَامُ سِتِّينَ مَسْكِينًا<sup>ع</sup> ذَٰلِكَ لَتُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ<sup>ج</sup> وَتَلَّكَ حُدُودَ اللَّهِ وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ



Maksudnya:

“Dan orang-orang yang “ziharkan” isterinya, kemudian mereka berbalik dari apa yang mereka ucapkan (bahawa isterinya itu haram kepadanya), maka hendaklah (suami itu) memerdekakan seorang hamba sebelum mereka berdua (suami isteri) bercampur. Dengan hukum yang demikian, kamu diberi pengajaran (supaya jangan mendekati perkara yang mungkar itu). Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan. Kemudian, sesiapa yang tidak dapat (memerdekakan hamba), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum mereka (suami isteri) itu bercampur. Akhirnya sesiapa yang tidak sanggup berpuasa, maka hendaklah ia memberi makan enam puluh orang miskin. Ditetapkan hukum itu untuk membuktikan iman kamu kepada Allah dan Rasul-Nya (dengan mematuhi perintahnya serta menjauhi adat jahiliyah). Dan itulah batas-batas hukum Allah; dan bagi orang-orang yang kafir disediakan azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

## 7. NAZAR

### 7.1. Surah al-Hajj: 29

ثُمَّ لِيَقْضُوا تَفَثَهُمْ وَلِيُوفُوا نُذُورَهُمْ وَلِيَطَّوَّفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ ﴿٢٩﴾

Maksudnya:

*“Kemudian hendaklah mereka membersihkan dirinya dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazarnya, dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu.”*

### 7.2. Surah al-Insan: 7

يُوفُونَ بِالنَّذْرِ وَيَخَافُونَ يَوْمًا كَانَ شَرُّهُ مُسْتَطِيرًا ﴿٧﴾

Maksudnya:

*“(Mereka dikurniakan kesenangan itu kerana) mereka menyempurnakan nazarnya (apatah lagi yang diwajibkan Tuhan kepadanya), serta mereka takutkan hari (akhirat) yang azab seksanya merebak di sana sini.”*

## 8. HARTA TIDAK PATUH SYARIAH

### 8.1. Surah al-Baqarah: 188

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Maksudnya:

*“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”*

8.2. Surah al-Baqarah: 275

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِ فَانْتَهَىٰ فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

Maksudnya:

“Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: “Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba”. Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.”

8.3. Surah al-Nisa: 29

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُم بَيْنَكُم بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَن تَرَاضٍ مِّنكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.”

8.4. Surah al-Rum: 39

وَمَا آتَيْتُمْ مِّن رَّبًّا لِّيَرْبُوهُ فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرْبُوا عِندَ اللَّهِ وَمَا آتَيْتُمْ مِّن زَكَاةٍ  
تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ ﴿٣٩﴾

Maksudnya:

“Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda.”

## FASAL 2 :

### Himpunan Hadis

#### 1. PUSAKA

1.1. Daripada Ibnu ‘Abbas RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

أَلْحِقُوا الْفَرَائِضَ بِأَهْلِهَا . فَمَا تَرَكَتْ الْفَرَائِضُ فَلِأَوْلَى رَجُلٍ ذَكَرَ .

Maksudnya:

“Berikanlah harta pusaka itu kepada orang yang berhak menerimanya. Sekiranya masih ada bakinya, berikanlah kepada lelaki yang paling dekat nasabnya dengan si mati.”

(Riwayat Muslim)

1.2. Daripada Ibnu ‘Abbas RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

أَقْسِمُوا الْمَالَ بَيْنَ أَهْلِ الْفَرَائِضِ عَلَى كِتَابِ اللَّهِ فَمَا تَرَكَتْ الْفَرَائِضُ فَلِأَوْلَى  
رَجُلٍ ذَكَرَ .

Maksudnya:

“Bahagikanlah harta benda antara ahli faraid menurut kitab Allah. Sekiranya masih ada bakinya, berikanlah kepada lelaki yang paling dekat nasabnya dengan si mati.”

(Riwayat Muslim dan Abu Daud)

1.3. Daripada Abu Hurairah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

يَا أَبَا هُرَيْرَةَ تَعَلَّمُوا الْقَرَائِضَ وَعَلِّمُوا فَإِنَّهُ نِصْفُ الْعِلْمِ وَهُوَ يُنْسَى وَهُوَ  
أَوَّلُ شَيْءٍ يُنْتَزَعُ مِنْ أُمَّتِي .

Maksudnya:

*“Wahai Abu Hurairah! Pelajarilah ilmu faraid dan ajarlah ia. Sesungguhnya ia sebahagian daripada ilmu dan ia akan dilupai dan ia adalah perkara pertama yang akan ditarik daripada umatku.”*

(Riwayat Ibnu Majah)

## 2. WASIAT

2.1. Daripada Abdullah ibn ‘Umar RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

مَا حَقُّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ ، لَهُ شَيْءٌ يُوصِي فِيهِ ، بِيَوْمِ اللَّيْلِينِ إِلَّا وَوَصِيَّتَهُ  
مَكْتُوبَةٌ عِنْدَهُ .

Maksudnya:

*“Tidak wajar bagi seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu untuk diwasiatkan, membiarkan dua malam berlalu tanpa menulis wasiatnya.”*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

2.2. Daripada Sa‘ad ibn Abi Waqqas RA katanya:

عَادَنِي رَسُولُ اللَّهِ --صلى الله عليه وسلم في حَجَّةِ الْوَدَاعِ، مِنْ وَجَعِ  
أَشْفَيْتُ مِنْهُ عَلَى الْمَوْتِ ، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ ، بَلِّغْنِي مَا تَرَى مِنْ  
الْوَجَعِ ، وَأَنَا دُو مَالٍ ، وَلَا يَرْتُنِي إِلَّا ابْنَةٌ لِي وَاحِدَةٌ ، أَفَأَتَصَدَّقُ بِثُلثِي  
مَالِي؟ قَالَ: "لَا" قُلْتُ: أَفَأَتَصَدَّقُ بِشَطْرِهِ؟ قَالَ: "لَا، الثُّلُثُ ، وَالثُّلُثُ كَثِيرٌ  
، إِنَّكَ أَنْ تَدْرَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَدْرَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ ."

Maksudnya:

*“Rasulullah SAW datang mengunjungiku pada tahun haji Wada‘ sewaktu aku dalam keadaan yang sangat sakit, lalu aku bertanya: “Hai Rasulullah!, Sakitku ini adalah sangat serius. Bagaimana pendapat tuan. Aku ini orang berada tetapi tidak ada yang dapat mewarisi hartaku melainkan anak perempuanku seorang. Apakah sebaiknya aku wasiatkan 2/3 hartaku?”*

“Jangan”, jawab Rasulullah. “Separuh ya Rasulullah?” Sambungku lagi. Jawab Rasulullah: “Jangan, sepertiga. Sebab sepertiga itu banyak dan besar, kerana jika kamu meninggalkan ahli waris dalam keadaan yang mencukupi adalah lebih baik daripada kamu meninggalkan mereka dalam keadaan miskin yang meminta-minta kepada orang ramai”.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

2.3. Daripada Abu Umamah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَعْطَى كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ فَلَا وَصِيَّةَ لَوَارِثٍ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah SWT telah memberi setiap orang yang mempunyai hak akan haknya maka tidak harus berwasiat kepada ahli waris.”

(Riwayat Tirmizi dan Abu Daud)

2.4. Daripada Jabir ibn Abdullah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ مَاتَ عَلَى وَصِيَّةٍ ، مَاتَ عَلَى سَبِيلِ وَسْئَةٍ ، وَمَاتَ عَلَى نُقْيٍ وَشَهَادَةٍ ، وَمَاتَ مَعْفُورًا لَهُ .

Maksudnya:

“Sesiapa yang mati dalam keadaan meninggalkan wasiat maka dia mati di atas jalan yang satu dan mengikut sunnah dan dia mati sebagai seorang yang bertakwa dan bersyahadat serta mati dalam keadaan dosa-dosanya diampunkan.”

(Riwayat Ibn Majah)

### 3. HIBAH

3.1. Daripada Khalid ibn Adi al-Juhani RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ بَلَغَهُ مَعْرُوفٌ عَنْ أُخِيهِ مِنْ غَيْرِ مَسْأَلَةٍ وَلَا إِشْرَافِ نَفْسٍ فَلْيَقْبَلْهُ وَلَا يَرُدَّهُ فَإِنَّمَا هُوَ رِزْقٌ سَاقَهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ إِلَيْهِ .

Maksudnya:

“Sesiapa yang menerima pemberian saudaranya walaupun tidak diminta dan bukan untuk membangga diri, dia hendaklah menerimanya dan jangan menolaknya. Itu adalah rezeki yang Allah huluskan untuknya.”

(Riwayat Ahmad)

#### 4. SEDEKAH

4.1. Daripada Abu Hurairah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُ الصَّدَقَةِ مَا كَانَ عَنْ ظَهْرِ غِنَى ، وَأَبْدَأُ بِمَنْ تَعُولُ .

Maksudnya:

*“Sedekah yang terbaik adalah yang dilakukan oleh orang yang kaya. Mulailah dengan memberi sedekah dengan bersedekah kepada orang yang menjadi tanggungjawabmu.”*

(Riwayat Bukhari)

4.2. Daripada Adi ibn Hatim RA katanya:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرَ النَّارَ فَأَشَاحَ بِوَجْهِهِ فَتَعَوَّدَ مِنْهَا ، ثُمَّ ذَكَرَ النَّارَ فَأَشَاحَ بِوَجْهِهِ فَتَعَوَّدَ مِنْهَا ، ثُمَّ قَالَ : ( اتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ ، فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَيَكَلِمَةً طَيِّبَةً ) .

Maksudnya:

*Bahawasanya Nabi SAW menyebut tentang neraka sambil memalingkan muka dan memohon perlindungan Allah daripadanya. Kemudian Baginda menyebut lagi tentang neraka sambil memalingkan muka dan memohon perlindungan Allah daripadanya. Kemudian Baginda bersabda: “Hendaklah kamu semua takutkan neraka walaupun dengan memberikan setengah buah kurma. Jika tiada, maka dengan kata-kata yang mulia”.*

(Riwayat Bukhari)

4.3. Daripada Abu Hurairah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

سَبَعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ : الإِمَامُ الْعَادِلُ . وَشَابُّ نَشَأَ عِبَادَةِ اللَّهِ . وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ . وَرَجُلَانِ تَحَابَبَا فِي اللَّهِ ، اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ . وَرَجُلٌ دَعَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ ، فَقَالَ : إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ . وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّى لَا تَعْلَمَ يَمِينُهُ مَا تُنْفِقُ شِمَالُهُ . وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا ، فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ .

Maksudnya:

*“Tujuh golongan manusia yang dinaungi Allah di bawah naungan-Nya pada hari kiamat iaitu hari yang tidak ada sebarang naungan padanya selain daripada naungan Allah: pemerintah yang adil, pemuda yang hidupnya sentiasa dalam mengerjakan ibadah kepada Tuhannya, orang yang hatinya sentiasa terikat dengan masjid, dua orang yang berkasih sayang kerana Allah di mana kedua-duanya berkumpul dan berpisah untuk mendapat keredaan Allah, orang yang dipujuk oleh perempuan yang kaya lagi rupawan untuk bersatu dengannya lalu ia menolak dengan berkata: “Aku takut kepada Allah!”, orang yang bersedekah secara bersembunyi sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diberi oleh tangan kanannya, dan orang yang menyebut atau mengingat Allah dengan keadaan tidak ada dalam ingatannya perkara lain, lalu menitis air matanya.”*

(Riwayat Muslim)

4.4. Daripada Abu Hurairah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِعَفْوٍ إِلَّا عِزًّا . وَمَا تَوَاضَعَ أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ .

Maksudnya:

*“Sedekah tidak sekali-kali akan mengurangkan harta. Allah pasti akan menambahkan kemuliaan kepada hamba-Nya yang memaafkan. Orang yang merendahkan diri kerana Allah pasti akan diangkat darjatnya oleh Allah.”*

(Riwayat Muslim)

## 5. FIDYAH

5.1. Daripada Ibnu ‘Umar RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامُ شَهْرٍ فَلْيُطْعِمْ عَنْهُ مَكَانَ كُلِّ يَوْمٍ مِسْكِينًا .

Maksudnya:

*“Barang siapa yang mati sedangkan dia masih mempunyai puasa Ramadan yang belum diqadanya, hendaklah diberi makan seorang miskin bagi setiap hari yang ditinggalkan bagi pihaknya.”*

(Riwayat Tirmizi)

5.2. Daripada Ibnu 'Abbas RA katanya:

إِذَا مَرَضَ الرَّجُلُ فِي رَمَضَانَ ثُمَّ مَاتَ وَلَمْ يَصُمْ أَطْعَمَ عَنْهُ وَلَمْ يَكُنْ عَلَيْهِ قَضَاءٌ وَإِنْ كَانَ عَلَيْهِ نَذْرٌ قَضَى عَنْهُ وَلِيَّهُ .

Maksudnya:

*“Apabila seseorang itu sakit pada bulan Ramadan kemudian mati dan dia tidak berpuasa, hendaklah diberi makan bagi pihaknya, dan tiadalah wajib ke atasnya qada. Sekiranya dia mempunyai puasa nazar yang belum dilaksanakan, hendaklah diqadakan bagi pihaknya oleh walinya.”*

(Riwayat Abu Daud)

## 6. KAFARAH

6.1. Daripada Abu Hurairah RA katanya:

بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ جَاءَهُ رَجُلٌ ، فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلَكْتُ . قَالَ « مَا لَكَ » . قَالَ وَقَعْتُ عَلَى امْرَأَتِي وَأَنَا صَائِمٌ . فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ « هَلْ تَجِدُ رَقَبَةً تُعَقِّفُهَا » . قَالَ لَا . قَالَ « فَهَلْ تَسْتَطِيعُ أَنْ تَصُومَ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ » . قَالَ لَا . فَقَالَ « فَهَلْ تَجِدُ إِطْعَامَ سِتِّينَ مِسْكِينًا » . قَالَ لَا . قَالَ فَمَكَتَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَبَيْنَمَا نَحْنُ عَلَى ذَلِكَ أَتَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِعَرَقٍ فِيهَا تَمْرٌ وَالْعَرَقُ الْمَكْتَلُ قَالَ « أَيْنَ السَّائِلُ » . فَقَالَ أَنَا . قَالَ « خُذْهَا فَتَصَدَّقْ بِهِ » . فَقَالَ الرَّجُلُ أَعَلَى أَفْقَرِ مِنِّي يَا رَسُولَ اللَّهِ ، فَوَاللَّهِ مَا بَيْنَ لَابَنَيْهَا يُرِيدُ الْحَرَّتَيْنِ أَهْلُ بَيْتِ أَفْقَرٍ مِنْ أَهْلِ بَيْتِي ، فَضَحِكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى بَدَتْ أَنْيَابُهُ ثُمَّ قَالَ « أَطْعَمَهُ أَهْلَكَ .

Maksudnya:

*“Ketika kami duduk bersama Nabi SAW telah datang seorang lelaki kepada Baginda lalu berkata: “Ya Rasulullah, binasalah aku!” Baginda bersabda: “Kenapa dengan engkau?” Lelaki itu menjawab: “Aku telah menyetubuhi isteriku sedang aku berpuasa (Ramadan).” Lalu Baginda bersabda: “Adakah engkau mampu memerdekakan seorang hamba?”*

Lelaki itu menjawab: “Tidak.” Lalu Baginda bersabda: “Adakah engkau mampu menunaikan puasa dua bulan berturut-turut?” Lelaki itu menjawab: “Tidak.” Bersabda Baginda: “Maka adakah engkau mampu memberi makan enam puluh orang miskin?” Lelaki itu menjawab: “Tidak.” Abu Hurairah berkata: Maka Nabi SAW menunggu, lalu ketika kami duduk telah dibawakan kepada Nabi SAW dengan setangkai tamar. Lalu Baginda bersabda: “Di manakah orang yang bertanya tadi?” Lelaki itu menjawab: “Saya.” Lalu Baginda bersabda: “Ambillah ia dan sedekahkannya.” Lelaki itu berkata: “Adakah kepada orang yang lebih fakir daripada aku ya Rasulullah? Maka demi Allah tiada lagi di kalangan kami di Madinah ini yang lebih fakir dari ahli keluargaku.” Mendengar ucapan lelaki itu Rasulullah SAW tersenyum sehingga kelihatan sebahagian giginya. Kemudian Baginda bersabda: “Berikanlah ia kepada keluargamu sendiri”.

(Riwayat Bukhari)

- 6.2. Daripada Abdul Rahman ibn Samurah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

وَإِذَا حَلَفْتَ عَلَى يَمِينٍ فَرَأَيْتَ غَيْرَهَا خَيْرًا مِنْهَا فَأْتِ الَّذِي هُوَ خَيْرٌ ،  
وَكَفِّرْ عَن يَمِينِكَ .

Maksudnya:

“...Dan jika kamu telah bersumpah atas sesuatu kemudian kamu melihat pada yang lebih baik maka laksanakanlah yang baik itu dan tebuslah kafarah sumpahmu itu.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

- 6.3. Daripada Abu Hurairah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ حَلَفَ عَلَى يَمِينٍ ، فَرَأَى غَيْرَهَا خَيْرًا مِنْهَا ، فَلْيُكْفِرْ عَن يَمِينِهِ ،  
وَلْيَفْعَلْ .

Maksudnya:

“Sesiapa bersumpah (untuk melakukan sesuatu), kemudian dia berpendapat bahawa keadaan/perkara sebaliknya lebih baik daripada yang dilakukan sumpah itu, maka hendaklah beliau membayar kafarah sumpahnya dan bolehlah dilakukan (apa yang dianggapnya lebih baik itu).”

(Riwayat Muslim, Abu Daud dan Tirmizi)

## 7. NAZAR

7.1. Daripada 'Aisyah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ نَذَرَ أَنْ يُطِيعَ اللَّهَ فَلْيُطِعهُ ، وَمَنْ نَذَرَ أَنْ يَعْصِيَهُ فَلَا يَعْصِيهِ .

Maksudnya:

*“Sesiapa yang bernazar untuk taat kepada Allah maka taatlah akan-Nya, dan sesiapa yang bernazar untuk berbuat maksiat kepada-Nya maka janganlah membuat maksiat kepada-Nya.”*

(Riwayat Bukhari)

7.2. Daripada 'Imran ibn Husain RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ بَعْدَكُمْ قَوْمًا يَخُونُونَ وَلَا يُؤْتَمَنُونَ ، وَيَشْهَدُونَ وَلَا يُسْتَشْهَدُونَ ، وَيَنْذِرُونَ وَلَا يُفُونَ ، وَيَظْهَرُ فِيهِمُ السَّمَنُ .

Maksudnya:

*“Selepas kamu nanti akan terdapat satu golongan yang khianat, tidak beramanah, menjadi saksi tanpa diminta, bernazar tetapi tidak menunaikannya, dan masing-masing kelihatan gemuk-gemuk belaka.”*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

## 8. LUQATAH

8.1. Daripada Ubai ibn Ka'ab RA, katanya:

وَجَدْتُ صُرَّةَ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيهَا مِائَةٌ دِينَارٍ ، فَأَتَيْتُ بِهَا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ « عَرَّفَهَا حَوْلًا » . فَعَرَّفْتُهَا حَوْلًا ثُمَّ أَتَيْتُهُ ، فَقَالَ « عَرَّفَهَا حَوْلًا » . فَعَرَّفْتُهَا حَوْلًا ثُمَّ أَتَيْتُهُ الرَّابِعَةَ فَقَالَ « اعْرِفْ عِدَّتَهَا وَوَكَّاءَهَا وَوَعَاءَهَا ، فَإِنْ جَاءَ صَاحِبُهَا وَإِلَّا اسْتَمْتَعْ بِهَا »

Maksudnya:

*Ubai ibn Ka'ab RA meriwayatkan: “Saya menemui satu uncang pada zaman Nabi SAW yang berisi seratus dinar, dan saya pergi untuk*

menemui Nabi SAW lalu Baginda bersabda: Umumkan tentangnya selama setahun. Maka saya telah umumkannya selama setahun, kemudian saya pergi menemui Baginda lalu Baginda bersabda: Umumkan tentangnya selama setahun. Maka saya telah umumkannya selama setahun, kemudian saya pergi menemui Baginda lalu Baginda bersabda: Umumkan tentangnya selama setahun. Maka saya telah umumkannya selama setahun, kemudian saya pergi menemui Baginda untuk kali keempat lalu Baginda bersabda: Kenalilah akan ikatan yang mengikat harta tersebut serta bekasnya, sekiranya pada suatu hari datang tuannya kepada kamu maka berikanlah kepadanya. Sekiranya kamu tidak menemui tuannya maka kamu boleh memilikinya dan membelanjakannya.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

- 8.2. Daripada Zaid ibn Khalid al-Juhani RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

فَإِنْ جَاءَ صَاحِبُهَا فَعَرَفَ عِفَاصَهَا ، وَعَدَّدَهَا وَوَكَّاءَهَا ، فَأَعْطَاهَا إِيَّاهُ .  
وَالْأَى ، فَهِيَ لَكَ .

Maksudnya:

“Jika pemilik asal datang dan mengaku harta luqatah tersebut adalah miliknya serta boleh menyatakan sifat-sifatnya dengan betul dan meyakinkan, maka harta tersebut boleh dikembalikan kepadanya. Sekiranya tidak, maka ia milikmu.”

(Riwayat Muslim)

- 8.3. Daripada Zaid ibn Khalid al-Juhani RA, katanya:

سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ اللُّقْطَةِ فَقَالَ « نَعْرِفُهَا حَوْلًا  
فَإِنْ جَاءَ صَاحِبُهَا دَفَعْتَهَا إِلَيْهِ وَإِلَّا عَرَفْتَهَا وَوَكَّاءَهَا وَعِفَاصَهَا ثُمَّ أَرْضَاهَا فِي  
مَالِكَ فَإِنْ جَاءَ صَاحِبُهَا فَادْفَعَهَا إِلَيْهِ » .

Maksudnya:

“Seorang lelaki bertanya Rasulullah SAW berkenaan dengan harta luqatah lalu Baginda bersabda: “Hebahkanlah harta tersebut selama setahun. Sekiranya tuannya datang serahkanlah kepadanya, dan jika tiada yang datang maka hendaklah kamu ketahui bentuk dan talinya. Hendaklah kamu simpan dalam simpanan kamu. Sekiranya tuannya datang, serahkanlah ia kepadanya.”

(Riwayat Abu Daud)

## 9. HARTA TIDAK PATUH SYARIAH

- 9.1. Daripada al-Nu'man ibn Basyir RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

الْحَالِلُ بَيْنَ وَالْحَرَامِ بَيْنٌ ، وَبَيْنَهُمَا مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ ، فَمَنْ اتَّقَى الْمُشَبَّهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ كَرَّاحٍ يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى ، يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَهُ . أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى ، أَلَا إِنَّ حِمَى اللَّهِ فِي أَرْضِهِ مَحَارِمُهُ ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ . أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ .

Maksudnya:

*“Sesungguhnya yang halal itu nyata dan yang haram itu nyata dan antara kedua-duanya perkara-perkara yang kesamaran, yang tidak diketahuinya oleh kebanyakan manusia. Maka barang siapa memelihara (dirinya dari) segala yang kesamaran, sesungguhnya ia memelihara bagi agamanya dan kehormatannya. Dan barang siapa jatuh ke dalam perkara kesamaran, jatuhlah ia ke dalam yang haram seperti seorang penggembala yang menggembala di sekeliling kawasan larangan, hampir sangat (ternaknya) makan di dalamnya. Ketahuilah bahawa bagi tiap-tiap raja ada kawasan larangan. Ketahuilah bahawa larangan Allah ialah segala perkara yang diharamkan-Nya. Ketahuilah bahawa di dalam badan ada seketul daging, apabila ia baik, baiklah badan seluruhnya dan apabila ia rosak, rosaklah sekaliannya. Ketahuilah! Itulah yang dikatakan hati.”*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

- 9.2. Daripada Abu Hurairah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤْبَقَاتِ . قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، وَمَا هُنَّ ؟ قَالَ : الشِّرْكُ بِاللَّهِ ، وَالسُّحْرُ ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ، وَأَكْلُ الرِّبَا ، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ ، وَالنَّوْءِي يَوْمَ الزَّحْفِ ، وَقَدْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ .

Maksudnya:

*“Jauhilah tujuh perkara kerosakan.” Para sahabat bertanya: “Ya Rasulullah, apakah ia?” Baginda bersabda: “Menyekutukan Allah, sihir, membunuh jiwa yang telah diharamkan oleh Allah (membunuhnya) melainkan dengan (jalan) yang hak (yang dibenarkan oleh syarak), makan riba, makan harta anak yatim, melarikan diri ketika perang, dan menuduh*

(berzina) wanita-wanita yang muhsanah (wanita yang menjauhkan perkara dosa) yang beriman lagi tidak terlintas memikirkan sebarang kejahatan”.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

- 9.3. Daripada Abu Barzah al-Aslami RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَزُولُ قَدَمًا عَبْدٌ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ ، وَعَنْ عِلْمِهِ فِيمَا فَعَلَ ،  
وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ ، وَعَنْ جِسْمِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ .

Maksudnya:

“Tidak berganjak kedua kaki seseorang dari tempat berdirinya di mahkamah Tuhan pada hari kiamat sehingga ia disoal tentang umurnya pada perkara apakah ia dihabiskan, dan tentang ilmunya untuk apakah ia gunakan, dan tentang harta bendanya dari manakah ia dapati dan pada perkara apakah ia belanjakan, dan juga tentang tubuh badannya pada perkara apakah ia susutkan kemudahan dan kecergasannya?”

(Riwayat Tirmizi)

### FASAL 3:

#### Himpunan Fatwa

#### 1. PUSAKA

##### 1.1. Hukum Menjadikan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sebagai Harta Sepencarian

Wang caruman KWSP tidak boleh dianggap sebagai harta sepencarian dan menetapkan wang tersebut sebagai harta pusaka yang perlu dibahagikan mengikut hukum faraid.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-67  
Tarikh : 22 Februari 2005

##### 1.2. Hukum Pembayaran Simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bagi Ahli Yang Memeluk Islam

- i. Mengikut hukum syarak, orang bukan Islam tidak berhak mewarisi harta orang Islam dan begitulah sebaliknya;

- ii. Jika seseorang bukan Islam memeluk Islam dan mempunyai simpanan KWSP dan telah menamakan penama orang bukan Islam maka hendaklah menukar penama tersebut kepada orang Islam. Jika tiada penama orang Islam dan tiada waris Islam yang berhak ke atas harta tersebut setelah beliau meninggal dunia maka harta itu tidak menjadi hak kepada penama yang bukan Islam, sebaliknya hendaklah diserahkan kepada Baitulmal; dan
- iii. Orang Islam boleh membuat wasiat kepada orang bukan Islam tidak melebihi 1/3 daripada hartanya.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-61  
Tarikh : 27 Januari 2004

### **1.3. Wang Simpanan KWSP, SOCSO Dan Seumpamanya Bagi Ahli Beragama Islam Yang Meninggal Dunia**

- i. Wang KWSP dan wang disimpan adalah pusaka yang mesti dibahagikan mengikut hukum faraid.
- ii. Penama KWSP adalah wasi atau pentadbir harta. Penama hendaklah membahagikan wang KWSP (peninggalan si mati) mengikut faraid.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-49  
Tarikh : 19 September 2000

### **1.4. Wang Pampasan Kematian Pekerja Yang Dianugerahkan Oleh Kerajaan Atau Syarikat Swasta**

Wang pampasan yang diperolehi dari kematian pekerja, wang pampasan melalui tuntutan mahkamah, wang SOCSO dan seumpamanya tidak dianggap harta pusaka.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-49  
Tarikh : 19 September 2000

### **1.5. Pewarisan Harta & Harta Sepencarian Yang Dilaksanakan Di Rancangan FELDA**

Bersetuju bahawa amalan yang dilaksanakan di rancangan FELDA mengenai pewarisan harta yang berdasarkan Akta Tanah 1960 adalah tidak bertentangan dengan hukum syarak kerana persetujuan meletakkan satu penama itu dibuat atas persepakatan semua pihak yang terlibat.

Sekiranya tidak mendapat persetujuan waris-waris untuk melantik seseorang daripada mereka sebagai wakil maka:

- i. Harta si mati hendaklah dijual.
- ii. Penjualan harta tersebut hendaklah diberi keutamaan kepada waris
- iii. Hasil dari penjualan harta tersebut hendaklah dibahagikan kepada waris mengikut faraid.
- iv. Kalau harta si mati tidak habis dibahagikan maka lebihan pembahagian itu hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.

Bersetuju bahawa amalan yang dilaksanakan di rancangan FELDA mengenai harta sepencarian tidak bertentangan dengan hukum syarak.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-38  
 Tarikh : 21 Jun 1995

#### **1.6. Ganjaran Terbitan Dan Pencen Terbitan**

Ganjaran terbitan dan pencen terbitan tidak termasuk sebagai harta pusaka, maka kaedah pembahagiannya tidak tertakluk kepada kaedah pembahagian harta pusaka.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-21  
 Tarikh : 12 September 1988

#### **1.7. Pembahagian Harta Pusaka Yatim bin Ahmad**

- i. Setelah usaha-usaha yang dibuat untuk mengesan waris-waris menghadapi kebuntuan, maka mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa 2 bahagian daripada harta yang hak waris-waris tersebut diserahkan kepada Baitulmal sebagai pemegang amanah.
- ii. Kemudian sekiranya ada ditemui waris yang sah menuntutnya, maka pihak Baitulmal hendaklah menyerah semula kepada waris-waris yang berhak.

Sumber : Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan  
 Tarikh : 5 September 1996

#### **1.8. Wang Pampasan**

Huraian Tajuk/Isu:

Adakah menjadi pusaka dan waris-waris lain berhak mendapatnya.

Keputusan:

Majlis berpendapat “wang tersebut tidak dianggap pusaka atau tarekat yang wajib dibahagikan kepada waris-waris menurut hukum faraid. Wang tersebut adalah merupakan hadiah kepada ahli dan anak-anak si mati yang masih kecil atau siapa-siapa waris yang lain menurut yang ditetapkan dalam undang-undang/peraturan kerana itu adalah sebagai bantuan sementara kepada mereka itu supaya terlepas dari penderitaan selepas mati penanggung utama dalam keluarga itu. Tidaklah berhak waris-waris yang lain menuntut apa-apa bahagian daripadanya.”

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu

### **1.9. Wang Ganjaran Perkhidmatan**

Huraian Tajuk/Isu:

Wang ganjaran perkhidmatan daripada jabatan perkhidmatan awam adakah menjadi harta pusaka.

Keputusan:

Jawatankuasa berpendapat bahawa wang pemberian oleh majikan seperti hadiah dan pampasan kepada tanggungan si mati adalah tidak termasuk di dalam pengertian pusaka dan tidak perlu dibahagikan mengikut hukum faraid.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu

### **1.10. Harta Pusaka Kepada Anak Perempuan Tunggal**

Huraian Tajuk/Isu:

Ibu bapa memberi harta menghabisi hartanya kepada anak perempuan tunggalnya.

Keputusan:

Jawatankuasa berpendapat jika pemberian itu untuk mengelakkan daripada hukum pembahagian pusaka maka hukumnya haram, pemberian itu sah.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu

**1.11. Memohon Pandangan Mengenai Penjualan Dan Tuntutan Ke Atas Pampasan Harta Pusaka Hassan bin Mualap @ Hasan bin Moulap – MCL 398 Lot 785, Mk. Tg. Minyak Daerah Melaka Tengah**

Setelah berbincang dan meneliti kertas permohonan, Ahli Jawatankuasa Fatwa telah sebulat suara memutuskan bahawa:-

- i. Perjanjian jual beli yang dibuat oleh Tuan Hj Moxsin bin Hj Ikhsan dan Tuan Hj. Mahrop bin Hj. Hassan dengan Amoh binti Othman dengan niat menjual keseluruhan lot berkenaan adalah tidak sah dan ia merupakan jualbeli yang fasid (rosak). Ini adalah kerana lot tanah tersebut bukan milik penuh sempurna kepada Amoh binti Othman. Walau bagaimanapun perjanjian jualbeli tersebut hanya sah dengan kadar  $\frac{1}{4}$  bahagian sahaja daripada keseluruhan tanah tersebut memandangkan ianya milik yang sempurna kepada Amoh binti Othman.
- ii. Pihak yang memohon iaitu Tuan Hj Moxsin bin Hj. Iksan dan Tuan Hj. Mahrop bin Hj. Hassan hanya berhak menuntut  $\frac{1}{4}$  bahagian sahaja daripada keseluruhan tanah tersebut, manakala  $\frac{3}{4}$  bahagian lagi adalah hak milik Majlis Agama Islam Melaka. Oleh yang demikian, berdasarkan bukti pembelian yang telah dikemukakan, pihak Majlis Agama Islam Melaka hanya perlu menyerahkan  $\frac{1}{4}$  bahagian sahaja daripada baki tanah atau pampasan ke atas tanah lot 785, Mukim Tg. Minyak, Daerah Melaka Tengah tersebut kepada Tuan Hj. Moxsin bin Hj. Iksan dan Tuan Hj. Mahrop bin Hj. Hassan.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka

**1.12. Pengurusan Harta Pusaka Ali bin Omar – Kuasa Pemegang Amanah Terhadap Harta Waris Di Bawah Umur**

Jawatankuasa Fatwa telah memutuskan seperti berikut:

- i. Puan Jamilah binti Mohd Ali yang dilantik sebagai pemegang amanah bagi saudaranya yang terencat akal iaitu Mohd Amin bin Ali tidak boleh menyerahkan hak bahagian Mohd Amin kepada Norliah binti Ali bagi mengelakkan harta tersebut daripada lenyap atau dihilangkan.
- ii. Puan Halijah binti Osman iaitu bekas isteri Allahyarham Zainal Abidin bin Ali yang telah diceraikan sebelum kematiannya yang telah dilantik sebagai pemegang amanah (wasi) kepada harta anak-anaknya yang masih di bawah umur oleh pihak berkuasa negeri menurut Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 adalah sah menurut hukum syarak kerana bapa dan datuk kepada kanak-kanak tersebut telah pun meninggal dunia.

- iii. Puan Halijah binti Osman pula tidak boleh membuat keputusan untuk menyerahkan hak bahagian anak-anak Allahyarham Zainal Abidin bin Ali yang masih belum cukup umur kepada Norliah binti Ali bagi mengelakkan harta tersebut daripada lenyap dan dipergunakan tanpa keperluan yang mendesak.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka

### **1.13. Pembahagian Harta Pusaka Bagi Orang Asli Bukit Lanjan, Selangor**

Isu:

Persoalan ini dikemukakan kepada Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Selangor bagi mendapatkan penjelasan berkenaan dengan kaedah atau cara pembahagian harta pusaka Orang Asli Bukit Lanjan yang mana terdapat percampuran agama bagi setiap waris di dalam sebuah keluarga.

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Selangor memutuskan bahawa:

“Kaedah pembahagian harta pusaka bagi Orang Asli Bukit Lanjan hendaklah mengikut sistem faraid yang telah ditetapkan oleh Islam. Walau bagaimanapun pihak waris masih diberi pilihan sama ada mahu mengguna pakai sistem faraid ataupun membuat pembahagian sama rata iaitu mengikut sistem adat mereka. Ini bertujuan untuk menjaga maslahat yang lebih utama”.

Keterangan:

Latar Belakang

- Orang asli Bukit Lanjan pada asalnya berkampung atau menetap di 3 kawasan dalam tanah Rezab Orang Asli Bukit Lanjan. Seluas 641 ekar daripada kawasan tersebut telah dibatalkan perizabannya dan dimajukan untuk pembangunan perumahan dan penempatan. Pembangunan ini termasuklah pembinaan rumah banglo, teres, rumah kedai, rumah pangsa dan bangunan pentadbiran. Selain daripada harta tak alih yang disebutkan di atas, masyarakat orang asli di Bukit Lanjan juga menerima wang yang agak besar jumlahnya yang merupakan wang pampasan hasil usaha mereka semasa tinggal di situ.

- Semenjak pelaksanaan projek pembangunan Orang Asli Bukit Lanjan dimulakan oleh sebuah Syarikat Saujana Triangle Sdn. Bhd. iaitu sebuah anak syarikat EMKAY, seramai 14 orang ketua Isi Rumah Induk (KIR) telah meninggal dunia termasuklah tokoh-tokoh perintis yang memainkan peranan penting dalam projek ini. Memandangkan mereka ada meninggalkan harta pusaka, maka terdapat tuntutan daripada waris-waris si mati ke atas pusaka tersebut.
- Jabatan Orang Asli telah mengambil inisiatif dalam usaha untuk menentukan cara atau kaedah pembahagian harta pusaka terutama harta alih. Beberapa sesi perbincangan telah diadakan bagi mencari jalan penyelesaian tetapi gagal disebabkan perbezaan pendapat dan situasi yang ada. Ini merupakan kes pertama berlaku di Malaysia melibatkan pusaka orang asli di mana waris yang ditinggalkan memeluk atau berpegang dengan berbagai pegangan agama.

Sumber : Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Selangor

Tarikh : 24 Julai 2001

#### **1.14. Penebusan Harta Lebihan Faraid Yang Diserah Kepada Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor**

Isu:

Persoalan ini dikemukakan kepada ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Selangor Bagi mendapatkan penjelasan berhubung kedudukan dan masalah penebusan harta lebihan faraid yang menjadi milik penuh Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) oleh waris yang dikategorikan sebagai fakir miskin yang berhak mendapat bantuan zakat.

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Selangor memutuskan bahawa:

- i. Adalah harus sekiranya pihak Baitulmal menggunakan wang milik Baitulmal sendiri digunakan untuk menebus semula tanah lebihan faraid yang ditawarkan kepada Baitulmal.
- ii. Pihak Baitulmal boleh membuat keputusan sama ada hendak menyerahkan secara percuma atau tidak bahagian milik Baitulmal kepada waris yang tergolong dalam golongan fakir dan miskin dan ia berhak mendapat bantuan daripada asnaf zakat di mana waris tidak perlu membayar nilai tebusan yang ditawarkan kerana pihak Baitulmal

mempunyai milik yang sempurna terhadap harta tersebut. Penyerahan harta tersebut tertakluk kepada polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Baitulmal sendiri.

- iii. Pihak Baitulmal mempunyai hak “Syuf<sup>c</sup>ah” ke atas tanah milik waris yang terdapat di atas bahagian tanah yang turut sama mengandungi bahagian Baitulmal. Dengan erti kata lain, waris-waris hendaklah merujuk dan menawarkan kepada Baitulmal terlebih dahulu sebelum menawarkan kepada pihak lain, lebih-lebih lagi bukan Islam.
- iv. Pihak Baitulmal yang mempunyai hak “Syuf<sup>c</sup>ah” berhak menghalang waris-waris dari menjual bahagian mereka kepada yang bukan Islam.

Keterangan:

Latar Belakang

- Harta lebihan faraid merupakan harta yang tidak dihabiskan oleh waris yang berhak menerima bahagian sama ada dari “Fardh” atau dari “Asabah” dan ia merupakan masalah “Radd”.
- Baitulmal merupakan satu institusi yang bertanggungjawab kepada harta orang-orang Islam atau sebagai pemegang amanah kepada harta yang diserahkan kepada Baitulmal seperti harta lebihan faraid, wakaf, harta diserahkan dan sebagainya.
- Mengikut mazhab Imam Syafie dalam *qaul* yang muktamad dan amalan di Pejabat Pembahagian Pusaka Kecil di bawah Kementerian Tanah dan Galian Malaysia menyatakan bahawa Baitulmal negeri-negeri di Malaysia merupakan waris yang berhak menerima harta lebihan faraid berbanding waris *Dzawi al-Arham*.

Sumber : Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Selangor

Tarikh : 16 Januari 2001

### **1.15. Kedudukan Geran Sementara Sama Ada Pusaka Atau Tidak**

Isu:

Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) telah menerima satu permasalahan yang ditimbulkan oleh seorang petani berkenaan dengan kedudukan geran sementara sama ada ianya harta pusaka atau tidak.

Permasalahan adalah seperti berikut : “Ada seorang petani semasa hidupnya telah mengusahakan tanah sawah dengan mendapat kebenaran

sementara atau T.O.L. atas sebab tertentu. Urusan mendapatkan geran tanah milik tetap tidak dapat diusahakan sehinggalah petani tersebut meninggal dunia, kemudian salah seorang waris petani tersebut telah mengusahakan bagi mendapatkan geran tanah milik tetap dan usahanya telah berhasil”.

Persoalan yang timbul adalah seperti berikut: Adakah tanah sawah tersebut menjadi harta pusaka atau tidak.

Keputusan:

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) dalam persidangannya bertarikh telah membincangkan perkara di atas dengan panjang lebar dan membuat keputusan seperti berikut:

“Setelah dibincangkan oleh Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) dan penjelasan daripada Pejabat Tanah Dan Galian Selangor, bahawa syarat lesen tumpangan sementara ini dikeluarkan adalah sebagai lesen tahunan dan tempoh tamatnya pada tarikh yang dinyatakan atau selewat-lewatnya pada penghujung tahun ia dikeluarkan atau diperbaharui. Lesen tersebut tidak memberi hak tanah tetapi kebenaran mengguna tanah sahaja. Oleh yang demikian disyaratkan lesen tersebut tidak boleh dituruni atau ditukar milik mana-mana pihak sekalipun. Oleh yang demikian fatwa membuat keputusan bahawa tanah sawah tersebut adalah tidak menjadi harta pusaka kerana ia tidak diberi hak tanah, hanya diberi guna dalam tempoh sementara sahaja”.

Sumber : Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Negeri  
Selangor

Tarikh : 22 September 1990

#### **1.16. Hukum Wang Polisi Insurans Nyawa**

Isu:

Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) telah menerima pertanyaan daripada Puan Hadifah bt Mohd Isa daripada Estet Pulau Carey, Pelabuhan Klang, yang bertanyakan fatwa berkenaan dengan perkara di bawah iaitu:

- i. Adakah halal atau haram memakan wang daripada insurans nyawa seperti koperasi insurans MCIS dan bolehkah wang itu digunakan untuk upah haji si mati.
- ii. Adakah wang insurans di atas dikira pusaka (sekiranya pemegang polisi itu meninggal dunia).

- iii. Bapa saudara saya telah meninggal dunia dan meninggalkan sedikit wang dan wang itu dilantik saya sebagai penamanya sedangkan beliau masih ada adik beradik lagi, bolehkah saya ambil wang itu jadi hak saya seorang sahaja.

Keputusan:

Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam. Keputusannya adalah seperti berikut :

- i. Hukum memakan wang daripada insurans nyawa seperti insurans MCIS adalah HARAM dan tidak boleh juga digunakan untuk mengupah kepada haji si mati kerana koperasi insurans tersebut mengamalkan kegiatan yang bertentangan dengan hukum syarak.
- ii. Wang yang didapati daripada insurans di atas setelah pemegang polisi itu meninggal dunia hukumnya adalah tidak menjadi harta pusaka, kecuali wang pendahuluan atau wang yang dibayar oleh si mati pada tiap-tiap bulan itu.
- iii. Jika sekiranya penama itu seorang ahli waris si mati, maka harta si mati itu hendaklah dibahagi mengikut kiraan faraid dan jika penama itu bukan ahli waris, maka ia mendapat  $\frac{1}{3}$  (sepertiga) iaitu sebagai wasiat si mati.

Sumber : Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Selangor

### **1.17. Persoalan Mengenai Pampasan Si Mati Kepada Balu Dan Anak-anak**

Jika majikan berkenaan menetapkan wang pampasan itu untuk isteri atau anak-anak maka wang pampasan itu khusus untuk mereka. Tetapi jika wang pampasan itu diberi kerana pekerjaan si mati ia adalah pusaka dan wang pampasan tersebut perlu difaraidkan.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah

### **1.18. Wang Pampasan**

Wang pampasan yang diberi oleh syarikat kepada suami atau isteri yang meninggal dunia semasa bekerja di syarikat berkenaan jika ditentukan penama yang dipersetujui si mati maka wang pampasan itu adalah untuk penama tersebut. Namun demikian, jika tidak ditentukan penama maka ia hendaklah dimasukkan sebagai harta yang perlu difaraidhkan.

Keterangan/Hujah:

Ini kerana wang pampasan itu adalah ihsan pemberian atau saguhati syarikat kepada si mati atas sumbangannya sepanjang bekerja di syarikat tersebut.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah

### **1.19. Antara Zakat Dan Pusaka**

Adakah tuan bersetuju sekiranya saya katakan mengikut fahaman saya kalau zakat itu diumpamakan sebagai pusaka maka asnaf yang lapan itu waris-warisnya yang berhak menerima pusaka itu.

Jawapan:

Zakat itu tiada boleh diumpamakan sebagai pusaka kerana pembahagian zakat itu adalah berlainan daripada hukum pembahagian pusaka.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah

### **1.20. Harta Pusaka**

Huraian Tajuk/Isu:

Adakah si anak berhak menuntut bahagiannya (dari harta ayahnya) setelah ayahnya menghadihkan sebahagian daripada hartanya kepada seseorang yang bukan daripada warisnya secara hukum syarak.

Keputusan:

Tidak ada hak bagi anak itu menuntut bahagiannya, apabila ayahnya yang semasa hidup telah membahagikan hartanya secara hadiah atau 'hibah'.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang

### **1.21. Adakah Harta Pusaka Yang Tidak Ada Ahli Waris Atau Yang Tidak Habis Diambil Oleh Ahli Waris Boleh Diambil Oleh Saudara-mara Yang Bukan Ahli Waris? (*Zawil al-Arham*)**

Harta pusaka yang tidak ada ahli waris atau yang tidak habis diambil oleh ahli waris adalah berhak diberi kepada *Zawil al-Arham* daripada harta peninggalan pusaka. Kadar pembahagian harta pusaka kepada *Zawil al-Arham* adalah secara sama rata sekiranya pada kedudukan yang sama, jika tidak maka kedudukannya ditentukan sama seperti *ashabul furud*. Jika harta masih berbaki, maka bolehlah diberikan kepada Baitulmal.

Keterangan/Hujah:

Hak-hak *Zawil al-Arham* ketika ada ahli-ahli waris. Dalil-dalilnya adalah seperti berikut:

i. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 5 yang bermaksud:

“Apabila kerabat yang tidak berhak mendapat pusaka-pusaka dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya dan berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik”.

ii. Terdapat banyak *athar* daripada sahabat-sahabat Rasulullah SAW yang menunjukkan bahawa mereka memberikan *Zawil al-Arham* sedikit daripada harta pusaka berdasarkan ayat 8 Surah al-Nisa' yang tersebut di atas, antaranya ialah apa yang diriwayatkan daripada Ismail Ibn Ishak al-Qadhi.

Sumber : Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis

### **1.22. Harta Pusaka Orang Bukan Islam Diwarisi Oleh Orang Islam**

Orang yang bukan Islam adalah tidak boleh mewarisi harta orang yang beragama Islam dan orang yang beragama Islam tidak boleh mewarisi harta orang yang bukan Islam sebagaimana penjelasan dalam hadis sahih yang bermaksud:

“Orang kafir tidak boleh mewarisi harta orang Islam dan orang Islam tidak boleh mewarisi harta orang bukan Islam”.

Sumber : Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis

### **1.23. Fatwa Mengenai Wang Faedah Kematian Mengikut Hukum Syarak**

Majoriti Ahli Jawatankuasa Syariah berpendapat bahawa:

“Wang faedah kematian TNB itu adalah dikira harta pusaka dan dibahagikan mengikut hukum faraid. Ditambah dengan hujah berdasarkan kepada surat TNB, wang pemberian itu satu kemestian ‘Right’ (hak mutlak) bukannya ‘Privilege’ (hak istimewa sementara) iaitu ia menjadi hak, dengan sendirinya menjadi harta pusaka”.

Sumber : Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis

## 2. WASIAT

### 2.1. Wasiat *Wajibah*

Muzakarah menegaskan bahawa Islam amat menitikberatkan kebajikan dan kesempurnaan hidup umatnya, terutama anak-anak yang kehilangan ahli keluarga mereka. Oleh itu, Muzakarah berpandangan bahawa dalam melaksanakan Wasiat *Wajibah* adalah harus mengambil pandangan yang menyatakan bahawa berwasiat kepada ahli-ahli waris (seperti cucu) yang tidak mendapat pusaka disebabkan halangan-halangan tertentu adalah merupakan suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan.

Oleh yang demikian, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa dalam kes di mana seorang anak yang bapa atau ibunya mati terlebih dahulu daripada datuk atau neneknya, anak tersebut iaitu cucu berhak untuk menerima Wasiat *Wajibah* dengan mengambil bahagian faraid bapa atau ibunya pada kadar tidak melebihi  $\frac{1}{3}$  daripada harta pusaka datuk atau nenek. Sekiranya bahagian ibu atau bapa adalah  $\frac{1}{3}$  atau kurang daripada  $\frac{1}{3}$ , maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi  $\frac{1}{3}$  maka hendaklah dikurangkan pada kadar tidak melebihi  $\frac{1}{3}$ .

Pelaksanaan Wasiat *Wajibah* adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- i. Anak lelaki dan perempuan daripada anak lelaki dan anak perempuan (cucu) ke bawah adalah layak untuk menerima Wasiat *Wajibah*.
- ii. Hendaklah kedua ibu atau bapa mereka meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek atau ibu atau bapa meninggal dunia serentak dengan datuk atau nenek dalam kejadian yang sama atau berlainan.
- iii. Cucu lelaki dan perempuan bukan merupakan waris kepada harta pusaka datuk. Sekiranya mereka merupakan waris ke atas harta pusaka secara fardu atau *ta'sib* maka mereka tidak layak untuk mendapat Wasiat *Wajibah* walaupun bahagiannya sedikit berbanding Wasiat *Wajibah*.
- iv. Sekiranya anak lelaki atau anak perempuan berlainan agama dengan ibu atau bapa atau terlibat dengan pembunuhan ibu atau bapa, maka dia tidak berhak untuk mendapat Wasiat *Wajibah* daripada harta pusaka datuk.
- v. Sekiranya datuk atau nenek telah memberikan harta kepada cucu melalui hibah, wakaf, wasiat dan sebagainya dengan kadar yang

sepatutnya diterima oleh anak lelaki atau anak perempuan mereka sekiranya mereka masih hidup, cucu tidak lagi berhak untuk mendapat Wasiat *Wajibah*. Sekiranya pemberian tersebut adalah kurang daripada hak yang sepatutnya diterima oleh cucu daripada bahagian anak lelaki atau anak perempuan. Maka hendaklah disempurnakan bahagian tersebut.

- vi. Anak akan mengambil bahagian faraid bapa atau ibu yang meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek dan kadar tersebut hendaklah tidak melebihi kadar 1/3 daripada nilai harta pusaka. Sekiranya bahagian tersebut adalah 1/3 atau kurang daripada 1/3, maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi 1/3 maka hendaklah dikurangkan pada kadar 1/3 melainkan setelah mendapat persetujuan ahli-ahli waris yang lain.
- vii. Pembahagian Wasiat *Wajibah* boleh dilaksanakan setelah didahulukan urusan berkaitan mayat, wasiat *ikhtiyariyyah* dan hutang piutang.
- viii. Pembahagian Wasiat *Wajibah* kepada cucu-cucu yang berhak adalah berdasarkan kepada prinsip faraid iaitu seorang lelaki menerima bahagian 2 orang perempuan.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-83  
Tarikh : 22-24 Oktober 2008

## 2.2. Kajian Semula Mengenai Fatwa Wasiat *Wajibah*

Pada mesyuarat lepas telah bersetuju supaya Wasiat *Wajibah* diguna pakai untuk dijadikan undang-undang di negeri Kelantan. Manakala *sighah* yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Teknikal Pengkajian Enakmen Negeri Kelantan telah dipersetujui sebagai draf undang-undang Wasiat *Wajibah*. Namun begitu Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam pada 22-24 Oktober 2008 turut membincangkan isu ini dan membuat keputusan bahawa Wasiat *Wajibah* harus diamalkan di Malaysia dan *اولاد البنات* turut berhak mendapat Wasiat *Wajibah* ini. Perkara ini berbeza dengan keputusan yang dibuat dalam mesyuarat Jamaah Ulama' yang lepas, di mana orang yang berhak mendapat Wasiat *Wajibah* terhad kepada *اولاد الابن* manakala *اولاد البنات* tidak termasuk di dalam golongan yang berhak mendapat Wasiat *Wajibah*. Oleh itu mesyuarat telah membincangkan perkara ini untuk mendapatkan keputusan samada bersetuju memasukkan *اولاد البنات* ke dalam senarai mereka yang berhak menerima Wasiat *Wajibah* atau kekal dengan keputusan mesyuarat yang lalu.

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju bahawa *اولاد البنت* turut berhak menerima Wasiat *Wajibah*. Mesyuarat juga bersetuju meminda *sighah* Wasiat *Wajibah* untuk diperundangan di Negeri Kelantan seperti berikut :

“Bahawa dalam kes di mana seorang anak yang bapa atau ibunya mati terlebih dahulu daripada datuk atau neneknya atau bapa dan ibunya mati secara serentak bersama datuk atau neneknya, anak tersebut iaitu cucu berhak untuk menerima Wasiat *Wajibah* dengan mengambil bahagian faraid bapa atau ibunya pada kadar tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka datuk atau neneknya. Sekiranya bahagian ibu atau bapa adalah 1/3 atau kurang daripada 1/3, maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi 1/3 maka hendaklah dikurangkan pada kadar tidak melebihi 1/3.”

Sumber : Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

### 2.3. Fatwa Draf Undang-undang Wasiat *Wajibah*

Mesyuarat bersetuju memfatwakan bahawa Hukum Wasiat *Wajibah* yang dilaksanakan di Negara-Negara Arab melalui undang-undang hendaklah turut sama diterima pakai dalam Hukum Wasiat di Negeri Kelantan kerana ia mempunyai sandaran syara' yang baik oleh Ulama' yang terdahulu dan semasa.

Mesyuarat juga bersetuju dengan *sighah* yang dikemukakan oleh pihak Jawatankuasa Teknikal Pengkajian Enakmen seperti berikut :

#### Wasiat *Wajibah*

Wasiat kepada cucu

- i. Jika seseorang mati tanpa membuat apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelakinya yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka cucunya itu hendaklah berhak terhadap satu pertiga wasiat dan, sekiranya cucu ini diberi dengan kadar yang kurang dari satu pertiga, haknya hendaklah disempurnakan mengikut kadar Wasiat *Wajibah* yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.
- ii. Kadar Wasiat *Wajibah* untuk kanak-kanak yang disebut dalam sub seksyen (1) hendaklah setakat kadar di mana ayahnya berhak daripada harta pusaka datuknya sekiranya diandaikan ayahnya itu mati selepas kematian datuknya dengan syarat wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka si mati.

- iii. Kanak-kanak tersebut hendaklah tidak berhak kepada wasiat sekiranya dia telah mewarisi daripada datuk atau neneknya, mengikut mana berkenaan, atau datuk atau neneknya semasa hayatnya, dan tanpa menerima apa-apa balasan, telah membuat wasiat kepada mereka atau telah memberi kepada mereka harta yang bersamaan dengan apa yang mereka sepatutnya menerima menurut Wasiat *Wajibah*, dengan syarat sekiranya wasiat yang dibuat oleh datuk atau nenek itu kurang daripada bahagian yang sepatutnya dia berhak, hak-haknya hendaklah ditambah sewajarnya dan jika bahagian tersebut adalah melebihi bahagian yang dia berhak, bahagian yang lebih itu hendaklah menjadi wasiat sukarela dengan tertakluk kepada persetujuan warisnya.

Sumber : Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

#### **2.4. Wasiat Orang Bukan Islam Kepada Orang Islam**

Wasiat orang bukan Islam kepada orang Islam adalah diharuskan mengikut syarak.

Sumber : Jawatankuasa Lujnah Fatwa Negeri Johor  
Tarikh : 5 Disember 2001

#### **2.5. Wasiat Harta**

Isu:

Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai wasiat Allahyarham Maimoon binti Mohammad Nor.

Keputusan:

Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muhtabar di dalam Islam dan mengambil keputusan adalah seperti berikut:

“Mengenai wasiat arwah Maimon binti Mohd Nur yang telah menyerahkan semua hartanya kepada anak-anak saudaranya yang perempuan, sedangkan mereka itu “Zawil Arham”, ahli mesyuarat mendapati bahawa ia hanya menyebut mengaku menerima dan tidak menyerahkan hartanya kepada waris dan surat daripada peguam Khairuddin dan rakan-rakan didapati bukanlah surat wasiat seperti mana yang didakwa olehnya, setelah diteliti oleh ahli mesyuarat, oleh yang demikian wasiat harta

daripada Maimon binti Mohd Nur tidak boleh diterima oleh warisnya dan kembali kepada hak Baitulmal”.

Sumber : Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Selangor

### **3. HIBAH**

#### **3.1. Harta Sepencarian**

- i. Segala apa yang diberi atau dihibahkan oleh suami kepada isteri atau sebaliknya dengan bukti secara syarak atau dengan pengakuan dari pihak yang memberi adalah menjadi hak kepada yang menerima.
- ii. Mengenai tempat tinggal dan perabot pada dasarnya adalah menjadi hak suami kecuali bila ada kenyataan menunjukkan bahawa suami menghibahkan kepada isterinya, atau isteri yang punya.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-4  
Tarikh : 13-14 April 1982

#### **3.2. Hasil Keuntungan/Wang Hibah (Simpanan Pelaburan) Menerusi Akaun Zakat**

Huraian Tajuk/Isu:

Hasil Keuntungan/Wang Hibah (simpanan pelaburan) menerusi akaun zakat

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju bahawa “hasil keuntungan / wang hibah daripada akaun simpanan yang diperoleh menerusi akaun khas zakat adalah sebahagian daripada kumpulan wang zakat. Oleh itu wang berkenaan hendaklah dikembalikan kepada akaun zakat, dan dibelanjakan untuk kepentingan asnaf-asnaf zakat sahaja.”

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu

#### **3.3. Hukum Penghibahan Rumah Beralamat Lot 3678, Mukim Bandar, Daerah Muar, Johor Darul Takzim Kepada Cucu/Anak Angkat Allahyarhamah Hawa binti Kasim**

Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa telah sebulat suara memutuskan seperti berikut:

“Proses penghibahan rumah yang beralamat di Lot 3678, Mukim Bandar Muar, Johor Darul Takzim oleh Allahyarhamah Hawa binti Kasim semasa beliau masih hidup kepada Nor Imani binti Md. Nor, No. Kad Pengenalan: 791027-01-5696 telah berlaku secara sah menurut hukum syarak berkuat kuasa mulai dari tarikh lafaz hibah itu diucapkan oleh beliau ketika hayatnya. Oleh yang demikian, rumah tersebut telah menjadi milik cucu/anak angkat Allahyarhamah Hawa binti Kasim, iaitu Nor Imani binti Md. Nor, No. Kad Pengenalan: 791027-01-5696 (anak perempuan kepada pasangan Siti Zaleha binti Mohd. Yusof dan Haji Md. Nor bon Md. Yasin).”

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka

### **3.4. Hukum Memberi Harta Kepada Anak Angkat**

Isu:

Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwa berkenaan dengan hukum memberi harta kepada anak angkat.

Keputusan:

Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti dan keputusannya adalah seperti berikut:

- i. Sekiranya pemberian itu dibuat semasa hidup maka pemberian itu dinamakan ‘Hibah’ maka ianya hendaklah dilakukan mengikut syarat rukun ‘Hibah’.
- ii. Sekiranya pemberian itu berkuat kuasa selepas si pemberi mati maka pemberian itu dinamakan wasiat, oleh itu pemberian itu hendaklah dibuat mengikut syarat rukun wasiat.

Sumber : Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Selangor

### **3.5. Adakah Boleh Bagi Seseorang Untuk Menghibahkan Hartanya Kepada Ahli-ahli Waris Semasa Dia Hidup Dan Berkeadaan Sihat?**

Harus bagi seseorang ketika masih hidup dan sihat untuk menghibahkan sebahagian hartanya atau kesemuanya kepada mana-mana orang yang disukainya dan tidak ada pihak yang boleh menghalangnya berbuat demikian kecuali kalau dia seorang yang mahjur iaitu orang yang ditahan untuk berurusan dengan hartanya seperti muflis, cacat akal dan seumpamanya. Namun demikian, syarak memberikan panduan untuk

melaksanakan hibah hendaklah seboleh-bolehnya berlaku adil kepada kaum keluarganya berdasarkan hadis Rasulullah saw yang diriwayatkan oleh al Bukhari yang bermaksud:

“Bertaqwalah kepada Allah dan berlaku adillah kamu kepada anak-anak kamu”.

Sumber : Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis

## **4. SEDEKAH**

### **4.1. Hukum Penerimaan Hadiah Saguhati Dan Sedekah Oleh Amil**

Huraian Tajuk/Isu:

Jawatankuasa Fatwa telah dikemukakan dengan persoalan tentang hukum gandaan fidyah dan kafarah. Pihak Jawatankuasa diminta untuk memberi pendapat mengenai Hukum Penerimaan Hadiah Saguhati dan Sedekah Oleh Amil.

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Negeri Selangor yang diadakan pada 16 April 2002 telah memutuskan adalah tidak boleh seorang amil menerima sebarang hadiah, saguhati atau sedekah dalam melaksanakan tugas rasmi atau tugas harian.

Menurut Enakmen Badan-Badan Berkanun (tatatertib dan surcaj) Selangor 2001 mengatakan bahawa:-

Seseorang pegawai tidak boleh;

- a) Membelakangkan kewajipannya kepada badan berkanun demi kepentingan peribadinya;
- b) Berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun;
- c) Berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun sehingga menjejaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai badan berkanun;
  - i) Dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun sehingga

menjejaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai badan berkanun atau;

- ii) Dia telah menggunakan kedudukannya sebagai seorang pegawai badan berkanun bagi faedah dirinya sendiri;
- d) Berkelakuan dengan demikian cara sehingga memburukkan atau mencemarkan nama badan berkanun;
- e) Kurang cekap atau kurang berusaha;
- f) Tidak jujur atau tidak amanah;
- g) Tidak bertanggungjawab;
- h) Membawa atau mencuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap badan berkanun, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain badan berkanun;
- i) Ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah; dan
- j) Cuai dalam melaksanakan tugasnya.

7.(1) Seorang pegawai tidak boleh menerima atau memberikan dan tidak boleh membenarkan isteri atau suaminya atau mana-mana orang lain untuk menerima atau memberikan bagi pihaknya apa-apa hadiah, sama ada dalam bentuk zahir atau selainnya, daripada atau kepada mana-mana orang, persatuan atau badan atau kumpulan orang jika penerimaan atau pemberian hadiah itu dalam apa-apa segi mempunyai kaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan tugas rasminya.

(2) Ketua Bahagian seseorang pegawai boleh, jika difikirkannya patut, membenarkan pegawai itu untuk memberikan suatu surat pujian daripada mana-mana orang, persatuan, badan atau kumpulan orang sempena persaraan atau pertukaran pegawai itu asalkan surat pujian itu tidak terkandung dalam suatu bekas yang bernilai.

(3) Ketua Bahagian boleh membenarkan pemungutan sumbangan secara spontan oleh pegawai-pegawai di bawah jagaannya bagi maksud pemberian hadiah kepada seseorang pegawai dalam bahagiannya sempena persaraan, pertukaran atau perkahwinan pegawai itu atau apa-apa peristiwa lain yang sesuai.

(4) Jika-

- a) Seseorang pegawai berasa ragu-ragu tentang sama ada bentuk, amaun atau nilai hadiah yang diterima olehnya adalah sepadan dengan maksud hadiah itu diberikan; atau
- b) Hal keadaan menyebabkan sukar bagi seorang pegawai untuk menolak sesuatu hadiah atau cenderamata yang bernilai, yang penerimanya dilarang oleh peraturan ini, hadiah itu bolehlah diterima secara rasmi tetapi pegawai itu hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, mengemukakan suatu laporan bertulis kepada Ketua Bahagiannya yang mengandungi perihalan lengkap dan anggaran nilai hadiah itu dan keadaan hal hadiah itu diterima.

(5) Apabila diterima laporan yang dibuat di bawah subperaturan(4), Ketua Bahagian hendaklah-

- a) membenarkan pegawai itu menyimpan hadiah itu; atau
- b) mengarahkan supaya hadiah itu dikembalikan, melalui Ketua Bahagian itu, kepada pemberinya.

Sumber : Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Negeri  
Selangor

Tarikh : 16 April 2002

#### **4.2. Tabung Khairat Kematian Bagi Pegawai-Pegawai Universiti Pertanian Malaysia**

Huraian Tajuk/Isu:

Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah menerima persoalan daripada Pegawai dan kakitangan yang bertugas di Universiti Pertanian Malaysia yang ingin penjelasan berkenaan dengan penubuhan tabung khairat kematian bagi pegawai-pegawai Universiti Pertanian Malaysia.

Keputusan:

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti berdasarkan nas yang muktabar dan mengambil keputusan seperti berikut:

“Hukum seseorang menderma dalam tabung khairat kematian atau lain-lain tabung kebajikan adalah diharuskan dan mendapat ganjaran dari

Allah. Dan adalah diharuskan juga derma itu diberikan kepada orang yang bukan Islam jika wang derma tabung itu bukan daripada zakat yang wajib.”

Keterangan/Hujah:

Tersebut dalam kitab “Fatawa Syariah Wabuhus Islamiah” Juzuk I Hussein Muhammad Makhluf Adiar-ur Misriyatus Sabikan muka surat 258:

Maksudnya:

Adapun semua sedekah-sedekah sunat, maka jumhur (kebanyakan) ulama’ menghukumkan harus memberinya kepada orang bukan Islam. Cuma bahawasanya yang afdhalnya (utamanya) hendaklah diberikan kepada kerabat kita yang miskin, kerana ada padanya sifat menghubungkan tali silaturrahim.

Dan dalam sebuah Hadis Nabi SAW berbunyi:

Bermula sedekah kepada orang miskin itu cuma ada satu sahaja unsur kebaikan: tetapi sedekah kepada orang yang ada hubungan dengan kerabat yang miskin ada padanya dua unsur kebaikan. Pertama sedekah dan kedua menghubungkan silaturrahim dan kepada orang yang memerlukan dari golongan orang-orang Islam, seperti anak-anak yatim yang miskin dan janda-janda.

Dan kepada kaum kerabat yang fakir dan kepada orang yang fakir yang terdiri daripada rakan-rakan ibubapa dan isteri. Dan jikalau diberikan kepada orang yang bukan Islam hukumnya harus, dan adalah orang yang bersedekah itu dapat pahala juga tidaklah sama pahalanya apabila diberikan kepada orang-orang tersebut di atas tadi.

Pandangan Fatwa

Adalah sangat baik seperti yang dicadangkan jika wang Tabung Khairat Kematian itu dapat dipotong daripada gaji kerana tidak diragukan lagi sumbernya bagi orang bukan Islam. Dan adalah baik jika difikirkan munasabah supaya dibuat 2 tabung yang berasingan demi tidak menjadi kesamaran oleh ahli-ahli kerana sekurang-kurangnya dapat menghindarkan daripada perkara-perkara syubhah yang dituntut oleh syara’ supaya menjauhinya.

Sumber : Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Negeri  
Selangor

Tarikh : 19 Disember 1987

## 5. FIDYAH

### 5.1. Fatwa Status Puasa Bagi Pesakit Yang Menerima Rawatan Dialisis Peritoneal

Huraian Tajuk/Isu:

Fatwa Status Puasa Bagi Pesakit Yang Menerima Rawatan Dialisis Peritoneal.

Keputusan:

Dimaklumkan bahawa perkara di atas telah dibincang dan dibahaskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor pada 27 Syaaban 1430 bersamaan 18 Ogos 2009. Setelah dilihat dengan penuh penelitian, maka keputusannya adalah seperti berikut :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ  
أَشْرَفَ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

Alhamdulillah fatwanya:

“Sekiranya rawatan dialisis peritoneal dilakukan pada siang hari Ramadhan (bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari) maka ia membatalkan puasa kerana darah yang dimasukkan semula ke dalam badan pesakit ada dicampurkan unsur kimia dan unsur berzat iaitu larutan gula dan asid amino.

Oleh itu, orang yang berpenyakit buah pinggang yang mana kehidupan hariannya sepanjang hayat bergantung pada penggunaan dialisis peritoneal (tidak boleh tidak) maka gugurlah kewajipan berpuasa ke atas dirinya dan ia hanya diwajibkan membayar fidyah iaitu secupak beras untuk setiap hari yang ditinggalkan.

Walau bagaimanapun jika sekiranya penggunaan dialisis peritoneal hanya pada waktu tertentu sahaja (pada keadaan kritikal) dan kebetulan semasa itu ia berpuasa maka batal puasa tersebut dan ia wajib qada' semula puasa tersebut pada hari yang lain”.

والله أعلم بالصواب.

Sumber : Jawatankuasa Lujnah Fatwa Negeri Johor  
Tarikh : 18 Ogos 2009

## 5.2. Program Pembayaran Fidyah Sembahyang Dan Khatam Al-Quran Bagi Orang Yang Telah Meninggal Dunia

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka bil 3/2007 yang bersidang pada 2 Zulhijjah 1428H bersamaan 12 Disember 2007 sebulat suara bersetuju memutuskan bahawa:

- a) Tiada qadha' dan tiada fidyah bagi sembahyang yang ditinggalkan oleh orang yang telah meninggal dunia berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Malik ibn Anas dalam kitab al-Muwatta' daripada Ibn 'Umar radhiyallahu 'anhuma:

لَا يَصُومُ أَحَدٌ عَنْ أَحَدٍ وَلَا يُصَلِّي أَحَدٌ عَنْ أَحَدٍ .

- b) Tidak harus mengambil upah membaca dan mengkhatamkan al-Qur'an bagi orang yang telah meninggal dunia berdasarkan hadis:

إِقْرَأُوا الْقُرْآنَ وَلَا تَعْلَمُوا فِيهِ ، وَلَا تَجِفُّوا عَنْهُ ، وَلَا تَأْكُلُوا بِهِ ، وَلَا تَسْتَكْثِرُوا .

- c) Sebarang pemungutan wang atau sumbangan-sumbangan lain bagi apa-apa maksud khairat orang Islam oleh mana-mana orang atau kumpulan orang tanpa kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam Melaka adalah berlawanan dengan seksyen 94, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002. Oleh yang demikian, ia menjadi suatu kesalahan dan pihak yang menjalankan aktiviti tersebut tanpa kebenaran Majlis boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka

Tarikh : 12 Disember 2007

## 5.3. Kiraan Bayaran Fidyah

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum (FATWA) Negeri Selangor telah sebulat suara memutuskan bahawa:

- i. Maksud fidyah-denda yang dibayar dengan menggunakan beras (makanan asasi) mengikut kadar 1 cupak dan tidak boleh dibayar mengikut nilai duit sebagai ganti kepada beras.

- ii. Seterusnya mesyuarat menyarankan agar pamflet berhubung perkara ini dikemaskinikan lagi dengan memasukkan kiraan yang betul mengikut sukatan 1.

Sumber : Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum (FATWA)  
Negeri Selangor  
Tarikh : 1 Januari 1970

#### **5.4. Membayar Fidyah Puasa Dengan Barang Kemas**

Keputusan:

Jawatankuasa memutuskan bahawa membayar fidyah barang kemas untuk orang yang telah mati adalah bertaklid kepada Mazhab Imam Hanafi kerana fidyah puasa dalam Mazhab Shafie adalah barang makanan seperti beras.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang  
Tarikh Keputusan : 29 Mac 1995

#### **5.5. Penggunaan Ubat Penyakit Jantung Bagi Pesakit-Pesakit Yang Sedang Berpuasa**

Huraian Tajuk/Isu:

Penjelasan mengenai sejenis ubat yang diletakkan di bawah lidah pesakit jantung yang sedang berpuasa.

Keputusan:

Setiap benda yang dimasukkan ke dalam mulut dan hancur ketika bercampur dengan air liur, maka ia membatalkan puasa. Oleh yang demikian tidak harus bagi pesakit jantung menggunakan pil yang diletak di bawah lidah semasa berpuasa. Jika dilakukan, ia membatalkan puasa.

Keterangan/Hujah:

Walaupun ubat itu dikatakan menyerap ke dalam urat saraf, tetapi pada permulaannya ia akan bercampur dengan air liur, maka kerana itu apabila ditelan air liur yang telah bercampur, ia akan membatalkan puasa.

Sesungguhnya dari segi syara' memberi kelonggaran bagi orang yang sakit supaya tidak berpuasa semasa atau selama ia mengidap penyakit itu, namun begitu ia perlu mengqadhakannya. jika penyakit itu berpanjangan dan tidak mempunyai harapan untuk sembuh, maka bolehlah digantikan puasa itu dengan membayar fidyah.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang  
Tarikh : 8 Mei 1984

## **5.6. Fidyah Sembahyang Dan Puasa**

Huraian Tajuk/Isu:

Hukum mengenai qada sembahyang dan bayar fidyah puasa bagi si mati.

Keputusan:

Tiada diqadakan dan juga tidak dikeluarkan fidyah bagi sembahyang si mati.

Manakala hukum fidyah puasa, sekiranya orang yang mati sedang menanggung puasa fardhu dan berkesempatan untuk menqadaknya tetapi ia tidak berbuat demikian maka dikenakan fidyah bagi setiap hari puasa yang ditinggalkan sebanyak 15 tahlil beras. Jika puasa itu tidak diqadakan lewat bertahun maka fidyah akan berganda mengikut bilangan tahun.

Keterangan/Hujah:

Terdapat 3 pendapat mengenai hukum fidyah sembahyang di dalam Mazhab Shafie, antaranya:

- i) Tidak diqadakan dan juga tidak dikeluarkan fidyah bagi sembahyang si mati.
- ii) Diqadakan sembahyang si mati oleh waris atau kerabatnya, boleh di keluarkan harta peninggalan si mati bagi tujuan tersebut tetapi tiada di buat fidyah.
- iii) Boleh dibuat fidyah ke atas setiap waktu yang ditinggalkan oleh si mati dengan kadar 15 tahlil beras setiap sembahyang.

Yang muktamad adalah pendapat pertama.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang  
Tarikh : 28 September 1981

## 5.7. Fidyah Sembahyang Dan Puasa

Keputusan:

Di dalam sembahyang tidak ada fidyah kerana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Tinggal sembahyang dengan sengaja itu tidak ada jalan untuk menebusnya melainkan bertaubat nasuha.”

Adapun fidyah puasa adalah seperti yang tersebut di dalam ayat 184 surah al-Baqarah yang bermaksud:

“Barangsiapa keberatan ke atas dirinya berpuasa maka hendaklah ia memberi fidyah dengan cara memberi makan seorang miskin (bagi tiap-tiap sehari yang ditinggalkannya).”

Sumber : Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis  
Tarikh : 2 Oktober 1974

## 6. KAFARAH

### 6.1. Hukum Gandaan Fidyah Dan Kafarah

Huraian Tajuk/Isu:

Jawatankuasa Fatwa telah dikemukakan dengan persoalan tentang hukum gandaan fidyah dan kafarah. Pihak Jawatankuasa diminta untuk memberi pendapat dan keputusan tentang perkara tersebut.

Keputusan:

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor yang bersidang pada 16 Januari 2001 telah sebulat suara membuat keputusan bahawa pembayaran-pembayaran fidyah dan kafarah yang tertangguh adalah tidak digandakan (harus). Ini menurut sebahagian pandangan mazhab Syafie.
- ii. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak pembayar ingin membuat pembayaran fidyah dan kafarah secara berganda maka ianya boleh diterima.
- iii. Oleh itu, pembayaran fidyah dan kafarah ini diberi dua pilihan:
  - a. Digandakan pembayaran fidyah dan kafarah mengikut tahun yang ditinggalkan.

- b. Tidak digandakan pembayaran.
- iv. Pandangan ini diambil kira ia berbetulan dengan ajaran Islam yang tidak sama sekali menyusahkan manusia yang menganut ajarannya.

Keterangan/Hujah:

Latar Belakang

- i. Fidyah ialah satu istilah yang terdapat di dalam Fiqh al-Islami. Ia lebih difahami sebagai “satu cara untuk menggantikan puasa Ramadhan yang tertinggal disebabkan keuzuran yang diterima oleh syarak atau tidak”.
- ii. Jumlah fidyah yang dibayar adalah berdasarkan kepada bilangan puasa yang ditinggalkan. Sekiranya bilangan puasa yang ditinggalkan itu banyak, maka banyaklah fidyah yang perlu dibayar. Begitu juga sebaliknya.
- iii. Sekiranya jumlah yang perlu dibayar adalah sedikit, ia tidak menjadi masalah. Tetapi sekiranya jumlah tersebut terlalu tinggi, masalah akan timbul apabila berlaku penggandaan dalam pengiraan fidyah apabila pembayaran ditangguhkan untuk beberapa Ramadhan.

Pendapat Ulama’

- i. Terdapat dua pandangan terhadap masalah penggandaan kiraan fidyah tertangguh:
  - a. Tidak digandakan: ia adalah pandangan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali.  
  
Pandangan ini dikukuhkan dengan hujah bahawa penangguhan terhadap sesuatu ibadah tidak akan menambahkan bilangan ibadah tersebut sebagaimana yang berlaku kepada ibadah haji yang tertangguh.
  - b. Digandakan: Pandangan ini dikukuhkan dengan hujah bahawa setiap penangguhan tersebut membentuk fidyah yang lain. Fidyah yang bertambah tersebut tidak boleh disatukan menjadi satu.

Sumber : Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ (Fatwa) Negeri Selangor

Tarikh : 1 Januari 1970

## 7. NAZAR

### 7.1. Hukum Mengumpul Duit Dengan Niat Dan Lafaz Untuk Membuat Korban

Huraian Tajuk/Isu:

Mengumpul duit dengan niat dan lafaz untuk membuat korban.

Keputusan:

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah yang bermesyuarat pada 1 Januari 1970 berpendapat bahawa mengumpul duit dengan niat dan lafaz untuk membuat korban tidak menjadi nazar.

Keterangan/Hujah:

*Sighah* yang menjadi rukun kepada nazar disyaratkan hendaklah berbentuk janji dengan membuat kebajikan dengan cara iltizam *qurbah* yang melazimkan atau mewajibkan ke atas diri melakukan sesuatu yang menjadi *qurbah* yakni yang menghampirkan diri kepada Allah.

Tarikh : 1 Januari 1970

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah

## 8. LUQATAH

### 8.1. Harta Ahli Waris Pesakit Atau Pesakit Di Hospital Yang Tertinggal Atau Tidak Dituntut

Harta ahli waris pesakit atau harta pesakit yang tertinggal dan berharga boleh dikategorikan sebagai harta orang Islam yang tercicir dan tertinggal, termasuk dalam harta (harta yang tertinggal). Harta tersebut hendaklah diserahkan kepada orang yang bertanggungjawab dan hendaklah diwar-warkan [diisytihar] di masjid-masjid berdekatan, akhbar-akhbar, radio dan juga media-media masa yang lain. Sekiranya tidak ada tuntutan dalam jangka masa lebih kurang 3 bulan, maka harta itu boleh diserahkan kepada Baitulmal dan Baitulmal hendaklah mengenal pasti harga dan menilainya. Sekiranya waris yang sebenar menuntut maka hendaklah diganti harta yang sebenar atau dibayar dengan nilai harga barangan itu.

Sumber : Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis

## 9. HARTA TIDAK PATUH SYARIAH

### 9.1. Harta Tidak Patuh Syariah

Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa di dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, *gharar*, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:

- a) Diserahkan kepada Baitulmal untuk *masalah-masalah* umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya;
- b) Diserahkan kepada golongan fakir miskin; atau
- c) Jika harta tersebut merupakan harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI ke-87

Tarikh : 23-25 Jun 2009

### 9.2. Hukum Bermuamalat Dengan Bank-Bank Perdagangan

- a) Bekerja di bank atau institusi kewangan hukumnya harus.
- b) Pinjaman bank atau institusi kewangan adalah haram hukumnya kecuali kerana terpaksa bagi memenuhi keperluan asas yang mendesak.
- c) Menyimpan di bank dengan tidak mengambil faedah hukumnya harus.
- d) Wang faedah yang diperolehi dari bank atau institusi kewangan adalah haram digunakan untuk diri sendiri tetapi hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.
- e) Menerima berbagai bentuk hadiah dan pemberian dari bank dan institusi kewangan seperti biasiswa adalah harus hukumnya.
- f) Menyewa bangunan kepada bank adalah haram.

g) Memegang saham bank yang mengamalkan riba adalah haram.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-32

Tarikh : 10-11 Jun 1993

### 9.3. Wang Faedah

- i. Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan yang dibuat oleh institusi Islam atau perniagaan atau badan kebajikan yang dianggotai oleh orang-orang Islam dalam mana-mana bank harus diterima oleh badan-badan itu atas alasan kecemasan ekonomi orang-orang Islam pada masa ini.
- ii. Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan seseorang Muslim dalam mana-mana bank harus diterima olehnya atas alasan kerana kecemasan itu juga, tetapi wang faedah itu hendaklah dimasukkan dalam Baitulmal atau untuk kegunaan muslihat umum.

Sumber : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-3

Tarikh : 21-22 Januari 1971

### 9.4. Hukum Pelaburan Yang Menjamin Keuntungan Tetap

Sebarang pelaburan yang menjamin keuntungan secara tetap sebagaimana yang ditawarkan oleh beberapa syarikat pelaburan dalam dan luar negara seperti Syarikat Swiss Cash Mutual Fund dan lain-lain adalah haram kerana ia mengandungi unsur riba dan *gharar*. Umat Islam adalah dilarang terlibat dengan pelaburan seumpama ini.

Sumber : Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan

Tarikh : 6 September 2007

### 9.5. Permasalahan Mengenai Wang Syubhah / Haram

- i. Semua wang syubhah/haram yang diserahkan kepada Baitulmal adalah dianggap satu dan bersih. (Rujuk kitab al-Imam Yusuf al-Qaradhawi, m/s 411 & 412)
- ii. Wang riba/faedah adalah haram bagi diri pengusahanya sahaja. (Rujuk kitab yang sama m/s 410)
- iii. Keuntungan/Dividen Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) adalah haram kerana pelaburan terbesarnya adalah Bank *Ribawi*.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang

#### **9.6. Penyucian Wang Syubhah/Haram**

Semua wang syubhah/haram yang diserahkan kepada Baitulmal adalah dianggap satu dan bersih.

Keterangan/Hujah:

Rujuk kitab imam Yusuf al-Qardhawi m/s 411/412

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang

#### **9.7. Wang Faedah Bank**

Huraian Tajuk/Isu:

Menggunakan wang faedah bank untuk tujuan melanjutkan pelajaran.

Keputusan:

Wang yang diperoleh sebagai faedah daripada simpanan tetap bank yang disebut di atas adalah riba serta diharamkan. Wang faedah itu termasuk dalam bahagian harta haram. Ianya boleh di gunakan untuk keperluan umat Islam dengan cara menyerahkan kepada Baitulmal.

Sumber : Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang

#### **9.8. Bagaimanakah Pinjaman Yang Dianggap Riba?**

Jawatankuasa memberi pandangan dan keputusan seperti berikut:

- i. Pinjaman itu dikenakan faedah tetap.
- ii. Kadar bayaran 6% bukanlah bayaran perkhidmatan tetapi melebihi bayaran perkhidmatan dan yang lebih adalah riba.
- iii. Sekiranya Koperasi ini mengamalkan pinjam-meminjam untuk kepentingan ahli dengan mengenakan kadar yang munasabah sebagai bayaran perkhidmatan tanpa ada timbal balik keuntungan kepada syarikat, malah semata-mata untuk menolong, maka pinjaman berbentuk ini adalah harus.

Sumber : Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis

### **9.9. Adakah Pinjaman Yang dikenakan Faedah Untuk Membeli Rumah, Kenderaan Dan Sebagainya Dikategorikan Sebagai Riba?**

Riba dari segi bahasa ialah lebihan, manakala pada syarak ialah lebihan harta yang dikenakan tanpa ganti di dalam pertukaran harta dengan harta, atau sebarang lebihan yang disyaratkan atau dijanjikan untuk diberi kepada orang yang memberi hutang sesuatu manfaat kepada dirinya bersabit dengan hutang yang diberi kepada orang yang berhutang itu.

Jawatankuasa Fatwa telah mengambil keputusan bahawa:

Pinjaman yang dikenakan faedah untuk membeli harta benda seperti rumah, kenderaan, perkakas rumah dan sebagainya oleh bank atau kerajaan, institusi atau individu yang diamalkan sekarang ini adalah termasuk di dalam takrif riba dan hukumnya adalah haram kecuali jika diubah system pembiayaan secara riba sekarang kepada system *al-Qadhul Hasan* atau bayaran perkhidmatan.

Keterangan/Hujah:

Alasan-alasan yang diberikan adalah seperti berikut :-

- i. Penentuan faedah dibuat semasa akad tanpa diberi perhatian kepada untung rugi.
- ii. Peratus kadar faedah berdasarkan kepada jumlah wang (modal) yang terlibat.
- iii. Pembayaran faedah tetap seperti yang dijanjikan tanpa diambil kira sama ada projek itu dijalankan oleh pihak kedua itu untung atau rugi.
- iv. Jumlah kadar bayaran faedah tidak meningkat sekalipun jumlah keuntungan berlipat ganda.

Sumber : Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis